ABU HURAIRAH

pengarang:

Syrafuddin al-Musawi al- ‘Amili

Indonesia

2010-06-01 11:30:59

ABU HURAIRAH

ABU HURAIRAH

Diterjemahkan dari buku Abu Hurairah

Karya Syrafuddin al-Musawi al- ‘Amili

Cetakan PeerMahomed Ebrahim Trust

Karachi, Pakistan, 1997

Hak terjemahan dilindungi undang-undang

All rights reserved

Cetakan Pertama: Februari, 1979

Edisi Bahasa Inggeris

Abu Hurairah, 7 Februari 1979/ 9 Rabi‘ al-Awwal 1399.

Edisi Bahasa Melayu

Copyright @

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

DAFTAR ISI

BAB I

1. Kajian mengenai kehidupannya sebagai sahabat dan periwayat hadith Nabi (s.‘a.w)

2. Nama dan keturunan Abu Hurairah

3. Permulaan kehidupan, keislaman dan persahabatan.

4. Abu Hurairah di sepanjang kehidupan Nabi (s.‘a.w)

BAB II

5. Abu Hurairah disebat semasa pemerintahan dua orang khalifah yang awal kerana ketidakjujurannya.

6. Abu Hurairah semasa Khilafah ‘Uthman

7. Abu Hurairah semasa Khilafah ‘Ali (‘a.s)

8. Sikap Abu Hurairah Dalam Peperangan Siffin

BAB III

9. Abu Hurairah semasa pemerintahan Mu‘awiyah

10. Sokongan Bani Umaiyyah terhadap Abu Hurairah

11. Peranan Abu Hurairah menyokong Bani Umaiyyah

12. Bilangan hadith Abu Hurairah yang keterlaluan

13. Aspek kualiti hadith Abu Hurairah

BAB IV

14. Hujah-hujah selanjutnya mengenai hadith ini

15. Melihat Allah pada Hari Qiyamat dengan mata zahir dalam gambaran yang berbeza-beza

16. Persoalan melihat Allah

17. Neraka tidak akan penuh sehinggalah Allah memasukkan kaki-Nya ke dalam neraka

BAB V

18. Allah turun ke langit dunia pada setiap malam

19. Nabi Sulaiman menentang keputusan bapanya, Nabi Dawud

20. Nabi Sulaiman bertukarganti 100 orang wanita dalam satu malam

21. Nabi Musa (‘a.s) menumbuk mata malaikat maut

BAB VI

22. Batu melarikan pakaian Musa dan Musa mengejarnya dari belakang kemudian Bani Isra’il melihat Musa tidak berpakaian

23. Umat manusia yang takut telah memohon perlindungan kepada Adam, seterusnya Nuh, Ibrahim, Musa dan ‘Isa pada hari Qiyamat, mengharapkan syafa‘at mereka dan mereka pula berdukacita.

24. Keraguan para nabi dan rasul, kesalahan Nabi Lut (‘a.s) dan kemuliaan Nabi Yusuf (‘a.s) mengatasi Nabi Muhammad (s.‘a.w)

25. Belalang emas jatuh ke atas Nabi Ayyub ketika sedang mandi dan celaan Allah terhadapnya kerana menyembunyikannya dalam pakaiannya.

BAB VII

26. Pendedahan keaiban Musa, ketika semut menggigitnya, dia membakar seluruh sarangnya.

27. Nabi terlupa salat dua rakaat

28. Nabi (s.‘a.w) memukul, menyebat,mencela dan melaknat orang yang tidak sepatutnya.

29. Gangguan syaitan kepada Nabi (s.‘a.w) semasa mendirikan salat

30. Nabi (s.‘a.w) tertidur sehingga terlepas waktu salat subuh

BAB VIII

31. Lembu dan serigala bercakap dalam bahasa Arab yang fasih

32. Abu Bakr menjadi ketua perwakilan Haji tahun 9H dan Abu Hurairah diwakilkan untuk mengumumkan Bara’ah pada tahun yang sama

33. Malaikat bercakap dengan ‘Umar

34. Warisan pusaka Nabi (s.‘a.w) adalah sadaqah

35. Abu Talib didakwa enggan mengucapkan dua kalimah syahadat (syahadatain)

36. Peringatan pertama pada Hari al-Dar (Yaum al-Dar)

BAB IX

37. Orang berkulit hitam (Habsyi) bermain-main dalam masjid berdekatan Nabi (s.‘a.w)

38. Pembatalan sebelum tiba masa mengamalkannya

39. Melakukan perbuatan dalam jangka masa yang tidak memadai.

40. Manusia bertukar bentuk menjadi tikus

41. Apabila sesebuah hadith ditolak di hadapannya, dia mengatakan bahawa dia mendengarnya daripada Fadl bin ‘Abbas, bukannya daripada Nabi (s.‘a.w)

42. Dua buah hadith bercanggah antara satu sama lain

BAB X

43. Dua orang bayi yang baru lahir bercakap tentang perkara yang tidak diketahui

44. Abu Hurairah ditugaskan menguruskan zakat atau fitrah sebagai amanah sementara syaitan datang mencurinya selama 3 malam

45. Penerimaan Islam oleh Ibu Abu Hurairah dengan doa Nabi (s.‘a.w) dan juga doa Nabi (s.‘a.w) agar kedua-duanya dicintai orang-orang mu’min dan orang-orang mu’min pula dicintai kedua-duanya

46. Hamba Abu Hurairah semasa penghijrahannya

47. Cerita dongeng bermatlamat untuk memperlihatkan kebaikan bersaqadah

48. Sebuah lagi cerita khayalan tentang kebaikan memenuhi sumpah

BAB XI

49. Dongeng ketiga tentang akibat baik mensyukuri nikmat dan akibat buruk menafikannya

50. Cerita khayalan keempat menunjukkan akibat penganiayaan yang buruk

51. Cerita khayalan kelima menunjukkan kebaikan berbuat baik

52. Cerita khayalan dengan tujuan yang sama seperti yang terdahulu 53. Kekufuran melampaui batas yang Allah ampuni

54. Orang berdosa bertaubat kepada Allah kemudian kembali melakukan dosa berulang kali lalu Allah mengatakan kepadanya: “ Buatlah apa yang kamu suka, kerana Aku telah mengampunimu.”

55. Abu Hurairah mengaitkan cerita atau riwayatnya sendiri kepada Nabi (s.‘a.w)

BAB XII

56. Abu Hurairah mendakwa dia hadir sedangkan dia sebenarnya tidak hadir

57. Penolakan hadith-hadith Abu Hurairah oleh tokoh-tokoh terawal

58. Protes Abu Hurairah terhadap orang-orang yang menyalahkannya

BAB XIII

59. Beberapa mu‘jizat Nabi (s.‘a.w) yang menakjubkan

60. Sekilas pandang tentang kebaikan Abu Hurairah

61. Beberapa perkara baru tentang Abu Hurairah

62. Kematian Abu Hurairah dan keturunannya yang masih selamat

63. Glosari

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

PRAKATA

Bismillahi al-Rahman al-Rahim

Kami merasa sungguh bangga kerana dapat mengemukakan sebuah risalah mengenai kajian tentang kehidupan Abu Hurairah, salah seorang sahabat Nabi (s.‘a.w). Kitab ini merupakan sebuah ringkasan yang diadaptasi daripada kitab berbahasa Inggeris yang diambil daripada sumber asalnya berbahasa Arab berjudul “ Abu Hurairah,” tulisan tokoh pemikir Islam yang terkenal dan termasyhur dalam zaman moden ini, iaitu al-Sayyid ‘Abd al-Husain Syarafuddin al-Musawi, yang memperolehi kemasyhurannya dengan penerbitan kitab mengandungi soal-jawabnya dengan Ketua dan Rektor Universiti al-Azhar, Qahirah, Mesir mengenai persoalan-persoalan yang berhubung dengan perbezaan

di antara kepercayaan atau akidah madhhab Syi‘ah dan Sunni dalam Islam di bawah tajuk al-Muraja‘at. Pengarang tersebut, seperti yang para pembaca sendiri menyedari bahawa dengan membaca kitab ini, telah memperlihatkan pengetahuannya yang menyeluruh dalam pelbagai penulisan Islam mulai dengan al-Qur’an, dan merangkumi semua koleksi hadith yang dikenali sebagai Sahih atau Musnad dan sebagainya, tafsiran al-Qur’an, sejarah, biografi tokoh-tokoh muslim, termasuklah kehidupan dan personaliti tokoh-tokoh hadith dan lain-lain.

Ketika beliau berbicara dengan mana-mana tokoh, prinsip atau hujah, beliau kelihatan memperhatikan semua perkara yang berkaitan dengan subjek dalam hampir seluruh sumber yang terdapat dalam dunia penulisan Islam dan beliau telah mengambil pertimbangan terhadap semua material sebelum membentuk atau menyatakan pendapatnya dan membolehkan para pembaca itu sendiri membuat keputusan akhirnya.

Secara bersahaja, beliau memiliki pemikiran yang kritikal, dengannya beliau secara logik dapat sampai kepada kebenaran selepas melakukan kajian terhadap semua material atau bahan mengenai subjek tersebut. Cara beliau berhujah adalah mudah dan kelihatan beliau tidak memaksa para pembaca untuk menerima pendapatnya sebaliknya, hanya membawa mereka meneliti fakta-fakta yang dibentangkannya daripada pelbagai sumber dan mentafsirkannya dengan cara yang mudah bagi para pembaca untuk bersetuju dengannya dalam kesimpulannya dengan cara yang bebas dan dengan kekuatan bukti-bukti dan kenyataankenyataan.

Oleh kerana pengarang sendiri telah menjelaskan, beliau berfikir untuk mengeluarkan kitab mengenai “ Abu Hurairah ” ini, kerana sahabat ini daripada sekalian sahabat, telah meriwayatkan hadithhadith dikatakan daripada Nabi (s.‘a.w) “ jauh lebih banyak ” daripada mana-mana tokoh, bahkan “ melampaui batas ” berbanding dengan periwayatan oleh Ahl al-Bait, empat orang khalifah yang terawal, dan juga sembilan orang Ummahat al-Mu’minin (isteri-isteri Rasulullah (s.‘a.w) semuanya, manakala hadithnya kerap kali dipetik dan dirujuk oleh tokoh-tokoh besar hadith muslim (Sunni) sebagai sumber pelbagai kepercayaan dalam Islam, dan juga perundangan Islam yang dikenali Syari‘ah. Justeru, adalah menjadi suatu kewajiban untuk melakukan kajian terhadap kesahihan hadith-hadith yang diriwayatkannya dan untuk itu, menjadi kewajiban juga untuk mengkaji kehidupan dan perwatakannya bagi menilai kebolehpercayaan terhadapnya dalam persoalan yang amat penting ini.

Pengarang telah mendalami kedua-dua aspek, bilangan (kuantitatif) dan juga kandungan (kualitatif) periwaatan hadithnya. Dalam perbincangan mengenai kedua-dua aspek itu, beliau telah meninjau latar belakang kehidupannya, seperti masa memeluk Islam, tempoh masa dia bersama-sama dengan Nabi (s.‘a.w), status sosial pada masa itu sebagai perbandingan dengan sahabat-sahabat yang

lain, yang akan menunjukkan sama ada dia berada dalam situasi lebih baik berbanding yang lain untuk mendengar hadith-hadith daripada Nabi (s.‘a.w).

Dalam perbahasannya mengenai kehidupan tokoh yang dikaji itu, pengarang secara umumnya telah membahagikannya kepada dua bahagian:

Pertama:

Zaman kehidupan Nabi (s.‘a.w) dan empat orang khalifah Islam yang terawal.

Kedua:

Zaman pemerintahan Bani Umaiyyah.

Dalam peringkat pertama kehidupannya, Abu Hurairah hampir tidak dikenali dan tidak pula diketahui, dia hidup di kalangan Ahl al- Suffah (iaitu orang-orang yang mempunyai apa-apa dan hidup di kawasan serambi masjid Nabi (s.‘a.w)) di Madinah dan melalui kehidupan mereka dengan menerima sedekah dan kebajikan orang lain.

Jelaslah, dalam tempoh masa ini, dia tidak mempunyai peluang untuk mendengar hadith-hadith daripada Nabi (s.‘a.w) berbanding dengan sahabat-sahabat Ahl al-Suffahnya yang lain dan dia tidak mungkin meriwayatkan lebih banyak daripada orang lain. Abu Hurairah adalah orang yang bermastautin di Yaman dan datang ke Madinah untuk menganuti Islam dalam tahun berlakunya Perang Khaybar, iaitu dalam tahun 7 H. Justeru, dia dapat menikmati bersama-sama Nabi (s.‘a.w) selama kira-kira 3 tahun sahaja dan itu pun dalam keadaan terpencil dan terasing. Semasa zaman empat orang khalifah juga, dia kelihatan terus dalam keadaan terpinggir dan hidup dalam keadaan kehinaan berbeza dengan tokoh-tokoh terkemuka yang lain pada masa itu.

Seperti yang dicatatkan oleh sejarah, Mu‘awiyah yang sedang merancang mendapatkan kekuasaan duniawi ke atas seluruh negara Islam, merampasnya daripada tangan ‘Ali (‘a.s), ternyata telah dapat mengesan ketokohan dalam diri Abu Hurairah yang boleh memberikan keuntungan kepadanya dalam pelbagai rancangannya untuk menyanjungi ketiga-tiga orang khalifah dan untuk meruntuhkan kedudukan ‘Ali (‘a.s) dan para penyokongnya dengan apa cara sekalipun dan mengembangkan naungannya terhadapnya. Tidak lama kemudian, Abu Hurairah dilihat keluar daripada kehidupannya kegelapan dan kehinaan kepada kegemerlapan dan penghormatan yang tinggi.

Wajar juga disebutkan di sini bahawa kebanyakan hadith diriwayatkan Abu Hurairah pada masa ini dan sangat sedikit diriwayatkan pada zaman ketiga-tiga orang khalifah. Hal ini memang terserlah kerana Mu‘awiyah telah mengeluarkan arahan umum bahawa sesiapa sahaja yang menghasilkan hadith-hadith berkaitan

dengan keistimewaan ketiga-tiga orang khalifah terawal atau dalam keadaan seumpamanya yang boleh merendahkan kedudukan dan keistimewaan ‘Ali (‘a.s) akan diberikan ganjaran yang lumayan. Memperolehi ganjaran lumayan dan kedudukan yang sangat tinggi kerana meriwayatkan hadith-hadith yang dapat memenuhi permintaan para pemerintah telah mendorong Abu Hurairah untuk mengabadikan semua kemahirannya kepada tugas yang menguntungkan.

Inilah alasan menyebabkan semua hadith yang diriwayatkannya, walaupun dihubungkan kepada Nabi (s.‘a.w) mempunyai pembinaan bentuknya yang tersendiri dan sangat mudah dikesani sebagai hadith palsu hasil daripada pemikirannnya sendiri. Selain itu, pengkajian yang kritikal yang dilakukan oleh pengarang mengenai aspek kuantitatif hadith-hadith Abu Hurairah dengan jelas menunjukkan bahawa semuanya adalah rekaan sematamata.

Pengarang tidak hanya membataskan diri dengan membuat kajian berbentuk umum tentang bilangan atau tabiat hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahkan kajian dilakukan secara kritikal terhadap 40 buah hadith satu demi satu dengan secara terperinci, dengan memberikan rujukan mengenai pengarangnya, ahli sejarawan, ahli hadith, para pentafsir yang sah dan lain-lain yang menunjukkan kajiannya yang luas dan pendapatnya yang mendalam di suatu sisi, dan keikhlasan sebagai tokoh penyelidik di suatu sisi yang lain. Dalam pemeriksaan hadith yang kritikal, pengarang telah berjaya menunjukkan bahawa hadith-hadith itu bukan sahaja tidak boleh dipercayai bahkan memberikan imej yang buruk kepada Islam dan Rasulullah (s.‘a.w), kerana semuanya bukan sahaja tidak boleh diterima akal yang waras bahkan turut berbeza dengan kepercayaan dan prinsip asas Islam yang telah diterima baik seperti hadith yang menunjukkan bahawa Allah meletakkan kaki-Nya ke dalam neraka untuk memenuhinya seolah-olah Dia (Allah) mempunyai anggota dan terdiri daripada bahagian-bahagian, ataupun hadith yang menyebutkan bahawa Nabi Musa (‘a.s) menampar malaikat maut sehingga tersembol salah satu matanya seolah-olah para malaikat begitu biadap dan ingkar kepada perintah-Nya, ketika Dia (Allah) mengutuskan malaikat maut untuk mematikannya, mereka menamparnya dan menyebabkannya berpatah kembali kepada Allah tanpa dapat mencabut nyawa yang Allah telah perintahkan itu. Katakata tidak diperlukan untuk memperlihatkan bahawa hadith-hadith tersebut dalam apa cara sekalipun tidak wajar diterima sebagai katakata Nabi (s.‘a.w) yang sahih, kerana dasar ajaran baginda yang tidak dapat diganggugugat adalah Keesaan Allah (al-Tawhid) dan kemaksuman para malaikat daripada kelemahan sifat manusiawi.

Selepas membincangkan 40 buah hadith, pengarang telah mengabadikan bab masing-masing kepada aspek-aspek penting Abu Hurairah yang lain seperti:

(1) Tabiatnya meriwayatkan hadith seolah-olah dia sendiri mendengarnya daripada Nabi (s.‘a.w) walaupun sebenarnya dia tidak pernah mendengarnya

daripada baginda (s.‘a.w).

(2) Dakwaan Abu Hurairah mengenai kehadirannya dalam peristiwaperistiwa tertentu sedangkan berdasarkan fakta-fakta sejarah yang telah dibuktikan, dia tidak pernah hadir sama sekali.

(3) Penolakan hadith Abu Hurairah oleh tokoh-tokoh terkemuka pada zamannya dan lain-lain, seperti ‘Ali (‘a.s), ‘Umar, ‘A’isyah dan lain-lain.

Jelas kelihatan Abu Hurairah tidak begitu memberikan perhatian terhadap kritikan terhadap riwayatnya oleh tokoh-tokoh terkemuka pada zamannya dan dia cuba berdalih mengenainya. Pengarang telah melakukan penelitian terhadap pandangan Abu Hurairah sendiri mengenai perkara itu dan mengemukakan gambaran sebenar kepada para pembaca supaya mereka dapat membuat kesimpulan yang adil iaitu kebanyakan hadith riwayatnya ternyata tidak memenuhi piawaian (standard) kebolehpercayaan dan dengan demikian, tidak dapat diterima sebagai sahih.

Tidaklah perlu diperkatakan lagi bahawa ketika membahaskan persoalan tersebut dengan penuh ketelitian, pengarang turut mengambil daripada atau merujuk kepada pendapat-pendapat atau fakta-fakta yang dicatatkan dengan banyaknya oleh para penulis terkemuka yang terawal dalam kitab-kitab mereka yang telah dianggap sebagai berautoriti oleh umat muslim keseluruhannya dan yang telah membentuk asas dan dasar pengkajian dalam pengajian Islam. Selaku seorang tokoh ulama yang berkedudukan tinggi, pengarang dengan begitu berhati-hati mengelakkan diri daripada mengemukakan sebarang pendapat tanpa haq.

Sebagai tambahan kepada perkara-perkara yang disenaraikan di atas, pengarang turut sama memperuntukkan sebuah bab mengenai apa yang dikatakan keistimewaan Abu Hurairah dan membincangkannya dengan gaya akademik yang sama seperti yang dilakukan terhadap perkara lain yang dibahaskan dalam kitab ini. Beliau tidak mengambil semua yang diperkatakan tentang perwatakan tokoh yang dikaji dan menyelidiki perkara itu secara kritikal berdasarkan fakta-fakta sejarah dan hadith-hadith yang boleh dipercayai. Bab ini bertajuk “ Keistimewaan Abu Hurairah.”

Di akhir kitab ini sebelum membicarakan kematian Abu Hurairah, keturunannya yang terselamat dan lain-lain, pengarang telah meletakkan sebuah bab bertajuk “ Keganjilan Abu Hurairah,” dengan beliau memasukkan semua tabiat atau sifat semulajadinya yang melengkapkan gambaran keperibadian dan memperlihatkan dirinya yang sebenarnya.

Bab akhir membicarakan kematiannya dan keturunannya yang terselamat yang lebih merupakan fakta berbanding penilaian kritikal. Sekalipun demikian,

keterangan mengenai salat jenazah, pengebumian dan lain-lain sekali lagi membuktikan kenyataan bahawa Abu Hurairah keluar dari keadaannya yang tidak diketahui dan tetap berada dalam keadaan tidak dikenali pada zaman Nabi (s. ‘a.w) dan keempat-empat orang khalifah, kepada keadaan yang cukup terkenal, ternama dan dimuliakan kerana hubungannya dengan para pemerintah Bani Umaiyyah yang terus memperlihatkan kecenderungan mereka terhadapnya sehingga selepas kematiannya, dan keadaan tersebut sudah pasti bukanlah tanpa sebab, dan kerana itulah biasanya dia memberikan khidmatnya kepada mereka menerusi riwayat hadithnya yang memenuhi matlamat politik dan matlamat-matlamat yang lain berdasarkan perencanaan mereka.

Peermahomed Ebrahim Trust merasakan bahawa kitab ini akan dapat memberikan pandangan yang adil dan saksama kepada para pembaca tentang peribadi tokoh yag dibincangkan iaitu Abu Hurairah, sebagaimana ia dilihat dalam keterangan-keterangan yang dicatat oleh para sejarawan, ahli hadith, pentafsir dan ahli biografi, dan membolehkan mereka membuat keputusan untuk diri mereka sendiri sama ada boleh dipertahankan, dibela atau dibenar untuk menerima hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah secara bersendirian sebagai sahih dan boleh dipercayai.

Oleh kerana beberapa perkataan Arab yang mengandungi pengertian bersifat teknikal dalam sumber penulisan Islam digunakan dalam teks tanpa diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris, sebuah glosari telah ditambahkan di akhirnya untuk memperjelaskan pengertiannya.

Pemegang Amanah,

PEERMAHOMED EBRAHIM TRUST

Karachi, 7 Februari 1979M.

9 Rabi‘ al-Awwal 1399H.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB I

1. Kajian mengenai kehidupannya sebagai sahabat dan periwayat hadith Nabi (s.‘a.w)

Ini merupakan kajian mengenai kehidupan seorang sahabat yang meriwayatkan hadith-hadith daripada Nabi (s.‘a.w) dengan jumlah yang paling banyak. Kitab-kitab hadith yang sahih dan diakui oleh kebanyakan orang Islam turut sama mencatatkan hadith daripadanya dengan jumlah yang begitu besar hingga dianggap keterlaluan. Dalam menghadapi kedua-dua keadaan yang keterlaluan

ini, kami merasa wajar untuk meneliti kesahihan sumbersumbernya kerana hubungannya yang rapat dengan keilmuan dan kehidupan beragama kita, khususnya para pengikut empat madhhab Islam yang diketahui umum, telah mengambil banyak hadith tersebut dalam perkara-perkara berhubung dengan dasar-dasar keimanan dan juga hukum-hakam syariah.

2. Nama dan keturunan Abu

Keturunan Abu Hurairah tidak begitu jelas sehingga menyebabkan ramai yang berselisih pendapat mengenai namanya dan nama bapanya, dan dia lebih dikenali dengan nama gelarannya.

Bagaimanapun, dia dikaitkan dengan Dus yang berasal daripada puak Yaman iaitu daripada Dus bin ‘Adnan.

Mengenai bapanya, namanya disebutkan sebagai Umair. Dia merupakan anak kepada Ibn ‘Amir bin ‘Abd-Zisy Syari bin Tarif dan lainlain, akhirnya dihubungkan dengan Dus. Nama ibunya pula ialah Umaimah. Dia merupakan anak perempuan kepada Safih bin Haris bin Syabi bin Abi Sa‘b dan sekali lagi berakhir dengan Dus.

Dia lebih dikenali sebagai Abu Hurairah kerana seekor anak kucing yang dikaitkan dengan begitu lumrah. Ini kerana dalam bahasa Arab, Hurairah bermaksud anak kucing.

3. Permulaan kehidupan, keislaman dan persahabatan

Abu Hurairah melalui zaman mudanya di tempat kelahirannya di Yaman dan tetap berada di sana sehingga berusia lebih dari 30 tahun dalam keadaan jahil, perkembangan mental yang lembab, melarat, terasing, bersendirian, papa kedana dan terpaksa memberikan perkhidmatan kepada lelaki dan wanita untuk meneruskan hidupnya sampai ke tahap memadai dengan mendapat roti untuk dimakan dan berpuashati dengan keadaan hidupnya yang serba daif.

Walau bagaimanapun, apabila kedudukan Nabi (s.‘a.w) bertambah baik selepas peperangan Badr, Uhud, Ahzab dan lain-lain, lelaki ini yang tidak mempunyai apa-apa turut datang mendengar selepas peperangan Khaybar dan memeluk Islam di tangan Nabi (s.‘a.w) yang suci. Semua ahli sejarah bersepakat, hal tersebut berlaku pada tahun ke-7H/13M. Oleh itu, jangka masa persahabatannya dengan Nabi (s.‘a.w) seperti yang diceritakan oleh tokoh hadith yang terkemuka, al-Bukhari adalah tidak lebih dari 3 tahun sahaja.

4. Abu Hurairah di sepanjang kehidupan Nabi (s.‘a.w)

Selepas memeluk Islam, Abu Hurairah membawa dirinya tinggal bersama-sama dengan orang-orang miskin di Suffah, yang bersumberkan catatan Abu al-Fida’

dalam kitab sejarahnya, al-Mukhtasar terdiri daripada orang-orang faqir yang tidak mempunyai kediaman dan perlindungan, dan tidur di serambi masjid Nabi (s.‘a.w). Oleh kerana mereka menghabiskan masa di serambi masjid, akhirnya mereka dikenali sebagai Ahl al-Suffah (penghuni serambi masjid). Apabila Nabi (s.‘a.w) makan malam, baginda akan mengajak sekumpulan daripada mereka makan bersama-samanya dan meminta para sahabat yang lain membenarkan kumpulan-kumpulan lain pula berkongsi makanan dengan mereka. Abu Hurairah merupakan seorang yang dikenali umum di antara mereka, dan tetap berada di situ sehingga akhir hayat Nabi (s.‘a.w).

Berdasarkan hadith yang dicatatkan dalam Sahih al-Bukhari, Abu Hurairah sendiri telah menceritakan, biasanya dia berada bersama-sama Nabi (s.‘a.w) bertujuan untuk mendapatkan makanan.

Terdapat beberapa kenyataan oleh Abu Hurairah dalam kitab-kitab hadith menunjukkan kemiskinan yang begitu berat memaksanya hidup dengan apa sahaja yang diperolehinya sebagai salah seorang Ahl al- Suffah, dan dengan cara itu dia menerima kebajikan dan sedekah yang diberikan oleh orang ramai.

Ja‘far bin Abi Talib merupakan orang yang paling murah hati bersedekah kepada orang-orang miskin. Oleh kerana Abu Hurairah mendapat banyak kelebihan daripada sifat murah hati Ja‘far, dia menganggap Ja‘far sebagai orang yang terbaik daripada yang lain selain daripada Nabi (s.‘a.w). Hal ini diceritakan bahawa Ja‘far bin Abi Talib suka membantu orang-orang miskin, duduk bersama-sama dan berbual-bual dengan mereka hinggakan Nabi (s.‘a.w) menggelarkannya ‘Abd al-Masakin (hamba orang-orang miskin). Abu Hurairah tetap berada di Suffah, siang dan malam, dan tidak pernah pergi ke tempattempat lain kerana bimbang akan kelaparan.

Itulah sebabnya dia tidak disebutkan dalam mana-mana peperangan, atau bahkan juga dalam sebarang peristiwa perdamaian, kecuali ada disebutkan bahawa dia melarikan diri daripada sariyyah (ekspedisi) Mu‘tah, dan dalam peperangan tersebut, pelindungnya yang utama iaitu Ja‘far bin Abi Talib telah mati syahid selepas kedua-dua tangannya cedera parah.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB II

5. Abu Hurairah disebat semasa pemerintahan dua orang khalifah yang awal kerana ketidakjujurannya

Sekali lagi, nama Abu Hurairah tidak disebutkan dalam peristiwa semasa pemerintahan khalifah-khalifah pertama dan kedua, kecuali pada tahun 21H ketika khalifah kedua, ‘Umar ibn al-Khattab melantiknya sebagai gabenor Bahrain tetapi

pada tahun 23H, ‘Umar telah memecatnya dan melantik ‘Uthman bin Abi al-‘As Thaqafi pula untuk menggantikannya. Khalifah bukan setakat memecat Abu Hurairah, bahkan juga memerintahkannya mengembalikan sejumlah 10 000 dirham ke Bait al-Mal yang telah disalahgunakan olehnya.

Kata-kata ‘Umar kepada Abu Hurairah dalam perkara ini memang wajar dinyatakan di sini.

Ibn ‘Abd al-Rabbih telah mencatatkan peristiwa itu dalam kitabnya, ‘Iqd al-Farid, bahawa ‘Umar ibn al-Khattab telah menghantar utusan kepada Abu Hurairah dengan kata-katanya: “ Aku mendapat tahu semasa aku melantikmu sebagai gabenor Bahrain, kamu tidak mempunyai sepasang kasut pun, tetapi telah sampai kepada pengetahuanku bahawa kamu telah membeli kuda dengan harga 1 600 dinar.”

Abu Hurairah memjawab: “ Aku memperolehi kuda yang cepat membiak, yang aku terima sebahagiannya sebagai hadiah.” Kemudian ‘Umar berkata: “ Aku akan berikan apa yang cukup bagimu. Ini sudah melampaui batas. Berikan balik.” Dia menjawab: “ Ini bukan hakmu.” Lalu ‘Umar berkata: “ Demi Allah, aku akan menyebat belakangmu.” Sambil mengatakannya, ‘Umar berjalan menuju ke arah Abu Hurairah dengan tali sebatnya dan menyebatnya sehingga berdarah. Kemudian ‘Umar berkata: “ Kembalikan.” Abu Hurairah menjawab: “ Aku akan membuat tuntutan di hadapan Allah.” ‘Umar berkata: “ Perkara tersebut hanya akan berlaku sekiranya engkau mengambilnya dengan cara yang halal dan membayarnya dengan baik.

Aku akan mengembalikanmu kepada ibumu (Umaimah) seumpama pemelihara kaldai.”

6. Abu Hurairah semasa zaman pemerintahan ‘Uthman

Semasa zaman pemerintahan ‘Uthman, Abu Hurairah mengabdikan dirinya kepada keluarga Abu al-‘As dan seluruh Bani Umaiyyah. Justeru itu, dia begitu rapat dengan Marwan dan menjadi pengampu keluarga Abi Muit (iaitu Bani Umaiyyah) yang meletakkan kemuliaan kepada kehinaan dan kehormatan pula kepada kenistaan.

Pada ketika ‘Uthman dikepung dalam rumahnya semasa penentangan terhadapnya berlaku, Abu Hurairah turut bersama-sama dengannya tetapi dia hanya memasuki rumah itu selepas Khalifah (‘Uthman) mengarahkan orang-orangnya supaya tidak melawan, sebaliknya berdamai.

Abu Hurairah memang mengetahui bahawa orang-orang yang memberontak hanya menghendakinya. Inilah yang mendesaknya supaya terus berada bersama-sama dengan orang-orang yang terkepung itu. Walau apapun keadaannya,

perancangannya yang teliti itu menghasilkan keputusan yang dikehendakinya kerana Bani Umaiyyah dan rakan-rakannya mulai mendengar kata-katanya dan berusaha dengan pelbagai cara untuk menyebarkan hadith riwayatnya. Untuk kepentingan dirinya, Abu Hurairah akan mengadaadakan hadith yang boleh menggembirakan Bani Umaiyyah.

Sebahagian kecil hadith-hadith seumpamanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah untuk mereka (Bani Umaiyyah) dikatakan daripada sabda Nabi (s.'a.w) seperti dikemukakan di bawah:

(1) Setiap nabi mempunyai teman rapatnya dari kalangan umatnya dan teman rapatku ialah 'Uthman. Semua ulama' hadith bersepakat menolak hadith ini kerana sumber Abu Hurairah tergantung kepada Ishaq bin Naji yang merupakan salah seorang periwayat Abu Hurairah, tetapi al-Dhahabi telah menunjukkan bahawa hadith ini ditolak dalam kitabnya Mizan al-I'tidal semasa perbincangan mengenai Ishaq.

(2) Abu Hurairah berkata: Aku mendengar Nabi (s.'a.w) bersabda: " 'Uthman seorang yang pemalu sehingga malaikat pun turut malu kepadanya."

(3) Diceritakan daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.'a.w) bersabda: " Setiap nabi mempunyai teman di syurga dan temanku di syurga ialah 'Uthman."

Hadith ini juga ditolak sama sekali. Para pendokong Abu Hurairah dalam hal ini, bersumber kepada 'Uthman bin Khalid bin 'Umar bin 'Abdullah bin al-Walid bin 'Uthman bin 'Affan, yang merupakan salah seorang perawi yang mengambil hadith terus daripada Abu Hurairah tetapi sekali lagi al-Dhahabi membuktikan bahawa hadith tersebut ditolak dalam kitabnya, Mizan al-I'tidal yang bersumber daripada 'Uthman bin Khalid.

(4) Abu Hurairah berkata: " Aku memanggil Ruqaiyyah, anak perempuan Rasulullah (s.'a.w) yang juga merupakan isteri 'Uthman semasa di tangannya ada sikat. Dia berkata kepadaku: " Nabi (s.'a.w) baru sahaja pergi sewaktu tadinya aku menyikatkan rambutnya.

Baginda bertanya kepadaku: " Bagaimanakah kamu dapati Abu 'Abd- Allah ('Uthman)," lalu aku menjawab: " Baik." Kemudian baginda bersabda: " Muliakanlah dirinya, sesungguhnya di kalangan sahabatku, dia mempunyai akhlak yang serupa denganku."

Mengenai hadith ini, al-Hakim dan al-Dhahabi bersepakat bahawa walaupun rangkaian perawinya (sanad) tidak diragui, tetapi kandungan hadith (matan) hadith itu tidak dapat diterima sama sekali kerana Ruqaiyyah meninggal dunia pada tahun 3H, semasa Perang Badr sedangkan Abu Hurairah memeluk Islam hanya selepas penaklukan kota Khaybar.

Dalam perkara-perkara tertentu, Abu Hurairah cuba menyelewengkan maksud sebenar hadith untuk memuji-muji seseorang dari kalangan Bani Umaiyyah. Contohnya, terdapat sebuah hadith yang diterima, dikatakan Nabi Muhammad (s.‘a.w) bersabda: “ Akan terjadi selepasku nanti, fitnah dan perselisihan pendapat.” Orang ramai bertanya: “ Apakah yang tuan perintahkan kami lakukan nanti, wahai Rasulullah?” Lalu baginda bersabda sambil mengisyaratkan kepada ‘Ali (‘a.s): “ Kamu hendaklah mematuhi Amir (ketua) ini dan para sahabatnya,” tetapi Abu Hurairah telah mengubahkan perkataan “ Rasulullah mengisyaratkan kepada ‘Ali (‘a.s) ” kepada “ ‘Uthman ” untuk menggembirakan Bani Umaiyyah termasuk keluarga Abi al-‘As, Mu‘it dan Abi Sufyan. Bani Umaiyyah telah mengurniakan hadiah yang banyak di atas cadangannya itu.

7. Abu Hurairah semasa zaman pemerintahan ‘Ali (‘a.s)

Pada zaman pemerintahan Amir al-Mu’minin ‘Ali (‘a.s), Abu Hurairah berdiam diri dan bersembunyi sama seperti pada permulaan hidupnya dahulu. Dia tidak menyertai tentera ‘Ali (‘a.s), sebaliknya menasihat dan membantu musuh-musuhnya. Pada ketika Mu‘awiyah merancangkan pemberontakan menentang ‘Ali (‘a.s), Abu Hurairah dan al-Nu‘man bin Basyir berada bersama-sama Mu‘awiyah di Syria.

Mu‘awiyah mengutuskan kedua-duanya kepada ‘Ali (‘a.s), meminta beliau (‘a.s) menyerahkan para pembunuh ‘Uthman kepadanya supaya dia dapat mengadili mereka. Mu‘awiyah tahu bahawa ‘Ali (‘a.s) tidak akan berbuat demikian tetapi dia bermaksud apabila kedua-duanya kembali nanti, mereka akan menjadi saksi terhadap keengganan ‘Ali (‘a.s) menyerahkan para pembunuh ‘Uthman dan dia akan mendakwanya di khalayak ramai di Syria, dengan mempersalahkan ‘Ali (‘a.s) dalam perkara ini, dan menyokong rancangan Mu‘awiyah menentang ‘Ali (‘a.s).

Mu‘awiyah berkata kepada mereka berdua: “ Pergilah kepada ‘Ali dan beritahu kepadanya dengan nama Allah bahawa sekiranya beliau (‘a.s) menyerahkan para pembunuh ‘Uthman yang berada dalam perlindungannya kepada kita, peperangan di antara kita tidak akan terjadi. Sebaliknya, kalau beliau (‘a.s) enggan, kamu menjadi saksisaksi Allah ke atasnya dan berada di hadapan orang ramai untuk menceritakan semuanya.”

Justeru, kedua-duanya pergi menemui ‘Ali (‘a.s). Kemudian, Abu Hurairah berkata kepada beliau: “ Wahai Abu al-Hasan, sesungguhnya Allah telah mengurniakan keutamaan dan kemuliaan kepadamu dalam Islam kerana engkau merupakan sepupu Rasulullah (s.‘a.w). Kami telah diutuskan oleh sepupumu dengan suatu permintaan, bahawa peperangan sudah semakin hampir, dan Allah boleh menghentikan permusuhan ini sekiranya engkau menyerahkan para pembunuh sepupunya iaitu ‘Uthman kepada Mu‘awiyah, supaya dia boleh menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mereka dan Allah nanti akan dapat menyatukan dan

mententeramkan kedua-dua belah pihak. Dengan demikian, umat manusia akan terselamat daripada fitnah dan perpecahan.

Seterusnya, al-Nu‘man menyusul dengan menegaskan perkara seumpamanya. Selepas itu, ‘Ali (‘a.s) berkata kepada mereka berdua: “ Jangan berkata seperti ini lagi. Al-Nu‘man, beritahukan kepadaku, adakah engkau orang yang terbaik untuk memberikan petunjuk dari kalangan kaummu, Ansar?” Dia lalu menjawab: “ Tidak.” Lantaran itu, ‘Ali (‘a.s) pun mengatakan: “ Ketahuilah bahawa setiap orang dari kalangan kaummu telah mengikutiku kecuali beberapa orang yang tersisih. Adakah kamu mahu dirimu termasuk dalam golongan yang tersisih?” Al-Nu‘man membalas: “ Moga-moga Allah mengurniakan kebaikan kepadamu.

Sesungguhnya aku datang untuk berada di pihakmu dan tetap bersama-samamu. Mu‘awiyah telah menyuruhku mengucapkan semua ini kepadamu, sedangkan aku berharap mendapat peluang menemuimu dan turut menyertaimu. Aku bermohon juga agar Allah mewujudkan persefahaman di antara kamu berdua.

Seandainya pendapatmu berbeza, aku rela bersama-samamu dan akan tetap berada di pihakmu.” Ahli-ahli sejarah mencatatkan bahawa ‘Ali (‘a.s) tidak bercakap dengan Abu Hurairah yang kemudiannya kembali ke Syria dan memberikan amaran kepadanya tentang situasi tersebut. Lalu Mu‘awiyah mengarahkannya memberikan peringatan kepada orang ramai mengenai hal tersebut dan dia terus melaksanakannya seperti yang diingini Mu‘awiyah.

Al-Nu‘man tetap bersama-sama ‘Ali (‘a.s) tetapi kemudian, dia melarikan diri ke Syria (Syam) dan menceritakan semuanya kepada orang ramai di sana.

8.Sikap Abu Hurairah dalam peperangan Siffin

Pada masa peperangan berlaku dengan begitu hebat di antara ‘Ali (‘a.s) dengan Mu‘awiyah, Abu Hurairah menjadi semakin resah dan gelisah. Pada awal pergolakan itu, dia benar-benar yakin ‘Ali (‘a.s) akhirnya akan menang. Walau bagaimanapun, dalam usahanya menyisihkan diri, dia telah cuba sedaya upaya untuk memecahbelahkan orang ramai daripada menolong ‘Ali (‘a.s) dengan cara rahsia.

Contohnya, pada suatu hari dia menceritakan sebuah hadith yang bermaksud: Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda:

“ Fitnah akan timbul nanti, orang yang tetap dalam keadaan duduk adalah lebih baik daripada orang yang berdiri (melibatkan diri), orang yang berdiri lebih baik daripada orang yang berjalan, orang yang berjalan pula lebih baik daripada orang yang berlari, dan sesiapa yang menemui tempat perlindungan atau tempat menyelamatkan diri hendaklah berlindung kepadanya.”1

Abu Hurairah tetap tidak berubah sehinggalah puak Khawarij bangkit menentang ‘Ali (‘a.s) manakala penduduk ‘Iraq pula turut mengingkarinya, sedangkan di pihak Mu‘awiyah mendapat kekuatan baru menerusi kekuasaannya ke atas Mesir dengan terbunuhnya Muhammad bin Abu Bakr (bin Abi Quhafah), usahanya menimbulkan kacau-bilau dan huru-hara dalam kerajaan Amir al-Mu’minin ‘Ali (‘a.s), serta penghantaran Busr bin Abi Arta’at ke Hijaz dan Yaman dengan kekuatan tentera seramai 3000 orang untuk melakukan apa sahaja kerosakan dan kemusnahan, membunuh orang ramai, membakar, meruntuhkan tempat-tempat suci dan menawan anggota keluarga orang-orang mu’min sebagai suatu pengajaran kepada orang yang hidup dan menjadi bahan perbincangan generasi terkemudian.

Pada akhir keadaan yang tidak menentu itu, Busr mendapat bai‘ah (sumpah taat setia) para penduduk Hijaz dan Yaman untuk Mu‘awiyah. Dalam pertemuan ini, Abu Hurairah membongkarkan apa yang terpendam di lubuk hatinya kepada Busr dan dari situ, Busr mendapat tahu bahawa Abu Hurairah memang menyokong Mu‘awiyah dalam usahanya mendapatkan taat setia orang ramai untuk Mu‘awiyah.

Justeru, semasa meninggalkan tempat itu, Busr melantik Abu Hurairah sebagai gabenor Madinah dan memerintahkan para penduduknya mentaatinya. Dari saat inilah, Abu Hurairah mulai mendirikan sembahyang dengan para penduduk di sana dan menjadikan dirinya sebagai gabenor sehinggalah Jariyah bin Qudamah menuju ke sana bersama-sama tentera berkuda seramai 2000 orang sebagai gabenor ‘Ali (‘a.s). Abu Hurairah melarikan diri dari keadaan tersebut.

Kemudian, Jariyah mengatakan: “ Seandainya aku dapat menangkap “ kucing ” itu, aku akan memancung kepalanya.” Jariyah berada di Hijaz ketika berita mengenai kesyahidan ‘Ali (‘a.s) sampai kepadanya. Oleh itu, beliau meminta bai‘ah penduduk Madinah untuk Imam al-Hasan (‘a.s) dan kembali ke Kufah. Pada masa ini, Abu Hurairah datang semula ke Madinah dan mulai bersembahyang dengan orang ramai. Bagaimanapun, dia tetap merasa bimbang sehinggalah seluruh keadaan telah bertukar menyebelahi Mu‘awiyah.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB III

9. Abu Hurairah semasa zaman pemerintahan Mu‘awiyah

Zaman pemerintahan Mu‘awiyah terbukti memberikan banyak peluang kepada Abu Hurairah kerana kebanyakan hasratnya dapat dipenuhi. Dia mulai menyampaikan bermacam-macam hadith untuk menyokong dan menyatakan kelebihan Mu‘awiyah walaupun (hadith itu) aneh dan melucukan.

Lantaran itu, zaman ini dikenali sebagai zaman penciptaan hadith-hadith palsu bertujuan untuk merendah-rendahkan Bani Hasyim. Begitu juga, pelbagai bentuk kebatilan ditujukan kepada Nabi (s.‘a.w) dan orang ramai mereka-rekakan hadith kerana mereka diminta berbuat demikian, manakala Abu Hurairah merupakan tokoh pemalsu hadith yang paling terkenal di kalangan mereka.

Di sini, dikemukakan beberapa contoh hadith palsu:

(1) Abu Hurairah meriwayatkan: “ Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Allah mempercayai 3 orang berhubung dengan wahyu-Nya, iaitu aku, malaikat Jibril dan Mu‘awiyah.”

(2) Abu Hurairah meriwayatkan: “ Rasulullah (s.‘a.w) menganugerahkan anak panah kepada Mu‘awiyah sambil bersabda: Ambillah anak panah ini hinggalah engkau bertemu denganku di syurga.”

(3) Abu al-‘Abbas al-Walid bin Ahmad al-Zuzani telah menceritakan daripada Abu Hurairah, dalam kitabnya Syajarat al-‘aql, bahawa dia meriwayatkan: Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda:

“ Sesungguhnya, bagi Abu Bakr sebuah kubah daripada mutiara putih dengan empat pintu. Ia dilindungi dengan rahmat Allah, bahagian luarnya adalah keampunan Allah manakala bahagian dalamnya keredhaan Allah, setiap kali dia merindui Allah, dibukakan pintu baginya dan dapatlah dia melihat Allah ‘azza wa jalla.”

(4) Ibn Hibban telah menceritakan daripada Abu Hurairah menerusi rangkaian perawi, bahawa dia meriwayatkan:

“ Pada ketika malaikat Jibril berada di sisi Rasulullah (s.‘a.w), kebetulan Abu Bakr melintas, lalu Jibril berkata: “ Inilah Abu Bakr al-Siddiq.” Rasulullah (s.‘a.w) bertanya: “ Adakah kamu mengenalinya, Jibril?” Lalu dijawab: “ Ya, sesungguhnya dia (Abu Bakr) lebih masyhur di langit daripada di bumi. Para malaikat menamakannya Halim Quraisy (bermaksud orang Quraisy yang paling penyantun). Sesungguhnya dia adalah wazir (menteri) semasa hidupmu dan dia adalah khalifahmu selepas kewafatanmu.”

(5) Ibn Hibban menceritakan daripada Abu Hurairah menerusi serangkaian perawi bahawa dia meriwayatkan:

“ Apabila Rasulullah (s.‘a.w) sampai ke gua dalam perjalanan baginda ke Madinah, Abu Bakr memegang tempat letak kekang kuda. Rasulullah kemudian bersabda: “ Patutkah aku memberikan khabar gembira kepadamu, wahai Abu Bakr? Sesungguhnya Allah ta‘ala menjelma kepada makhluk-makhluk-Nya pada hari Qiyamat secara umum dan menjelma kepadamu secara khusus !”

(6) Al-Khatib menceritakan daripada Abu Hurairah menerusi serangkaian perawi bahawa dia berkata: Rasulullah (s.‘a.w) bersabda:

" Pada suatu hari apabila Abu Bakr dilahirkan, para malaikat merasa sungguh gembira dan Allah melihat ke arah syurga `Adn dan berfirman: Demi kemuliaan dan kebesaran-Ku, tidak akan masuk ke syurga ini kecuali orang yang mencintai anak yang baru lahir ini."

(7) Ibn ‘Adi menceritakan daripada Abu Hurairah menerusi serangkaian perawi bahawa dia meriwayatkan:

Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Ketika aku diangkatkan ke langit, maka setiap kali aku merentasi langit aku temui tulisan tercatat: Muhammad Rasulullah dan Abu Bakr al-Siddiq.”

(8) Abu al-Farj ibn al-Jawzi telah menceritakan daripada para perawi yang sampai kepada Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa:

“ Rasulullah (s.‘a.w) menceritakan kepadamu bahawa syurga dan neraka saling berbangga-bangga antara mereka, maka kata neraka kepada syurga, aku lebih berkuasa daripadamu, maka Allah menyampaikan wahyu kepada syurga supaya berkata: “ Kelebihanku adalah kerana Allah menghiasiku kerana Abu Bakr.”

(9) Al-Khatib menceritakan menerusi para perawi yang sampai kepada Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa:

Rasulullah (s.‘a.w) keluar sambil memegang ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s), ketika Abu Bakr dan ‘Umar maju ke hadapan untuk menyambutnya, Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Wahai ‘Ali, adakah engkau mencintai kedua-dua orang tua (syaikh) ini? Katanya: “ Ya.” Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Cintailah kedua-duanya dan kamu akan dapat masuk syurga.”

(10) Sekali lagi, al-Khatib menceritakan dalam kitabnya, Tarikh Baghdad dan Ibn Syahin dalam Sunannya, menerusi dua cara sampai kepada Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa:

Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Sesungguhnya di langit dunia ini terdapat 80 ribu malaikat memohon ampunan kepada sesiapa yang mencintai Abu Bakr dan ‘Umar, dan di langit kedua, 80 ribu malaikat pula melaknati sesiapa yang membenci Abu Bakr dan ‘Umar.”

(11) Al-Khatib menceritakan menerusi para perawi sampai kepada Abu Hurairah, dia meriwayatkan bahawa: Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Sesungguhnya bagi Allah di langit itu 70 ribu malaikat melaknati orang-orang yang mencela Abu Bakr dan ‘Umar.”

Semua hadith itu ditolak oleh tokoh-tokoh tersebut yang mencatatkannya dalam kitab-kitab mereka seperti dinyatakan di atas.

Selanjutnya al-‘Allamah Jalal al-Din al-Suyuti telah memasukkan semua hadith ini dalam kelompok hadith-hadith palsu dengan menyebutkannya menerusi nama-nama perawinya dan memetik teks (matan) sepenuhnya dalam kitabnya, La‘aliyat al-Masnu‘ah, tetapi tokohtokoh tadi tidak menemui sebarang kesalahan Abu Hurairah dalam perkara ini, hanya mencela orang yang menceritakan daripadanya tanpa menghormati orang-orang yang telah menemui Rasulullah (s.‘a.w) dan orang-orang Islam yang telah meriwayatkan hadithhadithdaripadanya.

Demikian juga mereka telah lakukan terhadap hadith-hadith palsu Abu Hurairah. Sebenarnya mereka tidak mampu menyesuaikan keadaan hadith-hadith itu, dengan sebahagian kecilnya dinyatakan di bawah: Contoh riwayatnya, aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Ini Jibril menyampaikan kepadaku daripada Allah, bahawa tidak mencintai Abu Bakr dan ‘Umar melainkan orang mu’min yang bertaqwa dan tidak membenci keduaduanya melainkan munafiq terkutuk.”

Hadith ini termasuk dalam hadith-hadith palsu yang ditolak oleh kesemua ahli ilmu dan tokoh hadith terkemuka, al-Dhahabi telah menyebutkan dalam kitabnya, Mizan al-I‘tidal menerusi Ibrahim bin Malik al-Ansari dan menyatakan bahawa ia adalah batil (sesat). Dengan cara inilah, sesiapa menghadapi kebenaran dengan kebatilan akan rugi. Dia mengatakan:

Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Allah menciptakanku dari Nur-Nya dan menciptakan Abu Bakr dari Nur-Ku, dan menciptakan ‘Umar dari Nur Abu Bakr, seterusnya menciptakan umatku (seluruh umat Islam) dari Nur ‘Umar, sedangkan ‘Umar ialah lampu (siraj) Ahli syurga.”

Hadith ini juga ditolak sama sekali seperti hadith sebelumnya. Al-Dhahabi telah menyebutkannya mengenai Ahmad al-Samarqandi dalam Mizan al-I‘tidal. Kalau diteliti ternyata ia sememangnya batil dan bercanggah dengan al-Qur’an. Bagi orang-orang yang menghadapi kebenaran dengan kebatilan sudah pasti akan kecewa. Katanya:

Aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Abu Bakr dan ‘Umar merupakan orang-orang yang paling baik daripada golongan terdahulu (al-Awwalin) dan terkemudian (al-Akhirin).”

Hadith tersebut juga ditolak sama seperti dua buah hadith sebelumnya.

Al-Dhahabi telah menyebutkannya dalam Mizan al-I‘tidal mengenai Jirun bin Waqid al-Afriqi dan menganggapnya sebagai batil. Abu Hurairah meriwayatkan: Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Para sahabatku seperti bintang-bintang, sesiapa

yang mengikuti mana-mana di antara mereka akan mendapat hidayat (petunjuk).”

Al-Dhahabi telah mencatatkan hadith tersebut mengenai Ja‘far bin ‘Abd al-Walid al-Qadi dalam kitabnya Mizan al-I‘tidal dan membuktikan bahawa hadith tersebut adalah salah sebuah hadith ciptaan dan rekaan Abu Hurairah.

Riwayat Abu Hurairah turut menyebutkan Rasulullah (s.‘a.w) sebagai bersabda: “ Telah diturunkan dalam kitab al-Injil tentang sifatku dan sifat para sahabatku iaitu Abu Bakr, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah ia dan tegak lurus di atas pokoknya, tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mu’min).”

(Perkataan-perkataan yang diitalikkan adalah ayat al-Qur’an, surah al-Fath (48): 29.) Kedua-dua buah kitab, Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim mengandungi sejumlah hadith yang dihubungkan oleh Abu Hurairah dengan cara seperti ini dan diceritakan pula seperti itu.

10. Sokongan Bani Umaiyyah terhadap Abu Hurairah

Bagaimana Bani Umaiyyah mempergunakan Abu Hurairah untuk mencapai tujuan mereka dapat diperhatikan dengan jelas sekiranya ditinjau keadaannya sebelum mereka berkuasa dan semasa mereka berkuasa. Sebelum Bani Umaiyyah menduduki tampuk pemerintahan, Abu Hurairah merupakan seorang yang hina dan merempat, mencari kutu di bajunya seperti yang dicatatkan oleh Abu Nu‘aim mengenai Abu Hurairah dalam kitabnya, Hilyat al-Awliya’.2

Semasa pemerintahan Bani Umaiyyah, keadaan Abu Hurairah berubah sama sekali setelah mereka mengeluarkannya daripada kegelapan kejahilan kepada kemuliaan, memakaikannya dengan pakaian sutera bersulam benang emas atau perak dan kain kapas yang bermutu.

Mereka membina istana untuknya di al-‘Aqiq untuk didiami dan mengurniakannya berbagai-bagai kesenangan. Mereka menyebarkan kemasyhurannya ke merata-rata tempat dan menjulang namanya tinggi sehingga dia dilantik sebagai gabenor tanah suci Madinah. Semua ini dicatatkan dalam kitab-kitab yang mu‘tabar seperti Sahih al-Bukhari, Tabaqat Ibn Sa‘d, al-Isabah Ibn Hajar, al-Ma‘arif Ibn Qutaybah, Musnad Ahmad ibn Hanbal dan sebagainya.

Kemuncaknya adalah pada zaman keagungan Bani Umaiyyah, dia mengahwini Busrah bint Ghazwan bin Jabir bin Wahb al- Mazaniyyah, saudara perempuan ‘Utbah bin Ghazwan, tokoh perang yang terkenal pada zaman Khalifah ‘Umar yang menjadikannya sebagai ketua dalam beberapa sariyyah (ekspedisi) ketenteraan dan kemudian melantiknya sebagai gabenor Basrah. Abu Hurairah berkahwin

dengannya selepas kematian ‘Utbah. Perlu juga dinyatakan bahawa pada mulanya, Abu Hurairah biasanya menjadi hamba kepadanya semata-mata untuk mendapatkan makanan dan dia tidak pernah terfikir akan berkahwin dengannya. Cerita-cerita mengenainya boleh didapati dalam beberapa buah kitab sejarah seperti al-Isabah Ibn Hajar, Hilyat al-Awliya’ Abu Nu‘aim, Tabaqat Ibn Sa‘d dan lain-lain yang memperlihatkan bahawa dalam beberapa peristiwa, Abu Hurairah mengatakan pada mulanya, biasanya dia memberikan khidmatnya kepada Busrah bint Ghazwan ketika dia memerlukan sesuatu daripadanya seperti menaikkannya ketika dia hendak menunggang dan menyambutnya ketika dia pulang, tetapi selepas mengahwininya, Abu Hurairah tetap melakukan tugas yang sama kepadanya.

11. Peranan Abu Hurairah menyokong Bani Umaiyyah

Para pemerintah Bani Umaiyyah begitu memperhambakan Abu Hurairah dengan pelbagai kurniaan sehingga dia menjadi penyampai dakyah mereka dalam pemerintahan Islam sebagai pemerintah yang berhak dan memberikan sokongan dalam semua citacita politik dan aktiviti mereka. Oleh itu, di satu pihak dia merekacipta hadith-hadith yang menceritakan kelebihan mereka, manakala di dalam hadith-hadith yang lain pula, memuji-muji keduadua orang khalifah yang terdahulu menurut citarasa Mu‘awiyah dan puak penderhakanya yang bertujuan menentang ‘Ali (‘a.s) dan Ahl al- Bait Rasulullah (s.‘a.w) yang tidak mungkin dapat dicapai tanpa mengangkat kedudukan kedua-dua orang khalifah tersebut.

Berdasarkan kitab Syarh Nahj al-Balaghah,3 Abu Ja‘far al-Iskafi telah menyatakan bahawa Mu‘awiyah menugaskan beberapa orang sahabat dan tabi‘in meriwayatkan hadith-hadith yang mencaci ‘Ali (‘a.s) dan mendesak orang ramai supaya menjauhkan diri mereka daripadanya serta memaksa mereka melakukan sesuatu mengikut kehendak dan keinginannya, dan mereka menciptakan apa sahaja yang dihajatkan untuknya. Golongan ini terdiri daripada Abu Hurairah, ‘Amr bin al-‘As, al-Mughirah bin Syu‘bah dari kalangan sahabat, manakala ‘Urwah bin al-Zubayr dan lain-lain dari kalangan tabi‘in.

Dalam kitab tersebut,4 Abu Ja‘far al-Iskafi berkata: Pada tahun al-Jama‘ah (‘Am al-Jama‘ah), Abu Hurairah telah datang ke ‘Iraq bersama-sama dengan Mu‘awiyah dan terus ke masjid Kufah. Apabila dia melihat orang ramai datang menyambutnya, dia pun berlutut dan selepas batuk beberapa kali, dia pun berkata: “ Wahai para penduduk ‘Iraq, apakah kamu sekalian menyangka aku berdusta kepada Allah dan Rasul-Nya dan sanggup membakarkan diriku dengan api neraka? Demi Allah, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah (s.‘a.w) bersabda:

“ Setiap nabi mempunyai tanah haram, dan sesungguhnya Madinah adalah tanah haramku. Sesiapa yang melakukan kekotoran (hadth), laknat Allah, malaikat dan

manusia seluruhnya akan ditimpakan ke atasnya," lalu dia berkata: " Aku bersaksi bahawa sesungguhnya 'Ali telah melakukan kekotoran (ahdath) di tanah ini."

Ketika kata-kata tersebut sampai kepada pengetahuan Mu'awiyah, dia telah memberikan hadiah dan kemuliaan kepadanya serta melantiknya menjadi gabenor Madinah.

Diriwayatkan oleh Sufyan al-Thauri daripada 'Abd al-Rahman bin Qasim daripada 'Umar bin 'Abd al-Ghaffar, semasa Abu Hurairah sampai ke Kufah bersama-sama Mu'awiyah, dia duduk berdekatan pintu Kindah dan orang ramai lalu mengerumuninya. Kemudian seorang pemuda yang datang dari Kufah, dikatakan dia ialah al-Asbagh bin Nubatah, lalu bertanya: " Wahai Abu Hurairah, dengan nama Allah aku ingin menasihatimu, adakah engkau mendengar Rasulullah (s.'a.w) bersabda kepada 'Ali bin Abi Talib ('a.s): Demi Allah, perwalikanlah orang yang mewalikannya dan musuhilah sesiapa yang memusuhinya?" Kata Abu Hurairah: " Demi Allah, memang benar."

Lalu katanya: " Aku bersaksi demi Allah, sesungguhnya kamu (Abu Hurairah) telah memperwalikan musuhnya dan engkau memusuhi walinya," kemudian dia (al-Asbagh) bangun dan berlalu dari situ.

Dalam beberapa peristiwa yang lain, Abu Hurairah telah menghasilkan hadith-hadith yang mempertahankan golongan munafiq dari kalangan Bani Umaiyyah, bertujuan untuk menghindari keaiban mereka dan agar agama tetap terpelihara daripada sifat kemunafikan mereka, manakala manusia seluruhnya tetap terselamat daripada rancangan jahat mereka. Oleh itu, Abu Hurairah begitu rapat dengan Marwan dan Mu'awiyah serta teman-temannya yang lain, dan dia mengatakan:

" Aku mendengar Rasulullah (s.'a.w) bersabda: " Demi Allah, sesungguhnya Muhammad itu hanyalah seorang manusia, baginda marah seperti kemarahan orang lain, seandainya terdapat orang mu'min yang pernah aku hina atau caci, hendaklah kamu membayar kifarat untuknya dan sebagai suatu cara mendekatkan diri (qurbah)nya kepadamu pada Hari Qiyamat."

Sebenarnya, Marwan dan anak-anaknya telah pergi lebih jauh lagi dalam mengangkat kedudukan Abu Hurairah melebihi tokoh-tokoh sezamannya sehingga kesannya dapat dilihat dan dirasai dengan jelas hingga ke hari ini, kerana Marwan dan lain-lain berusaha bersungguhsungguh memberikan keutamaan kepada semua hadith yang direkacipta oleh Abu Hurairah sehingga ia benar-benar diterima umum.

Dalam usaha untuk menunjukkan bahawa Abu Hurairah sebagai seorang perawi hadith yang boleh dipercayai, Marwan telah menggunakan taktik pemutarbalikan.

Dia menyampaikan cerita dengan menyuruh penulisnya (Zu‘aiza‘ah) duduk di suatu tempat yang tidak diketahui orang, sedangkan dia sendiri akan mengemukakan soalan kepada Abu Hurairah dan penulisnya akan mencatatkan jawapan yang diberikan oleh Abu Hurairah. Kemudian, setelah setahun berlalu, Marwan akan menanyakan masalah-masalah yang serupa itu semula dan pada masa tersebut, Abu Hurairah akan memberikan jawapan yang sama.

Cerita-cerita seumpama ini disebarkan kepada golongan elit (penduduk Syria) sehingga ia mendapat liputan atau publisiti yang begitu meluas, bahkan al-Hakim sendiri menceritakan dalam kitabnya, al-Mustadrak.5

12. Bilangan hadith Abu Hurairah yang keterlaluan

Ahli hadith bersepakat6 bahawa Abu Hurairah meriwayatkan jumlah hadith yang terbanyak iaitu sebanyak 5374 buah hadith. Dalam Sahih al-Bukhari sahaja, terdapat 446 buah hadith. Kalau kita mengkaji hadith-hadith yang diriwayatkan oleh kesemua empat orang khalifah, kita akan dapati jumlah hadith mereka keseluruhannya kurang 27 % daripada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah secara bersendirian, kerana hadith-hadith daripada riwayat Abu Bakr berjumlah 142, ‘Umar berjumlah 537, ‘Uthman sebanyak 146 dan ‘Ali (‘a.s) sebanyak 586, dengan jumlah kesemuanya 1411 buah hadith, sedangkan daripada Abu Hurairah seorang sahaja adalah sebanyak 5374 buah hadith diriwayatkan seperti yang telah disebutkan tadi.

Malahan para pengkajinya sudah tentu merasa hairan melihat perbezaan yang sedemikian besar, terutamanya memandangkan dia agak lewat memeluk Islam, keturunan bapa dan ibunya pula tidak diketahui, yang pasti menjadikan jumlah hadithnya sedikit, sedangkan dari sudut yang lain pula, keempat-empat orang khalifah tersebut berada dalam kedudukan yang jauh lebih baik.

Ini kerana mereka memeluk Islam lebih awal, keistimewaan mereka dengan penglibatan dalam bidang perundangan dan kedudukan mereka yang baik selama lebih kurang 52 tahun, iaitu 23 tahun dihabiskan bersama-sama Rasulullah (s.‘a.w) dan 29 tahun lagi selepas baginda mentadbirkan urusan umat Islam dan urusan umatumat yang lain, penaklukan kerajaan Kisra dan Qaisar, pembangunan bandar, perluasan tanah dan kawasan baru, penyebaran dakwah Islam kepada para penduduk dan negara-negara lain, penyampaian hukum-hakam dan amalan (sunan) di kalangan mereka dan pembangunan kawasan yang luas.

Bagaimana mungkin hadith-hadith riwayat Abu Hurairah boleh mencapai beberapa kali ganda melebihi jumlah riwayat keempat -empat orang khalifah tadi? Abu Hurairah tidak langsung boleh disamakan dengan ‘A’isyah7 walaupun dia juga banyak meriwayatkan hadith kerana dia dikahwinkan dengan Rasulullah (s.‘a.w) 10 tahun sebelum Abu Hurairah memeluk Islam. Oleh itu, dia berada di tempat

penurunan wahyu dan al-Qur’an serta tempat pertemuan malaikat Jibril dan Mika’il selama 14 tahun dan hanya meninggal dunia sedikit lebih awal daripada Abu Hurairah.

Kedua-dua tokoh tersebut berbeza dalam persahabatan dan persaksian dengan Rasulullah (s.‘a.w). Dalam persahabatan, perbezaannya memang jelas manakala dalam persaksian, penyaksian ‘A’isyah adalah serentak dengan pendengaran, sedangkan akalnya mengatasi pendengarannya. Pemikiran yang lebih mudah untuk menerima dan cepat menangkap (sesuatu). Pada ketika dia terdengar sesuatu, terus sahaja digubah menjadikannya sebuah syair.

‘Urwah pernah menceritakan bahawa dia tidak menemui seorang jua pun yang lebih mengetahui daripada ‘A’isyah dalam perkara yang berhubung dengan ilmu fiqh, perubatan dan syair. Masruq menceritakan bahawa para pemimpin dari kalangan sahabat besar biasa bertanyakannya mengenai hukum fara’id. Selanjutnya, dia mempunyai ramai pendokong dan penyokong dalam pemerintahan Islam. Dengan bantuan mereka, dia dapat memimpin suatu ketumbukan tentera yang kuat ke Basrah yang dikenali dalam sejarah sebagai Perang Jamal, bersempena unta yang ditungganginya semasa memimpin tenteranya itu.

Di samping semua faktor tadi, jumlah hadith daripadanya jauh lebih kecil bahkan hanya setengah sahaja daripada jumlah hadith Abu Hurairah. Malahan seandainya hadith-hadith daripada ‘A’isyah dicampurkan hadith-hadith daripada Umm Salamah yang hidup lebih lama sehinggalah selepas peristiwa Karbala’, kemudian dicampurkan lagi dengan hadith-hadith daripada semua Ummahat al-Mu’minin (ibu-ibu golongan mu’minin), juga termasuk al-Hasan dan al-Husayn, Fatimah (‘a.s) serta kesemua empat orang khalifah, jumlah keseluruhannya masih lagi kurang berbanding dengan yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Perkara ini tentunya boleh dianggap keterlaluan, khususnya kepada orang-orang yang berakal.

Sehubungan dengan itu, Abu Hurairah mendakwa bahawa Nabi (s.‘a.w) telah menyampaikan hadith-hadith kepadanya yang tidak diberitahukan olehnya kepada orang lain dan kerana itu tetap berada dalam fikirannya. Justeru, Abu Hurairah berkata: “ Aku menerima dua kantung berisi hadith, salah satunya sudah aku kosongkan tetapi kalau aku kosongkan yang satu lagi, tenggorokku pasti terputus.”8

Abu Hurairah berkata lagi: “ Kalaulah aku memberitahumu segala apa yang aku tahu, tentulah orang akan melontarkan batu kepadaku dan mengatakan Abu Hurairah gila.” Dia berkata: “ Kalau aku menceritakan kepadamu segala yang terpendam dalam diriku, tentulah manusia akan melontariku dengan najis binatang (al-ba‘r).”

Selanjutnya dia berkata: “ Orang ramai berkata: Wahai Abu Hurairah, engkau sudah melampaui batas. Demi Dia yang diriku ini di tangan-Nya, seandainya aku menceritakan semua apa yang aku dengari daripada Rasulullah (s.‘a.w) kepadamu, tentulah kamu melontariku dengan tompokan najis binatang (al-qasy‘ @ al-mazabil), kemudian kamu tidak lagi dapat melihatku.”9

Dia berkata lagi: “ Aku menghafal banyak hadith daripada Rasulullah (s.‘a.w) yang aku tidak sampaikan kepadamu, seandainya aku menyampaikannya, tentulah kamu semua akan merejamiku dengan batu.”10 Menurut Abu Nu‘aim,11 Abu Hurairah berkata: “ Aku menghafal lima (5) karung hadith daripada Rasulullah (s.‘a.w), hanya dua (2) karung sahaja yang aku dedahkan. Seandainya aku dedahkan karung yang ketiga, kamu akan merejamiku dengan batu.” Tidak dapat dipastikan kenapa Rasulullah (s.‘a.w) menyampaikan hadith-hadith baginda kepada orang yang tidak sanggup mendedahkannya kepada orang ramai, takut pula direjami dengan batu atau dilontari najis binatang dan berbagai-bagai lagi. Dari sudut lain pula, menurut Ibn Sa‘d,12 Abu Hurairah selalu mengatakan: “ Abu Hurairah tidak pernah menyembunyikan atau menulis sesuatu apa pun. Bagaimana mungkin kata-katanya dapat dihubungkan dengan semua omongan kosong tersebut.”

Seterusnya, kalaulah dia tidak mendedahkan sejumlah besar hadith Nabi (s.‘a.w) kerana takut direjami dengan batu atau dilontari dengan najis atau kotoran, tidak mungkin dapat diterima sikap ini dengan adanya banyak hadith yang diriwayatkan olehnya. Sebagai contoh:

Bukankah dia yang menceritakan bahawa Nabi (s.‘a.w) lupa dan bersembahyang dua raka‘at daripada sembahyang empat raka‘at, dan apabila baginda ditanya sama ada terlupa atau memendekkannya (qasr) dengan sengaja, baginda menafikan kedua-duanya.

Bukankah dia yang menceritakan bahawa Nabi (s.‘a.w) selalu memukul, mencaci, melaknat dan menyebat orang-orang yang tidak patut menerimanya ketika sedang marah.

Bukankah dia yang menceritakan bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Kami lebih wajar berada dalam keraguan berbanding dengan Ibrahim.”

Bukankah dia yang mengada-adakan cerita tentang Nabi Lut (‘a.s) yang dikatakan tidak beriman kepada Allah.

Bukankah dia yang menyifatkan Nabi Adam, Nuh, Ibrahim, Musa dan ‘Isa (‘a.s) dengan sifat-sifat yang sama sekali tidak layak bagi mereka.

Bukankah dia yang menuduh Nabi Musa (‘a.s) menampar malaikat maut sehingga tersembul biji matanya, dan Nabi Musa (‘a.s) berlari dalam keadaan bertelanjang

melintasi kaum Bani Israil yang melihat kemaluannya itu.

Bukankah dia yang menceritakan bahawa Nabi Sulaiman (‘a.s) menukarkan keputusan ayahnya, serta enggan meneruskan pemerintahan menurut kehendak Allah. Oleh kerana itu, dia sentiasa gagal dalam pemerintahannya.

Bukankah dia yang menceritakan tentang Allah, apa yang tidak layak sama sekali dengan-Nya sama ada berdasarkan akal yang waras atau hukum syarak seperti neraka (al-Nar) tidak akan merasa puas sehinggalah Allah memasukkan kaki-Nya ke dalam neraka. Allah memperlihatkan diri-Nya kepada manusia pada Hari Qiyamat dalam bentuk yang tidak diketahui oleh mereka, Dia (Allah) kemudian berfirman: “ Akulah Tuhan yang Maha Kuasa.” Mereka berkata: “ Kami berlindung dengan Allah daripadamu.” Kemudian Dia (Allah) akan datang semula dalam keadaan yang diketahui oleh mereka kemudian, mereka semua berkata: “ Kamukah Tuhan kami.” Bukankah dia yang meriwayatkan bahawa Nabi Adam (‘a.s) diciptakan dalam surah (bentuk) Allah atau Allah menciptakan Nabi Adam (‘a.s) menurut keadaan diri-Nya. Panjangnya 60 hasta (dhira‘ah) dan lebarnya 70 hasta. Abu Hurairah telah menceritakan semua hadith karut tersebut tetapi dia tidak pernah direjam dengan batu, dilontar dengan najis binatang atau kekotoran.

Menurut Sahih al-Bukhari,13 Abu Hurairah mendakwa, tiada seorang pun di antara para sahabat Nabi (s.‘a.w) yang paling banyak meriwayatkan hadith melebihi dirinya, kecuali ‘Abd-Allah bin ‘Amr (bin al-‘As) kerana dia selalu menulis sedangkan Abu Hurairah tidak menulis.

Di sini dia mengatakan ‘Abd-Allah bin ‘Amr meriwayatkan hadith daripada Nabi (s.‘a.w) lebih banyak berbanding dengan dirinya sendiri. Bagaimanapun, setelah diteliti kami dapati ‘Abd-Allah hanya meriwayatkan hadith tidak lebih daripada 700 buah,14 dan jumlah ini adalah kira-kira 1/8 daripada hadith riwayat Abu Hurairah.

Kedudukan ini menunjukkan bahawa Abu Hurairah mengakui ‘Abd-Allah bin ‘Amr bin al-‘As mengatasinya dalam periwayatan hadith pada masa-masa awal selepas Nabi (s.‘a.w), sedangkan kebanyakan hadith karutnya timbul semasa pemerintahan Mu‘awiyah dan bukannya pada zaman-zaman pemerintahan Abu Bakr, ‘Umar atau ‘Ali (‘a.s) yang merupakan di antara tokoh-tokoh yang ditakuti oleh Abu Hurairah.

13. Aspek kualiti hadith Abu Hurairah

Dalam kebanyakan hal, gaya bahasa (uslub) yang digunakan dalam hadith riwayat Abu Hurairah tidak boleh diterima naluri yang halus, juga ia tidak selari dengan akal yang waras dan ilmu.

Memadailah sekiranya kami membentangkan 40 buah hadith yang diriwayatkan daripadanya sebagai contoh dengan disertai analisis kami yang kritikal dan

terperinci bagi pembaca untuk membuat kesimpulan mereka masing-masing.

. Bentuk (surah) Adam seperti bentuk Allah:

Dicatatkan oleh al-Bukhari dan Muslim15 daripada ‘Abd al- Razzaq daripada Ma‘mar daripada Hamman ibn Munabbih yang berkata: Inilah yang diceritakan kepada kami oleh Abu Hurairah daripada Nabi (s.‘a.w) yang bersabda:

“ Allah menciptakan Adam seperti bentuk (surah) Allah, dengan panjang badan 60 hasta (27 meter),”

Ahmad menambah 16 daripada sumber Sa‘id bin al-Musayyab daripada Abu Hurairah secara marfu‘ dengan katanya: Abu Hurairah juga menceritakan: “ dengan lebar badannya 7 hasta (3.15 meter).” Dia juga berkata: Selepas menciptanya Allah berfirman: “ Pergilah dan ucapkanlah salam kepada malaikat yang duduk di sana dan dengarlah bagaimana mereka menyambut salammu, kerana itulah salam bagimu dan keturunanmu. Lalu dia pergi dan berkata: “ Assalamu ‘alaikum.” Mereka menjawab: “ Assalamu‘alaikaum wa rahmatu-llah.” Dengan cara ini, mereka menambahkan rahmatu-llah.

Oleh itu, setiap orang yang masuk syurga adalah dalam bentuk Adam (‘a.s) dan panjangnya 60 hasta. Selepasnya, mereka menjadi semakin kecil hinggalah sekarang.

Kritikan

Sesungguhnya Allah Maha Suci daripada rupa bentuk dan penyerupaan. Hadith ini kelihatan diambil daripada kitab Yahudi iaitu kitab Perjanjian Lama (Old Testament @ al-‘Ahd al-Qadim) yang menyebutkan perkara yang sama dengan perkataan yang sama iaitu “ Allah menciptakan manusia seperti bentuk-Nya sendiri.”17

Sungguh dikesali Abu Hurairah mengemukakan ajaran Yahudi dalam agama Islam dengan memasukkan hadith ini. Takwilan yang paling tepat kepada hadith ini adalah kita hendaklah mengembalikan gantinama (damir) “ hu ” dalam perkataan suratu-hu kepada Adam (‘a.s) dan bukannya kepada Allah.

Justeru, ia bermaksud bahawa Allah (s.w.t) menciptakannya di syurga mengikut bentuknya (Adam) (dan bukannya mengikut bentuk Allah), dengan maksud Adam diciptakan sekaligus dalam bentuknya yang sempurna tanpa melalui peringkat-peringkat sperma, segumpal darah, janin tanpa rangka, diikuti janin dengan rangka, kemudian dengan daging, menjadi bayi, kanak-kanak, remaja dan dewasa dengan bentuk panjang dan lebarnya yang sempurna.

Bagaimanapun, takwilan ini tidak tepat kerana hadith yang sama diriwayatkan daripada Abu Hurairah dengan kata-kata: “ Adam diciptakan seperti al-Rahman

(iaitu Allah). Al-Qastalani mengatakan kata gantinama diri (damir) “ hu ” pada perkataan suratu-hu kembali kepada Allah dan bukan kepada Nabi Adam (‘a.s). Terdapat juga dalam hadith-hadith lain diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Allah diperlihatkan sebagai berfirman kepada Nabi Musa (‘a.s): “ Aku menciptakan mereka (manusia) menurut bentuk- Ku.” Oleh itu, hadith yang menetapkan rupabentuk dan penyerupaan bagi Allah tidak boleh diterima sama sekali.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB IV

14. Hujah-hujah selanjutnya mengenai hadith ini

(1) Seandainya tinggi Nabi Adam (‘a.s) 60 hasta, tentulah lebarnya 17 1/7 hasta mengikut bentuk fizikal seperti yang lazim kita ketahui, ataupun sekiranya lebarnya 7 hasta, tinggi sepatutnya ialah 24 1/2 hasta kerana lebar badan seseorang manusia biasa ialah 2/7 daripada tingginya. Bagaimana Abu Hurairah boleh mengatakan Adam (‘a.s) mempunyai ketinggian 60 hasta dan lebarnya 7 hasta. Kita tidak sepatutnya menjadikan Adam (‘a.s) daripada susuk tubuhnya kerana Allah dalam al-Qur’an telah berfirman:

“ Sesungguhnya Kami (Allah) menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian.”

(2) Ucapan salam Assalamu ‘alaikum disyariatkan oleh Islam kerana Rasulullah (s.‘a.w) pernah bersabda: “ Kaum Yahudi tidak pernah merasa dengki (hasad) sesuatu apa pun terhadap kamu sebagaimana dengkinya mereka kepada al-salam.” Kenapakah pula Abu Hurairah mengatakan Allah berfirman kepada Adam “ pergilah dan ucapkanlah salam kepada para malaikat...”

(3) Mengenai kata-kata Abu Hurairah: “ Selepas Adam, mereka (umat manusia) mulai mengecil sehingga sekarang,” tidaklah perlu diberikan komentar.

15. Melihat Allah pada Hari Qiyamat dengan mata zahir dalam gambaran yang berbeza-beza

Al-Bukhari,18 Muslim19 dan Ahmad20 telah menceritakan daripada Abu Hurairah yang mengatakan: Orang ramai bertanya kepada Rasulullah (s.‘a.w):

“ Bolehkah kami melihat Tuhan kami (Allah) pada hari Qiyamat? Baginda pun lalu menjawab: “ Adakah kamu merasa sukar atau sakit melihat matahari yang tidak diselaputi awan? Mereka menjawab: “ Tidak.” Kemudian baginda bertanya: “ Adakah kamu merasa sakit melihat bulan penuh tanpa dilindungi awan?” Mereka menjawab: “ Tidak.” Kemudian baginda bersabda: “ Kamu akan dapat melihat-Nya sama seperti itu pada hari Qiyamat. Allah (s.w.t) akan menghimpunkan semua

manusia dan akan memerintahkan mereka, “ setiap orang hendaklah mengikuti siapa yang disembahnya.”

Justeru itu, orang yang menyembah matahari akan pergi kepada matahari, orang yang menyembah bulan akan pergi kepada bulan, orang yang menyembah syaitan atau iblis akan pergi kepada iblis.

Hanya kamu ini akan tetap bersama dengan kemunafikan mereka. Lantas, Allah datang kepada mereka dalam bentuk yang tidak diketahui oleh mereka. Dia akan berkata: “ Akulah Tuhanmu.” Mereka akan berkata: “ Kami berlindung dengan Allah daripadamu. Kami akan tetap berada di sini sehingga Tuhan kami datang kepada kami. Apabila Dia datang kami akan dapat mengenali-Nya. Lalu Allah datang kepada mereka dalam bentuk yang mereka ketahui dan berkata: “ Akulah Tuhanmu.” Mereka kemudian mengakuinya: “ Kamulah Tuhan kami,” kemudian mereka menuruti-Nya dan Dia (Allah) akan membentangkan titian neraka.

Selanjutnya, Abu Hurairah mengatakan bahawa Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: “ Akulah orang pertama yang akan melaluinya dengan doa para rasul pada hari itu: “ Ya Allah, selamatkanlah, selamatkanlah,” dan dia akan mendapat duri seperti al-syauq al-sa‘dan.

Pernahkan kamu melihat al-syauq al-sa‘dan? Mereka mengatakan: “ Pernah.” Seterusnya, Rasulullah (s.‘a.w) bersabda: Mereka akan menjadi seperti duri (al-syauq al-sa‘dan) yang tidak diketahui oleh seorang jua pun tentang besarnya kecuali Allah. Kemudian manusia akan diasingkan mengikut amalan-amalan mereka. Ada di kalangan mereka yang akan binasa kerana amalan mereka dan yang lain akan berjaya.

Apabila Allah selesai membuat keputusan di antara para hamba-Nya dan ingin mengeluarkan sesiapa sahaja dari neraka, yang mempersaksikan bahawa “ Tiada Tuhan melainkan Allah,” Dia Allah) memerintahkan malaikat mengeluarkan mereka dan dapat mengenali mereka dengan kesan-kesan sujud, dan diharamkan neraka menghapuskan kesan-kesan sujud pada anak-anak Adam, malaikat akan mengeluarkan mereka, kemudian air yang dikenali sebagai air kehidupan (ma’ al-hayah) akan dituangkan ke atas mereka untuk membolehkan mereka hidup seperti biji benih yang tumbuh di saliran air.

Tinggallah seorang lelaki mengarahkan terus ke neraka, katanya: “ Wahai Tuhanku, udaranya menyesakkanku, bahangnya membakarku, jauhilah wajahku dari api. Dia terus merintih kepada Allah. Allah akan berkata: “ Seandainya aku berikan kepadamu, engkau akan meminta yang lain pula.” Lalu dia berkata: “ Tidak demi kemuliaan-Mu, aku tidak akan meminta yang lain.” Kemudian Allah menghindari wajahnya dari api. Selepas beberapa ketika, dia lalu berkata: “ Wahai Tuhanku, hampirkanlah diriku kepada syurga.” “

Apakah engkau sangka, engkau tidak akan meminta yang lain daripada-Ku? Celaka kamu, wahai anak Adam, pandai engkau menipu daya. Tidak berhenti-henti dia meminta-minta lalu Allah berkata: " Seandainya aku berikan kepadamu, engkau akan meminta yang lain pula," dia berkata: " Tidak demi kemuliaan-Mu, aku tidak akan meminta yang lain lagi." Setelah bersumpah dan berjanji tidak akan meminta-minta lagi, Allah menghampirkannya ke pintu syurga.

Apabila dia melihat apa yang ada di dalamnya, dia tetap berdiam diri untuk beberapa lama dan kemudian berkata lagi: " Wahai Tuhanku, masukkanlah aku ke syurga," lalu Allah berkata kepadanya: " Apakah engkau fikir, engkau tidak akan meminta sesuatu yang lain nanti? Celakalah engkau, wahai anak Adam, pandai engkau menipu daya. Kemudian dia berkata: " Ya Tuhanku, janganlah engkau jadikan hamba-Mu, makhluk yang paling malang." Dia terus menyeru sehingga akhirnya Allah ketawa. Apabila Allah ketawa terhadapnya, Dia pun membenarkannya masuk ke syurga. Apabila dia masuk ke dalamnya, dia akan ditanya: " Mintalah yang ini," dan dia akan memintanya, seterusnya dikatakan kepadanya: " Mintalah yang itu," dan dia akan meminta yang itu sehinggalah semua permintaannya dipenuhi.

Lantas, Allah berkata kepadanya: " Semua ini adalah untukmu, orangorang lain yang seperti dirinya akan bersama-sama dengannya."

Muslim menceritakan hadith ini menerusi sumber (perawi) lain. Riwayatnya seperti berikut: Pada hari Qiyamat, Allah mendekati umat-Nya yang terdiri daripada orang-orang baik dan orang-orang jahat. Allah berada dalam bentuk yang paling rendah dari apa yang pernah dilihat oleh mereka. Dia berkata kepada mereka: " Akulah Tuhanmu," mereka menjawab: " Kami berlindung dengan Allah daripadamu." Lantas Allah berkata: " Adakah sebarang tanda, dengannya engkau dapat mengenali-Nya?" Mereka berkata: " Ya." Lalu, Dia memperlihatkan tulang kering-Nya (saq). Kemudian, setiap orang yang selalu sujud kepada Allah dengan rela akan diizinkan oleh Allah bersujud manakala setiap orang yang sujud kepada Allah kerana takut dan berpura-pura akan diinjak-injak. Bagi orang-orang yang bersujud akan menundukkan tengkok mereka dan ketika mereka mengangkat kepala mereka, mereka dapat melihat Allah yang mengubahkan diri-Nya kepada bentuk yang pernah mereka lihat dahulu.

Lantaran itu, Dia berkata: " Akulah Tuhanmu," dan mereka mengakui: " Engkaulah Tuhan kami." Kemudian dia pergi ke titian neraka. Hadith ini agak panjang. Al-Bukhari telah meringkaskannya dalam tafsiran surah Nuh. Lafaznya seperti berikut: " Aku mendengar Rasulullah (s.'a.w) bersabda: Allah akan memperlihatkan tulang kering-Nya (saq).

Kemudian setiap orang yang beriman, lelaki dan perempuan bersujud kepada-Nya tetapi orang-orang yang bersujud di dunia ini dengan berpura-pura akan

tersingkir. Mereka turut bersujud tetapi kembali dengan belakang mereka diinjak-injak."

Kritikan

Hadith ini cukup membingungkan orang-orang yang bijaksana. Adakah ia memperlihatkan bahawa Allah menggunakan bentuk-bentuk yang berlainan, yang boleh diakui oleh sesetengah orang sedangkan orang lain pula tidak mahu mengakuinya?

Adakah orang ramai melihat bahawa Allah memperlihatkan tulang kering-Nya sebagai suatu bukti dengan meninggalkan anggota-anggota badan yang lain? Adakah patut bagi Allah berpindah dari satu tempat ke suatu tempat yang lain agar Dia (Allah) dapat datang menemui manusia pada kali pertama dan seterusnya? Adakah mungkin Allah ketawa? Apakah pentingnya kata-kata seperti itu? Adakah ia sebenarnya sabda Nabi s.'a.w? Demi Allah yang menurunkannya (Nabi Muhammad (s.'a.w)) sebagai Nabi, hal seperti ini tidak mungkin sama sekali berlaku.

16. Persoalan melihat Allah

Berdasarkan riwayat Abu Hurairah, umat Islam memperlihatkan kepercayaan mereka yang menyokong kemungkinan melihat Allah di dunia dan di akhirat. Mengenai melihat Allah di alam akhirat pada Hari Qiyamat, mereka semuanya mengakuinya, tetapi kebanyakan daripada mereka tidak percaya kepada hakikat dapat melihat Allah di alam dunia ini. Mereka juga percaya bahawa hanya orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita dapat melihat Allah pada Hari Qiyamat, manakala orang-orang kafir, lelaki dan wanita tidak akan dapat melihat Allah.

Sekarang, orang-orang yang menyifatkan kewujudan jasad Allah percaya bahawa mereka boleh melihat Allah pada Hari Qiyamat menerusi penglihatan mata, dengan jasad Allah berada di hadapan mereka. Dengan kata-kata lain, mereka boleh melihat Allah seperti mereka melihat sesama mereka, tetapi mereka tidak boleh melihat wajah Allah kerana mereka tidak boleh menghadap matahari atau bulan tanpa dilindungi oleh awan.

Orang yang menyifatkan kewujudan jasad Allah percaya bahawa pada hari Qiyamat, mereka boleh melihat Allah tetapi bukannya dengan penglihatan mata biasa atau dengan cara Allah datang kepada mereka atau dengan cara adaptasi ataupun dengan cara ini atau itu, tetapi Allah boleh dilihat dengan cara yang tidak diketahui manusia.

Ia merupakan suatu cara yang sangat istimewa menerusi penglihatan mata orang-orang mu'min lelaki dan wanita di hadapan Allah tanpa sebarang penjelasan tentang bagaimana atau tanpa sebarang penetapan arah.

Ini tentunya sesuatu yang tidak dapat diterima akal dan sesuatu yang tidak dapat masuk ke dalam khayalan manusia kecuali dibayangkan bahawa Allah akan menganugerahkan suatu penglihatan istimewa kepada orang-orang mu'min yang tidak diperolehi oleh mereka dalam kehidupan di dunia, manakala mereka dapat melihat seperti melihat dengan akal fikiran. Ini boleh mengelakkan kita daripada berdepan dengan banyak kontroversi dan ia boleh membataskannya kepada perbahasan dari segi bahasa semata-mata.

17. Neraka tidak akan penuh sehinggalah Allah memasukkan kaki-Nya ke dalam neraka

Al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada 'Abd al- Razzaq daripada Ma'mar daripada Hammam daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan, Nabi (s.'a.w) bersabda: Neraka dan syurga berhujah antara satu sama lain, maka neraka berkata: Aku dipenuhi orang-orang yang zalim dan kejam, manakala syurga pula berkata: Apa aku peduli, tidak ada seorang pun boleh memasukiku kecuali golongan yang lemah dan golongan bawahan.

Allah 'azza wa jalla berkata kepada syurga: Engkau adalah rahmat-Ku, Aku kurniakan rahmat kepada orang-orang yang Aku kehendaki dari kalangan hamba-hamba-Ku menerusimu. Allah berkata kepada neraka: Sesungguhnya engkau adalah azab-Ku, aku azabkan orang-orang yang Aku kehendaki dari kalangan hamba-hamba-Ku menerusimu. Setiap satunya dipenuhi dengannya. Bagi neraka, ia tidak akan dipenuhi sehinggalah Allah memasukkan kaki-Nya, kemudian ia akan berkata: " Cukup, cukup." Dengan itu, ia akan dipenuhi dan satu bahagiannya akan bercantum dengan bahagian yang lain.21

Kritikan

Ternyata Abu Hurairah percaya bahawa orang-orang yang berdosa tidak mencukupi untuk memenuhi neraka sedangkan Allah 'azza wa jalla menjelaskan dalam al-Qur'an bahawa (Aku akan memenuhkan neraka jahanam..).

Abu Hurairah berusaha untuk menyatukan kedua-dua perkara dan cuba menyelesaikan persoalan tersebut dengan mengatakan Allah terpaksa memasukkan kaki-Nya ke dalam neraka jahannam kerana kaki Allah, menurut Abu Hurairah adalah lebih besar daripada neraka walau luas dan panjang mana sekalipun.

Oleh kerana kejahilan Abu Hurairah itu, tidak hairanlah jika dia menggabungkan kedua-dua perkara yang saling bercanggah ini. Namun dengan melakukan demikian, ternyata sekali dia telah salah dalam menanggapi firman Allah dalam al-Qur'an: " Kebenaran tetap kebenaran, Aku hanya berkata yang benar bahawa Aku akan memenuhkan neraka dengan kamu dan orang-orang yang mengikut kamu

semuanya.”

Sekiranya Abu Hurairah memikirkan ayat ini, tentulah dia akan mendahulukan akal daripada lidahnya dan mengelakkan diri daripada memberikan alasan kerana ayat ini adalah keterangan yang sangat jelas bahawa neraka akan dipenuhi dengan orang-orang yang sepertinya, orang-orang yang berada dalam kelompok syaitan ataupun orang-orang yang menuruti syaitan dari kalangan manusia.

Secara keseluruhannya, hadith ini adalah mustahil dan bercanggah sama sekali dengan akal dan syarak. Bolehkah seorang muslim mempercayai Allah mempunyai kaki? Bolehkah seorang yang waras bersaksi bahawa Allah meletakkan kaki-Nya ke dalam neraka untuk memenuhkannya dengan kaki-Nya itu? Apakah hikmah berhujah dengan perkara tersebut? Apakah pentingnya pemikiran lemah seperti ini? Apakah bahasa yang digunakan oleh neraka dan syurga untuk berbahas antara satu dengan yang lain? Apakah pancaindera yang mereka gunakan untuk memahami semua perkara itu atau dapat mengetahui orang-orang yang masuk salah satu darinya? Apakah kelebihan golongan zalim (al-mutajabburun) dan penindas (almustakbirun) yang dapat dibanggakan oleh neraka dengan mereka, walaupun mereka pada masa itu menduduki neraka yang paling bawah?

Bagaimana pula syurga dapat mengetahui bahawa orang-orang yang berjaya memasukinya terdiri daripada orang-orang yang lemah sedangkan Allah mengurniakan ni‘mat kepada mereka yang terdiri daripada nabi-nabi, siddiqin, syuhada’ dan orang-orang yang saleh? Tentulah seseorang itu merasa pelik mengetahui bahawa neraka dan syurga mempunyai sifat jahil dan bodoh!

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB V

18. Allah turun ke langit dunia pada setiap malam

Al-Bukhari dan Muslim telah menceritakan daripada saluran Ibn Syihab daripada Abi ‘Abdullah al-Aghr dan Abi Salma ibn ‘Abd al- Rahman daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan secara marfu‘ dengan berkata:

“ Tuhan kami turun ke langit dunia pada setiap malam sehinggalah tinggal 1/3 malam. Dia berfirman: Sesiapa yang berdoa kepadaku, Aku akan kabulkan permintaannya itu.”22

Kritikan

Sesungguhnya Allah tidak berkait langsung dengan persoalan turun dan naik, datang dan pergi, bergerak dan berpindah dan semua kejadian seperti itu. Hadith

ini dan tiga buah hadith sebelumnya menjadi sumber persoalan tajsim (kepercayaan bahawa Allah mempunyai jasad) dalam Islam. Golongan al-Hanabilah (bermazhab Hanbali) telah menimbulkan pelbagai bentuk bid‘ah dan penyelewengan, lebih-lebih lagi Ibn Taimiyyah yang menaiki mimbar masjid al-Umawi di kota Damsyiq pada hari Jumaat.

Dalam khutbahnya dia memberitahu beberapa bid‘ahnya menerusi kata-katanya: Sesungguhnya Allah turun ke langit dunia seperti mana aku turun, dan ketika mengucapkan perkataan itu dia turun selangkah ke bawah untuk menunjukkan kepada orang ramai bagaimana cara Allah turun sebenarnya, cukup dengan segala syarat yang diperlukan untuk melakukannya seperti 0bergerak dan melangkah ke bawah.

Seorang ulama (Faqih) bermadhhab Maliki yang dikenali dengan nama Ibn al-Zahra’ menyanggah kata-katanya itu. Orang ramai bangkit menentang ulama Maliki itu dan memukulnya dengan teruk sehingga serbannya jatuh. Kemudian, mereka membawanya kepada Qadi al- Hanabilah (mazhab Hanbali) bernama ‘Izz al-Din ibn Muslim pada hari itu di kota Damsyiq yang memerintahkan supaya Ibn al-Zahra’ dipenjarakan. Dalam penjara, ulama bermadhhab Maliki yang malang ini juga didera.23

19. Nabi Sulaiman menentang keputusan bapanya, Nabi Dawud

Al-Bukhari24 dengan sanadnya sampai kepada Abu Hurairah secara marfu‘ yang berkata: Dua orang wanita bersama-sama dengan anak mereka masing-masing. Seekor serigala datang dan memakan anak salah seorang daripada mereka. Sahabat wanita itu berkata: Serigala itu telah melarikan anakmu, manakala seorang lagi berkata: Serigala itu melarikan anakmu. Kedua-duanya pergi menemui Nabi Dawud untuk mendapatkan keputusan. Lalu Nabi Dawud mengeluarkan hukum yang menyebelahi wanita yang lebih tua (al-kubra). Kedua-dua wanita itu kemudian pergi menemui Nabi Sulaiman bin Dawud (‘a.s) dan menceritakan kepadanya, lalu Nabi Sulaiman berkata:

Bawakan kepadaku sebilah pisau untuk membelah anak ini untuk kamu berdua. Wanita yang lebih muda (alsughra) berkata: Janganlah lakukan. Moga-moga Allah merahmatimu. Anak itu adalah anaknya (wanita yang lebih tua). Nabi Sulaiman lalu memutuskan menyerahkan anak itu kepada wanita yang lebih muda (al-sughra). Abu Hurairah berkata: Aku tidak pernah mendengar perkataan pisau (al-sikkin) kecuali pada hari ini kerana kami biasa menyebutkannya sebagai almidyah.

Kritikan

Pertama: Nabi Dawud (‘a.s) merupakan khalifah Allah di bumi, iaitu seorang nabi yang diutuskan Allah kepada sekalian hamba-Nya dan diperintahkan untuk

menyelesaikan masalah antara manusia dengan sebenar-benarnya (al-haq) seperti firman Allah: “ Wahai Dawud! Sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil.”25

Dalam ayat-ayat yang lain pula, Allah memuji Dawud (‘a.s) dengan firman-Nya:

“ Dan ingatlah hamba Kami Dawud yang mempunyai kekuatan sesungguhnya dia amat taat (kepada Tuhan). Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-gunung untuk bertasbih bersama dia (Dawud) di waktu petang dan pagi. Dan (Kami tundukkan pula) burung-burung dalam keadaan terkumpul. Masing-masingnya amat taat kepada Allah. Dan Kami kuatkan kerajaannya dan Kami berikan kepadanya hikmah dan kebijaksanaan dalam menyelesaikan perselisihan.”26

Firman Allah seterusnya: “ Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang dekat pada sisi Kami dan tempat kembali yang baik.”27

Seterusnya:

“ Dan Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang (ada) di langit dan di bumi. Dan sesungguhnya telah Kami lebihkan sebahagian nabi-nabi itu akan sebahagian (yang lain), dan Kami berikan zabur kepada Dawud.”28

Nabi Dawud, seorang nabi yang Allah muliakannya dengan kitab zabur dan baginda terpelihara (ma‘sum) daripada sebarang kesilapan, lebih-lebih lagi dalam memutuskan hukum dan keputusan seperti yang diturunkan oleh Allah.

“ Barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orangorang yang fasiq.”29

Kini Nabi Sulaiman, anak Nabi Dawud menjadi pewaris ilmu dan hukumnya, dan baginda pula ma‘sum. Bagaimana mungkin Nabi Sulaiman menentang hukum ayahnya sedangkan baginda seorang yang paling mengetahui tentang sifat ‘ismahnya? Perbuatan menentang hukum seperti itu boleh membawa kepada mempersoalkan perbuatan Allah yang memilih Nabi Sulaiman sebagai nabi dan juga pada masa yang sama tidak menghormati ayahnya sendiri.

Kedua: Hadith ini jelas menunjukkan pertentangan di antara dua hukum yang bersumber daripada dua orang nabi. Hal ini boleh memberikan implikasi bahawa salah seorang daripada mereka melakukan kesalahan. Kalau hadith ini sahih, sedangkan kesalahan adalah ditegah daripada berlaku kepada para nabi, lebih-lebih lagi dalam masalah hukum seperti yang diturunkan Allah (barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasiq.)

Ketiga: Zahir hadith ini menunjukkan Nabi Dawud (‘a.s) memutuskan hukuman ke atas anak itu dengan memihak kepada wanita yang lebih tua (al-kubra) tanpa sebarang bukti dan hanya berdasarkan sematamata kerana dia (wanita) itu lebih tua (al-kubra). Perkara sebegini hanya dilakukan oleh orang-orang yang jahil sahaja, yang tidak tahu hukumhukum syarak dan tidak pula memahami prinsip keadilan. Sudah pasti Allah dan rasul-rasul-Nya tidak termasuk dalam golongan seperti ini.

Keempat: Hadith ini jelas memperlihatkan bahawa Nabi Sulaiman membuat keputusan menyebelahi wanita yang lebih muda (al-sughra) semata-mata kerana dia bimbang anak itu akan dibelah dengan pisau. Hal ini tidak mungkin menjadi dasar hukum, lebih-lebih lagi selepas wanita itu bersetuju menyerahkan anak itu kepada wanita yang lebih tua (al-kubra) dan ayahnya (Dawud) juga membuat keputusan sama seperti itu.

Kelima: Seseorang itu akan terus merasa hairan terhadap orangorang yang mempercayai kebenaran Abu Hurairah pada ketika dia mengatakan, dia tidak pernah mendengar perkataan pisau (al-sikkin) disebutkan kecuali pada hari itu dan perkataan yang biasa mereka gunakan ialah al-midyah. Perkataan al-sikkin sebenarnya lumrah digunakan dalam percakapan Arab berbanding dengan perkataan almidyah.

Tentulah tidak masuk akal, seseorang itu tidak dapat memahami makna perkataan al-sikkin jika dibandingkan dengan perkataan al-midyah, seolah-olah seperti kebanyakan orang tidak mengetahuinya.

Ia juga menunjukkan bahawa Abu Hurairah tidak pernah membaca dan mendengar firman Allah dalam surah Yusuf.30 Tiga ayat pada awalnya dan ayat keempat:

“ Sesungguhnya ada beberapa tanda-tanda kekuasaan Allah pada (kisah) Yusuf dan saudara-saudaranya bagi orang-orang yang bertanya.”31

Abu Hurairah memeluk Islam selepas ayat ini diturunkan iaitu selepas tujuh tahun. Orang-orang Islam sering membacanya malam dan siang, dan dapat didengar dalam masa bersalat dan bersendirian dan pada sepanjang masa, yang merupakan ayat-ayat Makkiyyah:

“ dan diberikannya kepada masing-masing mereka sebuah pisau (sikkinan).”32

Hal ini juga menunjukkan seolah-olah Abu Hurairah tidak pernah meriwayatkan sabda Rasulullah (s.‘a.w) yang menyebutkan: “ Seseorang yang menjadi Qadi untuk memutuskan hukum di antara manusia, maka sesungguhnya dia adalah seperti disembelih tanpa menggunakan pisau.“33

20. Nabi Sulaiman bertukarganti 100 orang wanita dalam satu malam

Al-Bukhari dan Muslim dengan isnadnya sampai kepada Abu Hurairah secara marfu‘ berkata: Sulaiman ibn Dawud berkata: Aku bertukar-tukar 100 orang wanita dalam satu malam. Setiap seorang melahirkan seorang anak yang berjuang ke jalan Allah. Seorang malaikat berkata kepadanya: Katakanlah insya-Allah maka dia tidak berkata-kata. Lalu dia bertukar silih berganti dengan wanita-wanita tadi, tetapi tidak seorang pun daripada mereka melahirkan anak kecuali seorang wanita yang melahirkan orang bersifat separuh sahaja (kata Abu Hurairah). Sabda Nabi (s.‘a.w): Kalaulah dia berkata insya-Allah, dia tidak dapat melanggar sumpahnya dalam hal keinginannya yang berkobar-kobar itu.

Kritikan

Hadith ini terdedah kepada beberapa persoalan seperti berikut:

Pertama: Bagaimana kuat sekali pun seorang lelaki itu, dia tidak akan mampu bertukar ganti 100 orang wanita dalam semalam. Perkara yang disebutkan oleh Abu Hurairah tentang Nabi Sulaiman bergilir-gilir wanita-wanita tersebut adalah berlawanan sama sekali dengan sifat semulajadi manusia dan ia tidak mungkin terjadi.

Kedua: Tidak harus bagi Nabi Sulaiman (‘a.s) meninggalkan al-ta‘liq (kepercayaannya kepada Allah dalam perbuatan-perbuatannya), tambahan lagi setelah diperingatkan oleh malaikat kepadanya. Apa pula yang dapat menegahnya daripada mengucapkan insya Allah. Ini kerana ia menjadi suatu doa kepada Allah dan suatu cara untuk kembali kepada Allah. Hanya orang-orang yang terlupa (al-ghafilun) dan orang jahil (al-Jahilun) sahaja yang meninggalkan perbuatan tersebut kerana semuanya berada di tangannya. Kalau dia hendak, ia berlaku dan kalau tidak dikehendaki, ia tidak akan berlaku. Tentunya jauh sekali hal ini berlaku kepada para nabi daripada sifat lupa seperti orang-orang jahil kerana mereka (‘a.s) lebih mulia dan lebih utama berbanding dengan orang-orang biasa (al-mukharrufun).

Ketiga: Abu Hurairah kelihatan ragu-ragu tentang bilangan wanita Nabi Sulaiman, kerana pada kali pertama dikatakan seramai 100 orang wanita. Pada kali kedua dikatakan 90 orang pada kali ketiga dikatakan 70 orang dan kali keempat dikatakan 60 orang.

Riwayat-riwayat ini semuanya terdapat dalam kedua-dua kitab Sahih al-Bukhari dan Muslim dan juga Musnad Ahmad. Aku sendiri tidak tahu apa yang dikatakan oleh orang yang sengaja mencari alasan dengan orang itu (Abu Hurairah)? Adakah mereka mengatakan bahawa peristiwa ini berulang-ulang kali berlaku antara Nabi Sulaiman dan para isterinya? Ada kalanya 100 kali, ada ketikanya 90 kali, 70 kali

dan seterusnya 60 kali! Pada setiap kali pula malaikat mengingatkannya, maka dia tidak mengatakan: Aku tidak jangka mereka akan mengatakan perkara ini. Kalau mereka mengatakan: ...Memang benarlah, seorang pendusta tidak mempunyai ingatan.

21. Nabi Musa (‘a.s) menumbuk mata malaikat maut

Al-Bukhari dan Muslim dalam kitab Sahih mereka dengan isnadnya sampai kepada Abu Hurairah yang berkata:

“ Malaikat maut datang menemui Musa (‘a.s), dia berkata kepadanya: Sahutlah seruan Tuhanmu. Katanya: Maka Musa menumbuk mata (‘ain) malaikat maut sehingga terkeluar biji matanya. Malaikat maut kembali kepada Tuhan dan berkata: Sesungguhnya Engkau (Tuhan) mengutuskanku kepada hamba-Mu yang tidak mahu mati maka dia telah menumbuk sehingga terkeluar mataku.

Katanya: Allah lalu memulihkan matanya semula dan berfirman: Pergilah kembali kepada hamba-Ku dan katakanlah: Kalau engkau mahu terus hidup, cekupkanlah tanganmu di belakang badan lembu. Sebanyak mana bulu yang engkau genggam dengan tanganmu itu, sebanyak itulah bilangan tahun umurmu dilanjutkan.”34

Ahmad meriwayatkan hadith daripada Abu Hurairah dalam Musnadnya35 seperti berikut:

“ Sesungguhnya malaikat maut telah datang menemui manusia dalam keadaan boleh dilihat, dia berkata: Musa datang dan menumbuknya sehingga terkeluar biji matanya.”

Ibn Jarir al-Tabari menyebutkannya dalam kitab Tarikhnya. Ini disebutkan tentang kewafatan Nabi Musa dalam kitabnya,36 juga daripada Abu Hurairah dengan lafaznya:

“ Sesungguhnya malaikat maut mendatangi manusia dalam keadaan boleh dilihat sehingga Musa datang lalu menumbuknya sehingga terkeluar biji matanya.” Dalam hadith lain disebutkan bahawa: “ malaikat maut datang kepada manusia dalam keadaan secara rahsia (tersembunyi) selepas kematian Nabi Musa.” Kalau malaikat maut datang kepada manusia dalam keadaan boleh dilihat sebelum kewafatan Nabi Musa, tentulah cerita-cerita ini banyak sekali dan diketahui umum ibarat terangnya sinaran matahari di siang hari. Namun kenapakah pula ahli-ahli hadith dan sejarah serta para pemberi maklumat (Ahl al-Akhbar) mengabaikan cerita ini sekiranya ia benar-benar mempunyai kepentingannya? Kenapakah pula para pencerita (al-qassasin) dan orang biasa tidak memikirkannya. Adakah mereka meninggalkan keistimewaan hadith Abu Hurairah ini?

Kami melihat hadith itu yang mengandungi perkara-perkara yang tidak harus

kepada Allah ta‘ala, begitu juga kepada para nabi dan para malaikat. Adakah wajar bagi Allah memilih nabi-Nya, seorang yang berkelakuan ganas ketika marah seperti orang-orang yang zalim, sehinggakan keresahannya itu tidak mengenal malaikat dan mereka membenci kematian seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahil? Bagaimanakah perkara seperti ini berlaku kepada Nabi Musa, yang telah dipilih oleh Allah membawa perutusan-Nya, diamanahkan membawa wahyu-Nya dan menempatkannya di kalangan ketua para nabi? Bagaimana pula dia membenci kematian sedemikian rupa dengan kedudukannya yang begitu mulia? Ketakutannya dengan kedudukannya yang hampir kepada Allah dan kegembiraan dalam pertemuan dengan Allah? Apakah pula dosa malaikat maut (‘a.s)?

Sesungguhnya malaikat maut itu juga utusan Allah kepadanya. Apakah perlunya pukulan (tumbukan) itu dan contoh teladan daripada perbuatan itu sehingga tercabut mata malaikat? Malaikat itu tidak datang kecuali daripada Allah dan ia tidak mengatakan sesuatu kecuali “ sahutilah panggilan Tuhanmu,” adakah harus bagi para rasul Ulu al-‘Azm melakukan penghinaan terhadap al-karubiyyin daripada golongan malaikat? Musa memukulnya ketika mereka menyampaikan perutusan Allah (a.z.w) dan perintah-Nya? Maha suci Allah, para nabi dan malaikat daripada perkara-perkara tersebut.

Kami berlepas diri daripada golongan Ashab al-Rass, Fir‘aun Musa, Abu Jahal dan orang-orang seperti mereka, dan kami melaknat mereka pagi dan petang! Bukankah ia disebabkan mereka mencaci para utusan Allah (malaikat) ketika mereka datang kepada mereka (rasul) dengan membawa perintah-Nya.

Bagaimana mungkin diharuskan perbuatan mereka ke atas para nabi Allah dan kesuciannya daripada hambanya? Maha Suci Allah, hal seperti ini tidak lain hanyalah dusta yang amat besar. Diketahui umum bahawa kekuatan manusia seluruhnya dicampurkan dengan kekuatan seluruh makhluk lain semenjak Allah menciptakan (dari awal) sehinggalah hari Qiyamat tidak akan dapat menandingi kekuatan malaikat maut. Jadi bagaimana mungkin Musa (‘a.s) boleh melakukannya? Bagaimana pula malaikat tidak dapat menandinginya dengan kekuatannya mencabut nyawa dan dalam keadaan dia diperintah pula oleh Allah ta‘ala supaya melakukannya, dan dari mana pula malaikat mempunyai mata untuk ditumbuk?

Seseorang itu tidak harus lupa walaupun kitab suci Musa iaitu al-Tawrat mengharuskan balasan balik dengan cara nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung dan sebagainya.37

Namun kita melihat malaikat maut menggunakan haknya untuk bertindakbalas. Begitu juga Allah tidak menghukum Musa kerana menampar malaikat. Sebaliknya Allah memberikan Musa kemuliaan dengan dapat memilih hidup atau mati berdasarkan bilangan bulu binatang yang dapat dipegang oleh tangannya.

Selanjutnya, apakah alasan untuk menghubungkan bilangan tahun Musa dibenarkan hidup dengan bulu binatang (lembu) tersebut? Sayang sekali, Abu Hurairah membentangkan perkara-perkara yang segala keupayaan para penyanjungnya (awliya'a-hu) tidak mampu memahami dan akal mereka tidak pula mengerti termasuklah kata-katanya lebih-lebih lagi dalam hadith ini menyebutkan bahawa:

" Malaikat maut sebelum wafat Musa datang kepada manusia dalam keadaan boleh dilihat, tetapi kemudian datang secara tersembunyi selepas Nabi Musa wafat." Moga-moga dijauhi Allah daripada kekalutan akal, kecelaan kata-kata dan perbuatan, tiada daya dan upayaku melainkan daripada Allah yang Maha Agung lagi Maha Perkasa.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB VI

22. Batu melarikan pakaian Musa dan Musa mengejarnya dari belakang kemudian Bani Isra'il melihat Musa tidak berpakaian

Al-Bukhari38 dan Muslim39 meriwayatkan hadith dengan sanadnya sampai kepada Abu Hurairah dengan kata-katanya: " Bani Isra'il biasanya mandi berbogel dengan masing-masing dapat melihat kemahuan satu sama lain, sedangkan Nabi Musa biasanya mandi berseorangan diri. Mereka kata: Tiada sesuatu yang boleh menghalang Musa daripada mandi bersama kami kecuali dia menghidapi penyakit kulit (hernia)."

Abu Hurairah selanjutnya menceritakan: Pada suatu ketika Musa hendak mandi dan meletakkan pakaiannya di atas batu. Batu itu melarikan pakaiannya. Musa mengejarnya sambil menjerit: " Pakaianku, pakaianku! Sehinggalah Bani Isra'il terlihat kemaluan Musa dan berkata: "Demi Allah, Musa tidak berpenyakit.

Selepas itu, batu itu berhenti. Musa mengambil pakaiannya dan memukul batu tadi dan demi Allah batu itu menjerit kesakitan enam atau tujuh kali. Disebutkan juga dalam al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah bahawa kejadian ini juga dinyatakan dalam ayat al-Qur'an.40

Elok diperhatikan dalam hadith ini mengandungi banyak perkara yang tidak dapat diterima akal. Contoh: terlihatnya kemaluan Nabi Musa kepada kaumnya sedangkan kedudukan dan maruahnya begitu rendah khususnya ketika mereka melihat dia berlari dalam keadaan berbogel dan memanggil batu sedangkan batu itu memekakkan telinga daripadanya, kemudian ia berhenti dan Musa berdiri berdekatannya dalam keadaan berbogel di hadapan kaumnya, lalu memukul batu sedangkan kaumnya memerhatikannya dengan kemaluannya pula berada dalam keadaan terdedah seumpama orang gila.

Kalau sekiranya kejadian ini dianggap benar tentulah ia merupakan suatu fenomena yang datang daripada Allah. Bagaimana mungkin Nabi Musa boleh merasa marah kepadanya dan menghukum batu itu kerana batu itu dipaksa bergerak. Selanjutnya apakah kesan hukuman itu ke atas batu? Elok diperhatikan juga bahawa batu yang lari bersama-sama dengan pakaian Musa tidak boleh memperlihatkan Musa mencela dirinya sendiri kerana adalah mungkin baginya untuk berada pada tempatnya sehingga batu itu membawa balik pakaiannya atau beberapa rancangan alternatif dibolehkan untuk menutup badannya seperti yang dilakukan oleh manusia yang waras dalam keadaan tersebut.

Perlu dijelaskan di sini bahawa berhubung dengan kejadian itu seperti yang disebutkan dalam ayat al-Qur'an (surah al-Ahzab (33): 69) diriwayatkan daripada Amir al-Mu'minin 'Ali ('a.s) dan Ibn al-'Abbas bahawa insiden tersebut berlaku kerana tuduhan mereka terhadap Musa dengan pembunuhan Harun seperti yang dikatakan oleh al- Jubba'i.

Dikatakan juga bahawa ia mengenai insiden zina di mana Qarun telah menghasut untuk melibatkan Musa dalam pelacuran dengan dirinya tetapi Allah melepaskannya (Musa) dengan membuatkannya (Qarun) mengatakan perkara sebenarnya.

Dikatakan juga bahawa mereka menyakiti Musa dengan menyifatkan tipu muslihat, sihir, kepalsuan dan kegilaan kepadanya selepas menyaksikan mu'jizat yang ditunjukkannya. Seseorang itu tentunya merasa hairan terhadap dua orang ahli hadith, al-Bukhari dan Muslim yang mencatatkan hadith ini dalam bab berkaitan keutamaan (fada'il) Musa dan kelebihannya.

Tidak jelas apakah keutamaan-keutamaan yang terserlah daripada perbuatan Musa memukul malaikat atau apakah kelebihan yang patut dia perolehi dengan menjadikan orang lain dapat melihat kemaluannya. Apakah besarnya perkara tersebut? Pastilah seseorang nabi seperti Musa mempunyai keutamaan yang unik dapat bercakap dengan Allah dan dengan menjadi rasul pilihan Allah, tentulah mengatasi semua perkara tadi.

23. Umat manusia yang takut telah memohon perlindungan kepada Adam, seterusnya Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa pada hari Qiyamat, mengharapkan syafa'at mereka dan mereka pula berdukacita

Al-Bukhari41 dan Muslim42 telah menceritakan menerusi sumbersumber yang berakhir dengan Abu Hurairah sebuah hadith yang panjang, antara lain mengandungi perkara berikut:

" Allah mengumpulkan manusia yang terdahulu (alawwalin) dan yang terkemudian (al-akhirin) pada hari Qiyamat di atas tanah yang satu, yang dapat didengari

orang yang memanggil mereka, mata dapat melihat mereka, matahari hampir dengan mereka dan justeru itu, manusia menderita kesengsaraan dan kedukacitaan.

Mereka berkata: Tidakkah engkau melihat apa yang dapat menyampaikan kamu semua? Kenapa tidak kamu mencari orang yang boleh memberikan syafa‘at kepadamu daripada Tuhan? Sebahagian manusia berkata kepada yang lain:

Kamu perlu pergi kepada Adam, dan mereka pergi kepada Adam (‘a.s) dan berkata: Engkau bapa sekalian manusia, Allah menjadikanmu dengan tangan-Nya dan meniupkan ruh-Nya kepada dirimu, dan memerintahkan malaikat dan mereka bersujud kepadamu.

Berikanlah syafa`at Tuhanmu kepada kami, tidakkah kamu melihat keadaan kami ini? Tidakkah kamu melihat apa yang menimpa kami? Adam berkata:

Sesungguhnya Tuhanku marah pada hari ini tidak seperti sebelumnya, dan Dia tidak pernah marah sebelumnya seperti ini! Dia menegahku daripada pokok itu, tetapi aku ingkar! Inilah hari sendiri-sendiri. Pergilah kepada orang lain.”

“ Pergilah kepada Nuh (katanya). Maka mereka datang kepada Nuh (‘a.s) dan berkata: Wahai Nuh, sesungguhnya engkau rasul yang pertama kepada penduduk dunia. Allah menggelarkanmu hamba yang bersyukur. Berikanlah syafa‘at Tuhanmu kepada kami. Tidakkah engkau melihat keadaan kami? Dia berkata: Sesungguhnya Tuhanku telah murka, tidak pernah Dia murka sebelumnya seperti itu, dan Dia tidaklah murka selepasnya seperti itu! Aku diberikan keizinan berdoa dan aku berdoa menentang kaumku. Inilah hari sendiri-sendiri. Pergilah kepada orang lain.”

“ Pergilah kepada Ibrahim. Kemudian mereka menghampiri Ibrahim dan berkata: Wahai Ibrahim, engkau nabi Allah dan kekasih- Nya daripada kalangan penduduk dunia. Berikanlah syafaat Tuhanmu kepada kami. Tidakkah engkau melihat apa yang kami cari? Ibrahim mengatakan kepada mereka: Pada hari ini, Tuhanku telah murka tidak seperti sebelumnya ataupun selepas ini. Bagiku, aku telah mengucapkan tiga perkara dusta. Inilah hari sendiri-sendiri. Pergilah kepada orang lain.”

“ Pergilah kepada Musa. Lalu mereka pergi kepada Musa. Mereka pergi menemui Musa dan berkata kepadanya: Wahai Musa, engkaulah rasul Allah yang Dia (Allah) melebihkanmu dengan wahyu-Nya dan berkata-kata secara langsung denganmu di hadapan manusia.

Berikanlah syafaat Tuhanmu kepada kami. Tidakkah engkau melihat keadaan kami? Musa kemudian berkata: Pada hari ini, Tuhanku telah murka tidak seperti sebelum mahupun selepasnya. Bagiku, aku telah membunuh manusia hidup yang

tidak diperintahkan. Inilah hari sendiri-sendiri. Pergilah kepada orang lain.”

“ Pergilah kepada ‘Isa. Kemudian mereka mendekati ‘Isa dan berkata kepadanya: Wahai ‘Isa, engkaulah rasul Allah dan kalimah-Nya yang dipindahkan kepada Maryam dan engkaulah ruh-Nya. Engkau bercakap dengan manusia ketika masih bayi dalam katil. Berikanlah syafa‘at Tuhanmu kepada kami. Tidakkah engkau melihat keadaan kami ini! ‘Isa kemudian mengatakan: Pada hari ini, Tuhanku telah murka tidak seperti sebelum mahupun selepasnya. Dia tidak akan menyebutkan dosanya. Kemudian dia mengatakan: Inilah hari sendirisendiri.”

“ Pergilah kepada Muhammad (s.‘a.w). Mereka kemudian menghampiri Muhammad (s.‘a.w) dan berkata kepadanya: Wahai Muhammad, engkaulah rasul Allah dan nabi yang terakhir. Allah telah mengampuni semua dosamu dahulu ataupun sekarang. Berikanlah syafaat Tuhanmu kepada kami. Tidakkah engkau melihat keadaan kami.

Abu Hurairah seterusnya menceritakan bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: Aku akan dipindahkan dan oleh kerana aku di bawah takhta Allah, aku akan bersujud di hadapan Tuhanku di mana Tuhan akan memberikanku kekayaan-Nya dan layanan yang baik yang tidak diberikan (kepada sesiapa) sebelumku. Kemudian aku diberitahu:

Wahai Muhammad, tegakkanlah kepalamu. Engkau akan diberikan apa sahaja yang engkau minta dan berilah syafaat, syafaatmu akan diterima. Aku menegakkan kepalaku dan berkata: Umatku, Tuhanku. Umatku, Tuhanku. Kemudian aku diberitahu: Wahai Muhammad, benarkanlah masuk dari kalangan umatmu yang baginya tidak ada Hari Pembalasan pada hari ini, melalui pintu aiman (keselamatan) daripada pintu-pintu syurga dan mereka akan pergi bersama-sama dengan orang-orang lain yang masuk daripada pintu-pintu yang lain.”

Kritikan

Hadith ini mengandungi tuduhan-tuduhan secara langsung terhadap kedudukan para nabi dan rasul yang tinggi dan mulia kerana berdasarkan kata-kata dan pernyataan Nabi (s.‘a.w), para nabi secara khusus mereka yang berkedudukan tertinggi menikmati kedudukan yang sangat mulia dan sekalian alam sememangnya mengetahui prestij mereka yang tinggi di kalangan manusia. Kebesaran mereka mengundang penghormatan orang ramai, dan khidmat mereka kepada kemanusiaan diakui oleh semua. Terlalu banyak sekali ayat al-Qur’an dan al-hadith yang menceritakan kebaikan dan keutamaan para nabi dan rasul tersebut meliputi kecemerlangan akal, hati dan akhlak yang tidak tercemar dalam kedua-dua persoalan, kehidupan dan pengajaran.

Namun demikian, hadith Abu Hurairah ini telah menghapuskan semua kebaikan dan keutamaan mereka hingga ke akar umbinya sehingga ia dipenuhi kekurangan dan keterangan-keterangan yang tidak benar. Ia sama sekali berlawanan dengan keterangan Nabi (s.‘a.w) dan jauh sekali daripada keterangan sunnah baginda (s.‘a.w).

Kedudukan Nabi Adam (‘a.s) dalam keterangan di atas jauh menyimpang dengan melakukan perbuatan dosa yang mengundang kemurkaan Allah (s.w.t). Nuh (‘a.s) kelihatan membuat permohonan menentang seseorang kecuali musuh-musuh Allah dengan cara mencari keredhaan Allah. Ibrahim (‘a.s) kelihatan bercakap bohong dan daripada segala bentuk pendustaan kata atau perbuatan yang pasti menyebabkan kemurkaan Allah. Moga dijauhi Allah bahawa Musa (‘a.s) membunuh seseorang yang boleh menyebabkan Allah murka terhadapnya, tetapi dia hanya membunuh seorang sahaja yang tidak mengandungi kemuliaan di hadapan Allah dan tidak bernilai di mata orang biasa. Pada keseluruhannya, para nabi dan rasul semuanya kelihatan berada pada posisi menyalahkan Allah (s.w.t) sehingga Dia (Allah) begitu murka terhadap mereka yang tidak pernah murka sedemikian rupa.

Selanjutnya, bolehkah orang ramai pada Hari Akhirat berbincang sesama mereka dan bertindak kerana dalam hadith ini menunjukkan mereka melakukan sesuatu kerana menurut al-Qur’an pada hari itu, mereka seumpama orang yang mabuk walaupun mereka sebenarnya tidak mabuk dan setiap orang memisahkan diri daripada saudara, ibu, bapa, isteri dan anak-anak mereka, kerana mereka sibuk dengan urusan mereka masing-masing. Bagaimana pula orang ramai mendekati para nabi dan rasul pada hari itu kerana mereka semua akan ditempatkan di suatu tempat yang berbenteng yang tidak memungkinkan mereka dapat mendekati para nabi dan rasul.

Tambahan lagi, persoalan besar yang boleh dikemukakan kepada Abu Hurayrah adalah apakah mereka daripada umat Nabi Muhammad (s.‘a.w) atau nabi dan rasul yang lain? Sekiranya mereka daripada umat Nabi (s.‘a.w) kemudian siapakah yang mengarahkan mereka mendekati nabi-nabi yang lain secara silih berganti. Sekiranya mereka daripada umat nabi dan rasul yang lain, tentulah nabi yang berkenaan tidak wajar membiarkan umatnya terkapai-kapai sebagaimana yang ditunjukkan hadith ini.

24. Keraguan para nabi dan rasul, kesalahan Nabi Lut (‘a.s) dan kemuliaan Nabi Yusuf (‘a.s) mengatasi Nabi Muhammad (s.‘a.w)

Al-Bukhari43 dan Muslim44 telah mengambil riwayat menerusi para perawi sampai keapda Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Kami lebih layak berada dalam keraguan berbanding dengan Ibrahim ketika baginda berkata: “ Ya Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan sesuatu

yang mati. Allah berkata:

Tidakkah engkau mempercayainya? Ibrahim berkata: Ya, tetapi ia untuk menyakinkan hatiku." Allah memberikan rahmat ke atas Lut, dia mencari perlindungan dengan sokongan kuat, tetapi sekiranya aku tetap dalam selama mana Yusuf berada di dalamnya, tentulah aku akan binasa."

Kritikan

Hadith ini tidak boleh diterima sama sekali kerana beberapa alasan dan hujah:

Pertama: Ia menetapkan keraguan kepada Khalil-Allah, Ibrahim ('a.s), sedangkan Allah ('a.z.j) berfirman dalam al-Qur'an: " Dan sesungguhnya telah Kami anugerahkan kepada Ibrahim hidayah kebenaran sebelum (Musa dan Harun) dan adalah Kami mengetahui (keadaan)nya."45

" Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Ibrahim tanda-tanda keagungan (Kami yang terdapat) di langit dan di bumi dan (Kami memperlihatkannya) agar dia termasuk orang-orang yang yakin."46

Keyakinan adalah berdasarkan tahap keilmuan, tidak mungkin adanya keraguan. Berhubung dengan ayat yang dirujuk oleh Abu Hurairah, ia hanya merujuk bahawa Ibrahim ingin melihat cara-cara Allah menghidupkan sesuatu yang mati tanpa mempunyai sebarang keraguan tentang kekuasaan-Nya melakukannya, yang dapat dilihat dengan ketara daripada pertanyaan Allah kepadanya sekiranya dia tidak mempercayainya dan jawapannya adalah bahawa dia percaya.

Kedua: Kata-kata Abu Hurairah bahawa kami lebih layak berada dalam keraguan menetapkan bahawa keraguan kepada rasulllah (s.'a.w) dan semua nabi yang lain dan mereka semuanya lebih patut berada dalam keraguan berbanding dengan Ibrahim. Seseorang gagal memahami bagaimana Abu Hurairah berani berkata demikian sedangkan Allah mengatakan bahawa Dia Allah memberikan Nabi (s.'a.w) apa yang tidak diberikan kepada Ibrahim dan nabi-nabi yang lain ataupun malaikat-malaikat al-muqarrabun. Sebenarnya sifat ragu-ragu terhadap Nabi (s.'a.w) dinafikan secara menyeluruh oleh semua ulama, kerana kedua-dua aspek akal dan hadith menentang tohmahan tersebut.

Ketiga: Abu Hurairah merujuk kepada Lut yang mencari perlindungan (moga-moga dijauhi Allah) kepada yang lain daripada Allah adalah tuduhan yang tidak berasas sama sekali yang tidak langsung menepati kedudukannya yang mulia sebagai nabi dan pada masa yang sama, menunjukkan sikap kurang mempercayai Allah. Tindakan Lut hanyalah satu cara memperingatkan keluarga dan umatnya sebagai cara menyeru mereka berbuat baik dan menegah mereka daripada melakukan kejahatan sebagai sebagai matlamat perutusannya.

Keempat: Kata-kata dalam hadith ini yang merujuk kepada Nabi (s.‘a.w) sebagai bersabda: “ Sekiranya aku tetap dalam penjara selama mana Yusuf berada di dalamnya, aku akan binasa,” cuba mengukuhkan kelebihan Yusuf ke atas Nabi (s.‘a.w) yang berlawanan dengan apa yang dipercayai oleh seluruh umat Islam dan juga ia bercanggah dengan hadith-hadith yang sahih.

25. Belalang emas jatuh ke atas Nabi Ayyub ketika sedang mandi dan celaan Allah terhadapnya kerana menyembunyikannya dalam pakaiannya.

Al-Bukhari47 dan Muslim telah mengambil riwayat menerusi suatu rangkaian perawi secara marfu‘, sampai kepada Abu Hurairah yang mengatakan:

“ Nabi Ayyub sedang mandi apabila seekor belalang emas jatuh ke atasnya, lalu Ayyub cuba menyembunyikannya dalam pakaiannya. Pada ketika itu Allah mencelanya dengan kata-katanya: “ Bukankah Aku menjadikan kamu lebih kaya daripada apa yang kamu lihat. Katanya: “

Benar! Demi kemuliaan-Mu, tidak ada kekayaan yang lebih baik daripada keberkatan-Mu.” Tiada seorang pun kecuali orang yang buta mata hatinya boleh mempercayai hadith ini.

Pertama: Penciptaan belalang yang diperbuat daripada emas adalah tanda-tanda Allah yang berlawanan dengan kebiasaan. Tanda-tanda seperti itu dibenarkan kepada nabi-nabi sebagai bukti kenabian mereka agar umat manusia yang menyaksikan fenomana atau kejadian luarbiasa itu mempercayai kenabiannya. Di sini Nabi Ayyub sedang mandi seorang diri. Justeru, belalang emas yang jatuh itu bukanlah menjadi bukti kenabiannya di hadapan khalayak ramai.

Kedua: Sekiranya belalang itu jatuh ke atasnya lalu dia menyembunyikannya dalam pakaiannya, ia bukanah suatu kebiasaan kerana dia mengambilnya sebagai suatu kurniaan Allah yang diterima dengan ucapan penuh kesyukuran, kerana jika sebaliknya, tentulah dia bererti keengganan menerimanya dan mengakui rahmat-Nya yang tidak mungkin dilakukan oleh para nabi.

Ketiga: Sudah diketahui umum bahawa ketika nabi-nabi terima sebarang bentuk anugerah duniawi, mereka akan menggunakannya ke jalan Allah, untuk meneruskan rancangan mereka untuk kebaikan masyarakat dan orang ramai lebih daripada untuk kepentingan diri sendiri.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB VII

26. Pendedahan keaiban Nabi Musa (‘a.s), ketika semut menggigitnya, dia membakar seluruh sarangnya.

Al-Bukhari48 dan Muslim49 telah mengambil suatu riwayat menerusi para perawi sampai kepada Abu Hurairah secara marfu‘ yang mengatakan:

“ Seekor semut telah mengigit seorang nabi iaitu Musa bin ‘Imran dan baginda memerintahkah supaya membakar sarangnya lalu Allah mewahyukan kepadanya, “ seekor semut mengigitmu sedangkan kamu pula membakar suatu umat daripada umat-umat yang mengagungagungkan Tuhanmu!”

Kritikan

Terbukti Abu Hurairah seorang yang suka menimbulkan musibah kepada para nabi Allah yang menyakitkan mata dan telinga. Bagaimanapun, para nabi mempunyai tahap kesabaran yang sangat tinggi dan berdada lapang terhadap semua tuduhan yang dilontarkan kepada mereka oleh orang awam. Di sini, wasi Nabi iaitu Amir al-Mu’minin ‘Ali (‘a.s) telah berkata dalam salah satu khutbahnya: “ Demi Allah, sekiranya aku dikurniakan kekayaan semua tujuh (7) penjuru alam di bawah langitnya, supaya menyisihkan seekor semut daripada satu bahagian barlinya, aku tidak akan melakukannya. Sudah pasti pada pandanganku duniamu ini adalah lebih kecil daripada nilai sehelai daun di mulut seekor belalang yang memakannya. Semua kesenangan akan musnah dan kelazatan juga tidak akan berkekalan.”

Inilah pandangan ‘Ali yang bukanlah merupakan seorang nabi tetapi hanyalah seorang pengganti Nabi (s.‘a.w) dan saksinya. Tentulah seorang nabi lebih-lebih lagi kerana Allah memilihnya sebagai nabi-Nya dan menganugerahi kemuliaan kepada Musa, dapat bercakap dengan- Nya (Allah) secara langsung. Allah dan rasul-Nya terlepas sama sekali daripada tuduhan dan tohmahan orang-orang yang jahil.

Sungguh menghairankan, bagaimana orang yang menyakini hadith ini mempercayai bahawa seorang nabi menghukum seekor semut dengan membakarnya sedangkan Nabi (s.‘a.w) dengan jelas mengatakan bahawa tidak dibenarkan seseorang pun menyiksa sesuatu dengan hukuman bakar kecuali Allah. Semua bersepakat bahawa makhluk hidup tidak boleh dibunuh dengan dibakar sebagai balasan. Tambahan pula, Abu Dawud telah mengambil suatu riwayat dengan sanad yang sahih berdasarkan syarat-syarat al-Bukhari dan Muslim menerusi Ibn ‘Abbas bahawa Nabi (s.‘a.w) telah melarang membunuh semut, lebah, burung hud-hud dan buruk merak.”

27. Nabi (s.‘a.w) terlupa salat dua rakaat

Al-Bukhari50 dan Muslim51 telah mengambil riwayat dalam kitab Sahih mereka, berhubung dengan sifat pelupa bahawa Abu Hurairah meriwayatkan: “ Nabi (s.‘a.w) mendirikan salah satu daripada salat ‘isya’ (atau mungkin salat ‘asr)

dengan hanya melakukan dua (2) rakaat kemudian baginda mengucapkan salam dan berdiri menghadap tiang di bahagian hadapan masjid lalu meletakkan tangan di atasnya. Di antara sahabat yang berada di situ ialah Abu Bakr dan ‘Umar tetapi mereka merasa sangsi untuk berkata kepadanya. Orang ramai lalu bergegas keluar dan mereka mengatakan: “ Adakah engkau mengqasarkan (memendekkan) salat? Orang yang biasa Rasulullah panggil ialah Dhu al-Yadain yang menanyakan: Adakah engkau lupa atau qasarkan? Nabi (s.‘a.w) berkata: Aku tidak lupa dan juga tidak qasarkan (salat). Dia berkata: Ya, engkau telah lupa. Lalu dia bersalat dua (2) rakaat, mengucapkan salam, membaca takbir dan bersujud.”

Kritikan

Hadith ini mengandungi keterangan tentang sujud sahwi (lupa) tetapi ia ditolak sama sekali kerana beberapa alasan seperti berikut:

Pertama: Sifat pelupa yang keterlaluan berlaku apabila seseorang itu menjauhkan keinginan bersalat dalam fikirannya dan sibuk melayani fikiran lain dalam kepalanya. Ia hanya berlaku kepada orang-orang yang tidak memberikan tumpuan semasa bersalat. Sudah pasti, nabi terpelihara daripada perbuatan tersebut dan sifat terlupa tidak pernah didengari berlaku kepada nabi-nabi yang lain, apatah lagi kepada nabi yang terbaik di kalangan mereka dan juga yang terakhir sudah tentu mengatasi semua perkara tersebut.

Kedua: Hadith itu menunjukkan bahawa Nabi (s.‘a.w) pada mulanya menafikan bahawa baginda memendekkan salat atau terlupa melakukan salat itu dengan sempurna. Bagaimanakah baginda kemudiannya mengakui baginda terlupa? Bahkan sekiranya kita menerima keadaan tersebut iaitu baginda tidak terlepas daripada sifat pelupa, semua orang Islam bersepakat bahawa baginda pasti terhindar daripada sifat bongkak atau gopoh dalam mengucapkan sesuatu yang bertentangan dengan keadaan sebenarnya.

Ketiga: Abu Hurairah kelihatan keliru dalam hadith ini kerana fikirannya bercelaru. Pada kali pertama, dia mengatakan Nabi (s.‘a.w) mendirikan salah satu salat petang, sama ada zuhur atau ‘asr, ragu-ragu tentang salah satu daripadanya dan kemudian dia menjelaskan bahawa Nabi mendirikan salat ‘asr, dinyatakan mengenainya pada kali ketiga dengan jelas, katanya: Ketika aku sedang bersalat zuhur dengan Nabi (s.‘a.w), “ diterangkan dengan jelas bahawa ia adalah salat zuhur. Kesemua versi atau riwayat tersebut dicatat dalam kedua-dua kitab Sahih al-Bukhari dan Muslim, manakala para pensyarah kepada kitab Sahih mereka pula merasa keberatan untuk memperjelaskannya.

Keempat: Hadith ini jelas menunjukkan bahawa selepas mendirikan dua rakaat pertama salat, Nabi (s.‘a.w) meninggalkan tempat salatnya, keluar pergi ke tiang di bahagian depan, bercakap dengan orang ramai dan dengan cara itu salat pun

berakhir. Bagaimanakah kemudian baginda meneruskannya semula dan melakukan dua rakaat yang tertinggal selepas terbatalnya salat sebelum.

Kelima: Orang yang disebutkan sebagai Dhu al-Yadain dalam hadith sebenarnya merujuk kepada Dhu al-Syimalain, iaitu ibu ‘Abd ‘Amru, sekutu Bani Zuhra, mati syahid dalam perang Badr 5 tahun sebelum Hijrah sebelum Abu Hurairah memeluk Islam. Ia diakui oleh ketua Bani Zuhra, Mahmud bin Muslim al-Zuhri seperti disebutkan dalam al-Isabah, Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam al-Isti‘ab dan semua syarah (keterangan) kepada kedua-dua kitab Sahih. Ia turut diakui oleh al-Tahuri dalam dua buah riwayat hadith yang paling sahih diriwayatkan olehnya dan oleh Abu Hanifah apabila mereka meninggalkan beramal dengan hadith ini dan mengeluarkan fatwa yang berlawanan denganya, seperti yang diperlihatkan dalam syarah Sahih Muslim oleh al-Nawawi.52 Al-Nasa’i juga menunjukkan bahawa Dhu al-Yadain dan Dhu al-Syimalain adalah orang yang sama. Hujah yang sama dikemukakan lebih jelas oleh Ahmad bin Hanbal dalam Musnad.53

Wajar disebutkan juga bahawa bentuk atau versi riwayat ini seperti yang diambil oleh Muslim dalam Sahihnya,54 mengandungi katakata Abu Hurairah seperti berikut: “ Rasulullah bersama-sama dengan kami telah bersalat salah satu daripada salat waktu siang sama ada zuhr atau ‘asr …hingga ke akhir hadith termasuk perbualan di antara Dhu al-Yadain (atau Dhu al-Syimalain) dan lain-lain kerana Dhu al- Yadain telah mati syahid dalam perang Badr 5 tahun sebelum Abu Hurairah menganuti Islam dan datang kepada Nabi (s.‘a.w). Keseluruhan hadith mereka ini tidak perlu dipercayai.

28. Nabi (s.‘a.w) memukul, menyebat,mencela dan melaknat orang yang tidak sepatutnya.

Al-Bukhari55 dan Muslim56 telah mengambil riwayat daripada para perawi yang berakhir kepada Abu Hurairah secara marfu‘ bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Ya Allah! Muhammad hanyalah manusia biasa. Dia marah seperti juga manusia yang lain marah. Aku telah berjanji kepadamu, janganlah kamu menentangku dalam perkara ini. Oleh itu, sekiranya ada sesiapa yang telah aku sakiti, caci, cela, laknat atau sebat, Engkau jadikanlah ia tebusan dosa (kaffarah) kepadanya dan suatu kurniaan kepadanya sebagai menghampirkan diri kepada-Mu.”

Kritikan

Tidak wajar bagi Nabi (s.‘a.w) atau mana-mana nabi yang lain menyakiti, menyebat, mencaci atau melaknat sesiapa pun yang sama sekali tidak layak menerimanya, sama ada dalam keadaan marah atau sebaliknya. Bahkan mereka tidak boleh merasa marah tanpa alasan. Sudah pastilah Allah Maha Agung untuk mengutuskan seorang nabi kepada umat manusia, yang dikuasai sifat marah sehingga sampai menyakiti, melaknat atau mencaci orang-orang yang tidak layak

menerimanya, sedangkan nabi-nabi terhindar sama sekali daripada berkata atau melakukan sesuatu yang boleh menghapuskan sifat ‘ismah mereka dan mereka juga tersisih daripada semua perkara yang tidak sesuai kepada orang yang bijaksana.

Orang baik dan orang jahat mengetahui bahawa menyakiti, melaknat, mencaci atau menyebat orang yang tidak layak menerimanya adalah kezaliman dan kejahatan yang sewajarnya dijauhi oleh semua orang mu’min. Bagaimana mungkin perbuatan seumpama itu dikaitkan kepada ketua para nabi dan Khatam al-Nabiyyin sedangkan baginda sendiri dikatakan bersabda:

“ Melaknat orang Islam adalah suatu keburukan.”

Menurut hadith catatan al-Bukhari,57 Abu Hurairah menyatakan bahawa dikatakan kepada Nabi: “ Ya Rasulullah, doakanlah melawan orang musyrik. Nabi berkata: aku tidak diutuskan sebagai suatu laknat tetapi sebagai rahmat.” Demikianlah sifatnya terhadap golongan musyrik. Bagaimana mungkin baginda boleh berkelakuan terhadap orang yang tidak berhak menerimanya dari kalangan mu’min? Tentulah hadith ini diciptakan semasa zaman Mu‘awiyah bertujuan untuk memenuhi keinginannya, mendekatkan diri kepada keluarga Abu al-‘As dan seluruh Bani Umaiyyah dan juga sebagai tindakbalas kepada Nabi (s.‘a.w) yang melaknat sekumpulan munafiq dari kalangan mereka dan ketua mereka sendiri, ketika mereka didapati menghalangi orang lain daripada jalan Allah dan menyimpangkannya.

Nabi (s.‘a.w) melaknat mereka dalam banyak tempat untuk memberitahu kedudukan mereka yang dilaknat dan hina agar umat Islam mengetahui bahawa mereka tidak ada sesuatu apa pun dengan Allah dan Rasul-Nya dan agama tetap selamat daripada sifat nifaq mereka dan umat Islam juga terselamat daripada rancanan dan komplot jahat mereka. Semua ini dilakukan oleh Nabi sebagai sebahagian daripada perutusan kenabian menurut perintah Allah. Cukup menghairankan umat Islam masih menyokong mereka walaupun mereka memainkan semua bentuk tipu helah untuk menghancurkannya. Mereka menelan Nabi, selepasnya diikuti kaum kerabatnya dengan segala kekuatan mengikut perintah mereka. Nabi (s.‘a.w) melaknat mereka agar Allah menjauhkan mereka daripada rahmat-Nya dan orang-orang mu’min daripada umatnya menjauhi mereka untuk memisahkan diri selama-lamanya daripada kefasiqan mereka.

29. Gangguan syaitan kepada Nabi (s.‘a.w) semasa mendirikan salat

Al-Bukhari58 dan Muslim59 menerusi para perawi yang berakhir dengan Abu Hurairah yang berkata:

“ Nabi (s.‘a.w) sedang bersalat, kemudian baginda berkata: Syaitan mendekatiku

dan cuba sedaya upayanya untuk mengganggu salatku, tetapi Allah membenarkan mencekiknya dan aku berjaya merantainya agar kamu dapat menyebut kata-kata Sulaiman: “ Ya Tuhanku, berikanlah kepadaku kekuasaan yang tiada seorang pun selepasku memilikinya.”

Kritikan

Dalam hadith ini, dinyatakan bahawa para nabi Allah sebagai manusia pilihan Allah wajib terpelihara daripada perkara-perkara seperti itu kerana keadaan tersebut berlawanan sama sekali dengan ‘ismah dan mencemarkan kedudukan mereka. Allah memelihara dan menghindarkan syaitan daripada mendekati atau menggoda mereka.

Allah dengan jelas memberikan amaran kepada syaitan dalam al-Qur’an:

“ Dan jika syaitan mengganggumu dengan suatu gangguan, maka mohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”60

Di pihak yang lain, umat Islam sendiri mengetahui walaupun terdapat perbezaan dalam kepercayaan mereka bahawa syaitan tidak gembira pada saat kelahiran Nabi (s.‘a.w) dan bimbang perutusannya sebagai Nabi tetapi merasa gembira dengan penghijrahannya dan sekali lagi merasa gelisah dengan kemunculan dan kejayaannya, hukumhakam, peraturannya dan sebagainya. Dia tentu akan melarikan diri ketika Nabi bersalat seperti cahaya kilat dan menjauhkan diri daripada apa yang diserukan Allah kepadanya tentang hukum-hakam dan rahsia, dan Allah menjelaskan:

“ Sesungguhnya salat menegah daripada perkara-perkara yang keji dan mungkar.”61 Sudah diketahui umum bahawa apabila Nabi (s.‘a.w) berdiri untuk bersalat, dia akan menumpukan perhatian sepenuhnya dengan mengenepikan segala sesuatu selain daripada Allah dengan bantuan kekuatan ruhaninya dan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada Allah semata-mata sebagai hamba-Nya yang mukhlis. Ketika baginda mengucapkan takbir pertama salat, baginda meminta perlindungan daripada Allah sebelum memulakan bacaannya berdasarkan perintah Allah:

“ apabila kamu membaca al-Qur’an, mohonlah perlindungan Allah daripada syaitan yang direjam.”62 Jelas ternyata bahawa apabila Nabi (s.‘a.w) memohon perlindungan Allah, Allah akan menjadi pelindungnya. Syaitan sendiri mengetahui hakikat ini walaupun hanya orang-orang yang jahil sahaja yang tidak mengetahuinya. Pasti hadith Abu Hurairah ini bertentangan sama sekali dengan kedudukan Nabi (s.‘a.w) yang mulia dan kerana itu, kebenarannya tidak dapat diterima sama sekali.

Di sini persoalan boleh dikemukakan kepada ahli-ahli hadith, al- Bukhari dan Muslim dan lain-lain iaitu sama ada syaitan mempunyai ciri-ciri fizikal untuk dirantai sehingga ke pagi untuk membolehkan orang ramai melihatnya dengan mata kasar mereka dalam keadaan tersebut. Terbukti tiada seorang pun akan berkata bahawa syaitan mempunyai jisim untuk membolehkan tindakan itu dilakukan.

30. Nabi (s.'a.w) tertidur sehingga terlepas waktu salat subuh

Al-Bukhari dan Muslim63 mengambil riwayat menerusi rangkaian para perawi sampai kepada Abu Hurairah, dengan katanya seperti dicatatkan oleh Muslim:

" Kami bersama-sama Nabi (s.'a.w) melepasi malam dalam sebuah jamuan perkahwinan dan tidak terjaga hinggalah terbitnya matahari. Nabi (s.'a.w) bersabda: Setiap orang daripada kamu hendaklah membawa dirinya kerana tempat ini didiami syaitan. Kami melakukan demikian. Kemudian dia meminta air lalu berwudu' kemudian bersujud sebanyak dua (2) kali dan kemudian menunaikan salat subuh."

Kritikan

Hadith ini dengan jelas bertentangan dengan petunjuk Nabi (s.'a.w) kerana Allah berfirman: " Hai orang yang berselimut (Muhammad), bangunlah (untuk sembahyang di malam hari kecuali sedikit (daripadanya), (iaitu) seperduanya atau kurangilah dari seperdua itu sedikit, atau lebih dari seperdua itu. Dan bacalah al-Qur'an itu dengan perlahan-lahan."64

Ini kerana Nabi (s. 'a.w) biasanya menunaikan salat sepanjang malam sehingga kakinya bengkak. Lalu Allah mewahyukan ayat ini kepadanya: " Taha, Kami tidak menurunkan al-Qur'an ini kepadamu agar kamu menjadi susah, tetapi sebagai peringatan bagi orang yang takut (kepada Allah)."65

Inilah kedudukan Nabi (s.'a.w) berkaitan dengan salat sunat (malam). Bayangkanlah salat fardhu yang lima dan ia pula merupakan salah satu rukun Islam. Seterusnya Abu Hurairah sendiri66 meriwayatkan sebuah hadith daripada Nabi (s.'a.w) yang dikatakan bersabda: Apabila seseorang daripadamu tertidur, syaitan membuat tiga (3) simpulan rambut (qafiyah al-ra's). Sekiranya dia bangun dan mengingati Allah, simpulan pertama akan terungkai. Sekiranya dia berwudu', simpulan kedua akan terungkai dan sekiranya dia menunaikan salat, simpulan ketiga pula akan terurai.

Kemudian dia akan menghadapi pagi dengan hati yang penuh kegembiraan dan ketenangan, jika sebaliknya dia akan merasa dirinya kotor dan malas." Sebuah hadith yang lain pula menyebutkan sabda Nabi (s.'a.w): Tiadalah salat yang lebih berat ke atas orang munafiq daripada salat fajr (subuh) dan 'isya'. Kalau mereka

mengetahui apa yang terkandung di dalamnya, mereka akan mendatanginya walaupun terpaksa merangkak.67

Tidak perlulah diulas dengan panjang lebar, adakah Rasulullah yang menyeru orang ramai kepada salat mengutamakan salat subuh, mengancam orang yang tidak keluar bersalat subuh dengan ancaman membakar, membiarkan dirinya tertidur sehingga matahari terbit dan tertinggal salat.

Terdapat beberapa kepalsuan hadith ini:

Pertama: Dijelaskan dalam berbagai-bagai kitab Sahih bahawa semasa tidur hanya mata Nabi sahaja yang tidur tetapi hatinya tidak.68 Bagaimana mungkin Nabi tertinggal salat subuh disebabkan tertidur?

Kedua: Berdasarkan catatan Muslim,69 kejadian dalam hadith ini berlaku ketika Nabi (s.'a.w) dalam perjalanan balik dari Perang Khaybar. Ketika Abu Hurairah datang menemui Nabi untuk memeluk Islam di Madinah selepas kembali dari Khaybar. Dengan demikian, Abu Hurairah tidak boleh mendakwa hadir pada masa peristiwa itu berlaku.

Ketiga: Dalam hadith ini, Nabi (s.'a.w) ditunjukkan sebagai berkata bahawa setiap orang hendaklah bergerak dengan binatang tunggangannya kerana syaitan telah mendiami tempat itu, tetapi telah diperlihatkan dengan cukup jelas dan terang bahawa syaitan tidak boleh mendekati Nabi (s.'a.w) sama sekali. Abu Hurairah juga berkata: Lalu kami melakukannya. Tetapi kita tahu bahawa pada hari-hari itu, Abu Hurairah bekerja untuk menyara hidup sekadar cukup makan. Mana mungkin dia mempunyai binatang tunggangan?

Keempat: Abu Hurairah kemudian berkata Nabi (s.'a.w) meminta air, berwudu' dan bersujud sebanyak dua (2) kali dan kemudian bersalat subuh. Terbukti salat ini sebagai ganti salat yang tertinggal. Dalam kejadian ini, tujuan melakukan dua (2) kali sujud adalah tidak jelas, kerana tiada tempat baginya sama sekali. Al-Nawawi tidak menyebutkannya dalam tafsirannya (syarh).

Kelima: Sudah menjadi kebiasaan bagi para pemimpin tentera dan panglima, apabila tentera dibenarkan tidur, terdapat beberapa orang pengawal yang tetap berjaga untuk memerhatikan dan mengawasi sebarang serangan tentera. Pastinya, Nabi (s.'a.w) yang dikelilingi musuh-musuh termasuk orang-orang munafiq dalam kumpulan bersama-samanya, tidak akan membiarkan perkara itu begitu sahaja supaya dapat mengelakkan dirinya dan orang-orangnya terdedah kepada serangan atau komplot orang munafiq dalam tenteranya. Mustahil para pengawal turut tertidur. Nabi (s.'a.w) sebenarnya telah memberikan amaran bahawa banyak pendustaan dan pembohongan akan dilakukan terhadapnya.

Keenam: Dalam kejadian ini, tentera yang dipimpin Nabi (s.'a.w) terdiri daripada

600 orang lelaki dengan 200 ekor kuda. Sukar untuk difahami semuanya tertidur sehingga tiada seorang pun terjaga pada masa salat subuh sedangkan sudah tentu terdengar bunyi kuda merengek dan bunyi gerakan mereka, khususnya pada waktu pagi apabila mereka mulai membuat bising untuk makan rumput kering. Terbukti, seluruh cerita itu tidak lain hanyalah khayalan Abu Hurairah semata-mata.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB VIII

31. Lembu dan serigala bercakap dalam bahasa Arab yang fasih

Al-Bukhari70 dan Muslim71 mengambil riwayat daripada Abu Hurairah bahawa dia meriwayatkan bahawa: " Nabi (s.'a.w) menunaikan salat subuh dan kemudian keluar menemui orang ramai. Sementara itu, seorang lelaki datang sambil menunggang lembu. Dia menunggang sambil memukulnya, lalu (lembu itu) dikatakan berkata: Aku tidak dijadikan untuk ini, bahkan aku dicipta untuk bercucuk tanam. Orang ramai berkata: Maha Suci Allah, lembu boleh bercakap. Nabi (s.'a.w) kemudian berkata: " Aku, Abu Bakr dan 'Umar mengakui perkara ini," sementara kedua-duanya tidak berada di situ. Pada masa itu, kelihatan seorang lelaki dengan binatang ternak, biribiri dan kambing. Seekor serigala menyerangnya dan melarikan seekor daripadanya. Orang itu lalu mengejar dan mengambil balik daripada serigala. Serigala berkata:

Engkau merampas kambing itu daripadaku tetapi siapakah yang dapat menyelamatkannya daripada singa, ketika tidak ada pelindung lagi kecuali aku? Orang ramai berkata: Maha Suci Allah serigala bercakap. Nabi (s.'a.w) mengatakan: Aku, Abu Bakr dan 'Umar mengakui hal ini, sedangkan kedua-duanya tiada di situ."

Kritikan

Abu Hurairah kelihatan begitu bersemangat menghasilkan cerita yang pelik dan aneh. Kita telah pun melihat hadith-hadithnya tentang batu melarikan pakaian Musa, Musa menampar malaikat maut dan menumbuk sehingga terkeluar biji matanya, belalang emas jatuh ke ribaan Nabi Ayyub semasa sedang mandi dan sebagainya. Kini dia mengeluarkan cerita pelik tentang seekor lembu dan serigala bercakap kepada manusia dengan begitu bijak dan cukup menyakinkan, yang sama sekali bertentangan dengan tabiat binatang yang biasa. Sudah diketahui umum bahawa keluarbiasaan sesuatu perkara hanya boleh berlaku sebagai suatu mu'jizat yang membuktikan kenabian dan bukanlah sebaliknya. Lembu atau serigala bercakap dalam hadith ini bukanlah dalam mana-mana keadaan yang menunjukkan mu'jizat sebagai bukti kenabian. Sebenarnya, keadaan tersebut

tidak pernah dan mustahil berlaku kepada binatang-binatang tersebut yang dikatakan dapat berkata-kata itu. Oleh itu, tidak ada sebarang alasan atau hujah untuk menerima hadith ini dan mengakui kebenarannya kerana sudah menjadi prinsip yang diterima bahawa mu'jizat-mu'jizat tidak pernah berlaku dengan sia-sia atau tanpa sebarang tujuan yang jelas.

Selanjutnya, hadith ini tidak menunjukkan sebarang keistimewaan Abu Bakr dan 'Umar, bahkan kelihatan sekiranya Abu Hurairah meriwayatkan cerita itu pada masa mereka hidup dan dapat mendengarnya, sudah tentu mereka berlepas diri. Abu Hurairah kelihatan agak berhati-hati untuk tidak mengucapkannya semasa mereka masih hidup dan membiarkannya sehinggalah mereka tiada. Apabila dia menceritakan hadith ini, ia menampakkan sekiranya seseorang mendustakan atau menafikannya tentulah dia akan dituduh tidak hormat kepada kedua-dua orang khalifah dan orang ramai tentu akan menentangnya.

32. Abu Bakr menjadi ketua perwakilan Haji tahun 9H dan Abu Hurairah diwakilkan untuk mengumumkan surah al-Bara'ah pada tahun yang sama

Al-Bukhari72 dan Muslim73 mengambil riwayat daripada Hamid bin 'Abd al-Rahman bin 'Auf, Abu Hurairah pernah meriwayatkan kepadanya bahawa semasa musim haji, Nabi (s.'a.w) melantik Abu Bakr sebagai ketua perwakilan haji, setahun sebelum haji Wida'. Abu Bakr pula mengutuskanku pada hari korban di kalangan sekumpulan orang yang ditugaskan membuat pengumuman kepada orang ramai bahawa orang-orang kafir tidak akan dibenarkan menunaikan haji, dan juga melakukan tawaf dalam keadaan tidak berpakaian selepas tahun ini. Al-Bukhari juga turut mengambil riwayat74 menerusi Hamid daripada Abu Hurairah yang berkata: Abu Bakr mengutuskanku pada tahun itu di kalangan orang yang akan membuat pengumuman yang dihantar pada hari haji (al-hijjah) untuk membuat perisytiharan di Mina bahawa selepas tahun ini, tidak ada orang kafir yang melakukan haji dan tawaf dalam keadaan tidak berpakaian. Selepas itu, Nabi (s.'a.w) mengutuskan 'Ali ('a.s) mengikutinya dari belakang dengan perintah untuk mengumumkan surah Bara'ah tersebut, lalu dia membuat pengumuman bersama-sama kami di kalangan penduduk Mina pada hari Qurban.

Kritikan

Tidak hairan Abu Hurairah dan Hamid menghasilkan hadith palsu ini kerana itulah hari-hari ketika Bani Umaiyyah masih berkuasa dan penentangan mereka terhadap 'Ali ('a.s) dan kaum kerabat Nabi (s.'a.w) dan tuduhan serta tohmahan terhadap manusia-manusia suci begitu lumrah bertujuan untuk mendapatkan sumber kewangan dan kedudukan daripada para pemerintah. Kita telah melihat bahawa Abu Hurairah datang kepada Bani Umaiyyah untuk mendapat habuan duniawi.

Hamid pula salah seorang yang biasanya mereka hadith seperti itu sebagai contoh: Mu‘awiyah salah seorang daripada Bani Umaiyyah dan musuh paling ketat dalam permusuhan dan kejahatan secara tersembunyi. Ibunya Kalthum binti ‘Uqbah yang merupakan adik al- Walid bin ‘Uqbah dan neneknya adalah sama sebagai ibu kepada ‘Uthman bin ‘Affan (khalifah ketiga), bapa Hamid pula ialah ‘Abd al- Rahman bin ‘Auf yang memang diketahui menentang ‘Ali (‘a.s), menjadikan ‘Uthman sebagai khalifah pada hari Syura.

Sebagai bukti bagi menentang kesahihan hadith ini, patut diperhatikan juga bahawa terdapat sebuah hadith diriwayatkan oleh al-Hakim75 mengisytiharkannya sebagai benar, turut diceritakan oleh al- Dhahabi dalam Talkhis mengakui kebenarannya, menunjukkan bahawa sebelum mengikuti Bani Umaiyyah di Syria, Abu Hurairah biasanya mengatakan: Aku adalah di antara orang-orang yang diwakilkan oleh Nabi (s.‘a.w) bersama-sama dengan ‘Ali (‘a.s) untuk mengumumkan surah Bara’ah. Anaknya kemudian bertanya: Apakah pengumuman yang kamu buat itu, katanya: Kami biasa mengatakan: Tiada seorang pun masuk syurga kecuali orang mu’min, dan selepas tahun itu, tiada orang kafir dibenarkan melakukan haji atau tawaf dalam keadaan tidak berpakaian. Sekiranya ada sebarang perjanjian di antara seseorang dengan Nabi (s.‘a.w), masanya selama 4 bulan Aku umumkan hal ini sehingga suaraku menjadi tersekat-sekat.”

Sekarang, hadith di atas diakui kesahihannya oleh ahli-ahli hadith yang terkenal dan dalam kandungannya, tidak ada diselitkan nama Abu Bakr sama sekali dan ia jelas menunjukkan bahawa orang yang diutuskan pada tahun itu oleh Nabi (s.‘a.w) untuk menunaikan haji ialah ‘Ali (‘a.s) yang ditugaskan mengepalai mereka, tetapi dalam hadith yang diperdebatkan ini Abu Hurairah telah mengubahkan kepimpinan perwakilan itu kepada Abu Bakr.

Seterusnya ketika Abu Hurairah dilantik oleh Nabi (s.‘a.w) bersama-sama ‘Ali (‘a.s), bagaimana mungkin dia mengatakan: Abu Bakr mengutuskanku pada musim haji tahun itu di kalangan sekumpulan orang….” dan kenapakah dia harus mengatakan “ selepas itu, Nabi (s.‘a.w) mengutuskan ‘Ali (‘a.s) mengikuti dari belakang dengan perintah membuat pengumuman dan dengan itu dia membuat pengumuman bersama-sama kami?”

Bukankah ia merupakan suatu komplot yang licik untuk merahsiakan kebenaran itu? Kebenaran tentang seluruh peristiwa itu adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Pertama: Ringkasnya adalah semasa surah Bara’ah diwahyukan kepada Nabi (s.‘a.w), dia mewakilkan Abu Bakr membacakannya kepada orang ramai pada musim haji untuk memberitahu bahawa Allah dan Rasul-Nya berlepas diri daripada golongan kafir, penolakan semua bentuk perjanjian dengan mereka, melarang

mereka daripada menghampiri Ka‘bah, menerangkan pengharaman syurga kepada mereka, dan tiada seorang pun boleh menunaikan haji dalam keadaan tanpa pakaian. Dia tidak dapat pergi jauh kerana Allah kemudian mewahyukan kepada Nabi (s.‘a.w): “ Tiada seorang jua pun yang dapat melakukan tugas tersebut kecuali dirimu ataupun seorang daripada dirimu.”

Oleh itu, Nabi (s.‘a.w) mengutuskan ‘Ali (‘a.s) dan memerintahkannya memintas Abu Bakr, dan mengambil balik surah Bara’ah daripadanya, kemudian terus menuju ke Makkah untuk menjalankan tugas bagi pihak Allah dan Rasul-Nya di samping menunaikan amanah sebagai pemimpin haji. Dia juga memerintahkannya untuk membenarkan Abu Bakr memilih sama ada terus bersama-samanya ataupun balik ke kota Madinah.

Berikut dengan itu, ‘Ali (‘a.s) terus menunggang unta Nabi (s.‘a.w) bernama Azba dan memintas Abu Bakr yang menanyakannya: “ Apa yang engkau bawa wahai ‘Ali? Dijawab: Nabi (s.‘a.w) memerintahkanku bahawa aku hendaklah mengambil balik ayat-ayat itu daripadamu dan membacakan perjanjian-perjanjian kepada golongan kafir dan kamu bebas sama ada untuk mengikutiku atau kembali ke Madinah. Abu Bakr berkata: Aku lebih suka berpatah balik kepada Nabi (s.‘a.w), lalu ‘Ali meneruskan perjalanannya ke Makkah dengan jemaah haji Madinah sementara Abu Bakr kembali ke Madinah, kemudian dia berkata: Engkau mengamanahkanku tugas yang dicemburui ramai orang dan apabila aku mengambilnya, engkau mengambilnya kembali daripadaku.

Apakah sebabnya? Adakah wahyu Allah diturunkan mengenaiku? Nabi menjawab: Tidak, tetapi Jibril (‘a.s) datang kepadaku daripada Allah sambil memberitahu: Tiada seorang pun yang boleh menjalankan tugasmu kecuali engkau sendiri atau seorang daripada dirimu. Oleh kerana ‘Ali adalah diriku, maka tiada orang lain yang boleh menjalankan tugas itu kecuali ‘Ali.” Riwayat ini diakui sebagai riwayat yang bersambung-sambung dirawikan daripada Ahl al-Bayt (‘a.s).

Kedua: Ahmad ibn Hanbal mencatatkan peristiwa ini dalam Musnadnya76 dengan kata-kata Abu Bakr sendiri: Nabi (s.‘a.w) mewakilkanku surah Bara’ah untuk diumumkan kepada penduduk Makkah bahawa selepas tahun ini, tiada seorang kafir boleh melakukan haji atau tawaf dalam keadaan tanpa pakaian, tiada seorang pun boleh masuk syurga kecuali orang muslim, dan bahawa sekiranya terdapat perjanjian di antara sesiapa dengan Nabi (s.‘a.w), masanya telah ditetapkan dan bahawa Allah dan Rasul-Nya berlepas diri daripada semua bentuk ikatan terhadap orang mu’min. Oleh itu, aku mengambilnya,kemudian Nabi (s.‘a.w) berkata kepada ‘Ali (‘a.s): Kejar Abu Bakr, kembalikannya kepadaku dan kamu bawalah surah tersebut.”

‘Ali (‘a.s) melakukan demikian dan aku kembali ke Madinah. Apabila aku dipanggil oleh Nabi (s.‘a.w), aku menangis sambil berkata: Ya Rasulullah, adakah sesuatu

diwahyukan berhubung dengan diriku? Nabi menjawab: Tidak ada yang diwahyukan tentang dirimu kecuali yang baik, tetapi aku telah diperintah bahawa tiada orang lain dibenarkan membawa surah itu kecuali aku atau salah seorang daripada diriku.

Ahli hadith, al-Nasa'i menceritakan suatu riwayat 'Ali ('a.s) yang menyebutkan ketika 10 ayat daripada surah Bara'ah diwahyukan, Nabi (s.'a.w) mengutuskan Abu Bakr dan mereka yang lain bersama-samanya untuk membaca ayat-ayat itu kepada penduduk Makkah. Lalu dia mengutuskanku dan berkata: " Kejar Abu Bakr dan apabila kamu menemuinya, ambillah balik surah itu daripadanya, kemudian bawakannya kepada penduduk Makkah dan bacakannya kepada mereka. Lalu aku mengejarnya, mengambil balik tulisan itu dan dia kembali kepada Nabi (s.'a.w) dan berkata kepadanya: Ya Rasulullah! Adakah sesuatu telah diwahyukan mengenai diriku? Nabi menjawab: Tidak, tetapi Jibril ('a.s) telah datang kepadaku dan mengatakan: Tiada seorang pun boleh melaksanakan tugas itu kecuali kamu (Muhammad) dan seorang daripada dirimu."

Orang ramai bertanya kepada Hasan al-Basri tentang 'Ali ('a.s) ketika dia mengatakan: Apa yang boleh aku katakana tentang seorang yang mempunyai empat (4) sifat dalam dirinya. Dia diamanahkan surah Bara'ah, juga kata-kata Nabi (s.'a.w) tentang dirinya pada hari Perang Tabuk dan sekiranya 'Ali ('a.s) mempunyai kekurangan sesuatu, Rasulullah (s.'a.w) akan menyebutkannya, kemudian Nabi (s.'a.w) bersabda: Dua perkara yang sangat berat, Kitab Allah dan Ahl al-Baitku," dan tiada seorang pun pernah dijadikan ketua ke atas dirinya sementara orang ramai dijadikan ketua-ketua kepada yang lain." Ini adalah kata-kata al-Hasan al-Basri yang sebenar seperti yang dicatatkan oleh al-Humaidi.77

Ketiga: Pengumuman dalam persoalan yang membabitkan beberapa perkara penting seperti penolakan perjanjian dengan golongan kafir, menegah mereka daripada haji, mengisytiharkan bahawa golongan kafir tidak akan masuk syurga dan perisytiharan terbuka bahawa Allah dan Rasul-Nya berlepas diri daripada mereka. Ini merupakan perkaraperkara yang dibuat bagi menyempurnakan agama dan meneguhkan kuasa dan autoriti umat Islam, dan di satu pihak, ia menjadi bukti yang jelas tentang kelemahan dan ketundukan golongan kafir.

Jelaslah bahawa Allah menginginkan kemuliaan dengan menjadikan perisytiharan penting itu diberikan kepada 'Ali ('a.s) dan untuk itu, Dia (Allah) memberikan perintah kepada Rasul-Nya bahawa tugas berat itu hendaklah dijalankan hanya oleh 'Ali ('a.s). Ini diakui sendiri oleh Nabi (s.'a.w) yang bersabda: " 'Ali ('a.s) bersama-sama al-Qur'an dan al-Qur'an bersama-sama 'Ali,"78

seperti yang diutarakan oleh al-Hakim79 daripada al-Bukhari dan Muslim, dan juga al-Dhahabi dalam Talkhisnya yang mengakui kesahihan hadith tersebut. Keempat: Bukti sejarah menunjukkan bahawa sekumpulan besar manusia bermusuh dan

cemburu terhadap ‘Ali (‘a.s) kerana kelebihandan kedudukan yang tinggi dan hampir dengan Nabi (s.‘a.w) yang tidak dinikmati orang-orang lain khususnya menerusi rancangan jahat Mu‘awiyah dan anggota-anggota Bani Umaiyyah lain yang tidak akan membiarkannya begitu sahaja bahkan akan menimbulkan perasaan benci kepada ‘Ali (‘a.s) dan anggota-anggota Ahl al-Bait yang lain (dan sama ada untuk menghapuskan hadith-hadith Rasulullah (s.‘a.w) yang memujinya ataupun memutarbelitkannya dengan tambahan atau pindaan kata-kata yang boleh merendahkan kedudukannya yang mulia, lebih-lebih lagi dengan meletakkan hadith-hadith seumpama itu yangmemuji-muji ketiga-tiga orang khalifah, yang menjadi musuhmusuhnya.Hadith yang diteliti ini adalah salah satu contoh bagaimana dengan arahan ataupun dengan tujuan mendapatkan ganjaran daripada Mu‘awiyah, Abu Hurairah telah menukarganti teks keseluruhan peristiwa itu sehingga ia tidak meninggalkan sebarang kesan kebaikan atau kemuliaan kepada ‘Ali (‘a.s), bahkan sebaliknya merendahkan kedudukannya.

Seperti yang dapat dilihat dalam suatu riwayat hadith ini yang disebutkan oleh Abu Hurairah yang berkata: Abu Bakr mengutuskanku pada tahun itu di kalangan orang ramai pada musim haji untuk membuat pengumuman di Mina bahawa tiada orang kafir dibenarkan melakukan haji atau bertawaf tanpa berpakaian selepas tahun itu. Oleh itu, Nabi (s.‘a.w) mengutuskan ‘Ali (‘a.s) dari belakang dengan perintah untuk membuat pengumuman itu, lalu dia membuat pengumuman bersama-sama dengan kami kepada orang ramai pada musim haji.

Cara pemutarbalikan hadith sahih yang dilakukan itu boleh dilihat dengan jelas di sini. Dengan berbuat demikian, dengan cara yang cekap menukarkan hadith rekaan Abu Hurairah, ia cuba mencapai dua (2) tujuan:

Pertama: Pada hakikatnya, pengepalaan perwakilan haji diserahkan kepada Abu Bakr yang menganggap ‘Ali (‘a.s) tidak benar-benar layak untuk melakukan tugas yang dipersoalkan itu, dan untuk tujuan itu, Abu Hurairah dihantar dengan sekumpulan orang yang sepertinya untuk membantu.

Kedua: Bahagian ‘Ali (‘a.s) dalam menyempurnakan tugas ini tidak lebih dan bahkan tidaklah lebih baik daripada Abu Hurairah dan kumpulan yang Abu Bakr hantar untuk membuat pengumuman sedangkan ‘Ali (‘a.s) tetap berada bersama-sama mereka berkongsi melaksanakannya. Sebenarnya, walau bagaimana ia dibuktikan, seperti yang dapat dilihat lebih awal bahawa Allah tidak menganggap Abu Bakr layak untuk melakukannya dan kemudian memerintahkan Nabi (s.‘a.w) memanggilnya kembali dan menyerahkan tugas itu untuk disempurnakan oleh 2 orang sahaja, dan tidak ada orang ketiga yang boleh menyainginya iaitu sama ada Nabi atau wasinya, ‘Ali (‘a.s).

Akhir sekali, patut diingat bahawa semasa pemerintahan Mu‘awiyah, pemalsuan hadith adalah suatu perkhidmatan yang menguntungkan, melibatkan ramai orang

dan sekutu-sekutu pemerintah, dan mereka pula disokong oleh pemerintah yang sebaliknya sibuk menyebarkan dakyah bahawa para pemalsu hadith itu adalah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan alim, dan dalam proses penyebaran hadith-hadith yang dihasilkan oleh mereka kepada orang ramai agar hadith-hadith itu dapat diketahui umum sebagai hadith yang sahih dan benar. Dalam usaha memberikan kepercayaan kepada hadithhadith palsu mereka, mereka tanpa berselindung mengaitkannya sama ada kepada ‘Ali (a.s) sendiri atau kepada sepupu yang dipercayainya, ‘Abdullah bin al-‘Abbas, ataupun sahabat besar dan sekutunya, Jabir bin ‘Abdullah al-Ansari atau bahkan kepada cucu dan pewaris ilmunya, Imam Muhammad al-Baqir (‘a.s).

Sebelum mengakhiri perbincangan ini, sebagai tambahannya sepanjang hidup Nabi (s.‘a.w), ‘Ali (‘a.s) tidak pernah diletakkan di bawah pimpinan mana-mana orang selain daripada Nabi (s.‘a.w) sendiri. Oleh itu, ‘Ali tidak berada dalam tentera Usamah, dalam tentera ‘Amru bin al- ‘As, dalam kelompok Abu Bakr dan ‘Umar ketika mereka ditugaskan di Khaybar secara silih berganti, dan masing-masing kembali dengan gagal, kemudian ‘Ali (‘a.s) diutuskan dengan diletakkan kedua-duanya di bawah pengendaliannya dan Allah memuliakannya dengan kemenangan.

Sekali lagi, ketika satu gerombolan diutus ke Yaman di bawah Khalid bin al-Walid dan yang lain-lain di bawah ‘Ali (‘a.s), Nabi (s.‘a.w) memerintahkan bahawa apabila kedua-duanya bergabung, ‘Ali (‘a.s) akan memegang kepimpinan. Kedudukan ‘Ali (‘a.s) yang unik ini tanpa sebarang keraguan lagi telah disepakati oleh semua. Menurut al- Hakim,80 Ibn al-‘Abbas biasanya berkata: ‘Ali mempunyai empat (4) kelebihan yang tidak dimiliki sesiapa pun jua iaitu beliau merupakan orang yang pertama di kalangan Arab dan juga bukan Arab yang menunaikan salat bersama-sama Nabi (s.‘a.w), dan Rasulullah (s.‘a.w) sentiasa bersama-sama dengannya dalam setiap pergerakan tentera.

Begitulah juga Hasan al-Basri biasanya menyebutkan: Tiada seorang pun pernah ditempatkan mengatasi ‘Ali (‘a.s) sebagai pemimpin, sedangkan mereka (yang lain) diletakkan di bawah kepimpinan orang lain.

33. Malaikat bercakap dengan ‘Umar

Al-Bukhari81 bercerita mengenai keutamaan ‘Umar, menerusi sumber-sumber yang sampai kepada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) dikatakan bersabda: “ Sebelum kamu, terdapat beberapa orang di kalangan Bani Isra’il yang biasa berbicara dengan malaikat, walaupun mereka bukan nabi, dan sekiranya ada orang yang seperti itu di kalangan umatku, maka dia ialah ‘Umar…”

Sekali lagi al-Bukhari82 menceritakan menerusi para perawi yang berakhir dengan Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) dikatakan bersabda: “ Terdapat di kalangan

umat nabi-nabi sebelummu, sahabat dalam berbicara (dengan malaikat) dan sekiranya ada orang yang seperti itu di kalangan umatku ini, tentulah dia ialah ‘Umar.”

Kritikan

Terbukti ini di antara hadith-hadith palsu yang direka atas desakan politik dan keburukan zaman itu dengan tujuan untuk mengangkat kedudukan Abu Bakr dan ‘Umar hampir dengan kedudukan Nabi (s.‘a.w) dan dengan tujuan untuk merendah-rendahkan keutamaan dan kedudukan ‘Ali (‘a.s) yang tinggi sebagai pengganti Nabi (s.‘a.w) yang benar-benar layak. Cukuplah dikatakan bahawa sekiranya Abu Hurairah meriwayatkan hadith ini pada zaman ‘Umar, tali sebat khalifah tentunya akan singgah di belakang badannya. Tetapi selepas ‘Umar, jalan terbuka luas baginya untuk melakukan apa sahaja yang disukainya untuk menggembirakan majikannya, Mu‘awiyah. Selanjutnya, diketahui umum di kalangan para sarjana dan ilmuan bahawa orang-orang dari kalangan umat terdahulu yang menikmati kedudukan tinggi dapat bercakap dengan malaikat terdiri sama ada nabi-nabi atau para penggantinya. Dalam apa keadaan, mereka adalah manusia ma‘sumun (terpelihara daripada dosa) sementara itu, biarpun seluruh kedudukannya yang mulia dalam siyasah Islam sebagai seorang khalifah yang keras, ‘Umar bukanlah seorang nabi atau pengganti nabi, dan bukan pula seorang yang ma‘sum dan terlepas daripada kesalahan. Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan malaikat bercakap dengannya dalam keadaan sebenar, mahupun dalam bentuk gambaran semata-mata.

34. Warisan pusaka Nabi (s.‘a.w) adalah sadaqah

Al-Bukhari83 dan Muslim84 menceritakan suatu riwayat yang sampai kepada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Warisan pusakaku tidak akan dibahagikan seperti dinar, apa sahaja yang aku tinggalkan selepas ini, peruntukan isteri-isteri dan hamba-hambaku adalah berupa sadaqah.” Kritikan Terdapat riwayat hadith yang diceritakan daripada Abu Bakr seorang sahaja daripada Nabi (s.‘a.w) yang menentang warisan pusaka Fatimah al-Zahra’ (‘a.s) seperti yang dinyatakan oleh kedua-dua orang tokoh hadith, al-Bukhari dan Muslim menerusi sumber-sumber yang sampai kepada ‘A’isyah yang berkata: Fatimah (‘a.s), anak perempuan Nabi (s.‘a.w) telah mengungkapkan kata-kata berikut kepada Abu Bakr yang meminta bahagiannya daripada hak warisan Nabi (s.‘a.w). Abu Bakr mengatakan: Rasulullah (s.‘a.w) telah bersabda: Kami para nabi tidak diwarisi, apa sahaja yang kami tinggalkan adalah berupa sadaqah.” Fatimahal-Zahra’(‘a.s) merasa sungguh sedih terhadap sikap Abu Bakr dan enggan bercakap dengannya sehingga beliau (‘a.s) wafat.

Sewaktu beliau wafat, suaminya mengebumikan jenazahnya pada waktu malam (menurut kehendak wasiatnya) dan Abu Bakr tidak diizinkan menghadirinya.

Sebagai hujah Fatimah (‘a.s) terhadap hadith yang dikemukakan itu, beliau menanyakan: Adakah engkau (Abu Bakr) dengan sengaja meninggalkan kitab Allah dan mengenepikannya sedangkan Allah telah berfirman:

“ Dan Sulayman telah mewarisi Dawud.”85

Begitu juga doa Zakariyya: “ Dan sesungguhnya aku khuatir terhadap mawaliku sepeninggalanku, sedang isteriku adalah seorang yang mandul, maka anugerahilah aku dari sisi Engkau seorang putera, yang akan mewarisiku dan mewarisi sebahagian keluarga Ya‘qub dan jadikanlah dia, ya Tuhanku, seorang yang diredhai.”86 Allah menjelaskan:

“ Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anakmu, iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan….”87 serta “ diwajibkan ke atasmu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika dia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya secara ma‘ruf, (ini adalah) kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.”88

Hujah-hujah Fatimah (‘a.s) jelas membuktikan bahawa hadith tersebut bercanggah dengan al-Qur’an. Kesedihannya terhadap tindakan Abu Bakr, keengganannya berbicara dengannya, penolakannya untuk membenarkan Abu Bakr menghadiri pemaqaman jenazahnya membuktikan tentangannya terhadap kebenaran hadith itu.

Seterusnya, menurut catatan al-Bukhari89 dikatakan bahawa semasa zaman Khalifah ‘Umar, ‘Ali (‘a.s) dan ‘Abdullah ibn al-‘Abbas telah mengemukakan perkara itu bersama-samanya sementara ‘Uthman, ‘Abd al-Rahman, Zubayr dan Sa‘d pula mengakuinya dan dia (‘Umar) mengatakan kepadanya: Adakah kamu tahu bahawa Nabi (s.‘a.w) pernah bersabda: Kami para nabi tidak diwarisi, apa yang kami tinggalkan adalah berupa sadaqah.” Mereka tidak dapat berbuat apa-apa sebaliknya hanya mengakuinya kerana dalam keadaan-keadaan ini, mereka tidak mempunyai pilihan lain berasaskan penghormatan mereka kepada kedua-dua orang khalifah tersebut.

Pada zaman itu, Abu Hurairah ialah seorang tokoh yang tidak langsung dikenali dan tidak ada seorang pun memberikan perhatian terhadapnya berbanding terhadap para sahabat lain yang mempunyai keutamaan dan kebaktian yang jauh lebih banyak. Bagaimanapun, keadaan dan masa telah berubah kerana kebanyakan sahabat besar keluar menyertai ekspedisi-ekspedisi ketenteraan yang menyebabkan berlakunya penaklukan negara-negara seperti Syria, Mesir, Afrika, ‘Iraq, Iran, India dan sebagainya. Penduduk negara-negara itu telah menganuti Islam secara beramai-ramai yang kerananya, kebanyakan orang Islam mulai memasuki era baru.

Pada masa itu, Bani Umaiyyah yang kini menguasai pemerintahan tertinggi ke atas seluruh negara umat Islam dengan sengaja melaung-laungkan dan menjulang tinggi nama Abu Hurairah untuk mencapai matlamat politik mereka telah merangsangkannya menghasilkan sebarang bentuk hadith yang menyebelahi atau menyokong ketiga-tiga orang khalifah.

Dengan cara ini, Abu Hurairah keluar daripada kegelapan yang sebelum itu menenggelamkannya dan dia mulai menyampaikan hadithhadith yang disukai para pemerintah dan sekutu-sekutu mereka yang suka mengampu. Oleh itu, dia menceritakan hadith yang dibahaskan di sini dengan cara yang digemari orang ramai dan disokong pula oleh para khalifah yang mereka sukai.

35. Abu Talib didakwa enggan mengucapkan dua kalimah syahadat (syahadatain)

Muslim90 menyampaikan sebuah cerita daripada Abu Hurairah yang mengatakan bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda kepada bapa saudaranya, Abu Talib: “ Ucapkanlah kalimah la ilaha illa Llah, aku akan menjadi saksimu pada hari Qiyamah. Abu Talib berkata: Sekiranya aku tidak bimbang akan kaum Quraisy yang mengatakan aku melakukannya dalam keadaan terdesak, tentulah aku menyebutkannya di hadapanmu.” Justeru kerana itulah, Allah mewahyukan ayat al-Qur’an:

“ Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberikan petunjuk kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberikan petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya, dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mahu menerima petunjuk.”91

Di tempat yang lain dalam Sahih Muslim, disebutkan daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda kepada bapa saudaranya, Abu Talib: “ Sebutkanlah kalimah La ilaha illa Llah, tetapi dia enggan. Justeru itu, Allah mewahyukan ayat (al-Qur’an) yang disebutkan tadi.”

Kritikan

Berhubung dengan kesahihan hadith ini, patut diperhatikan bahawa Abu Talib wafat pada tahun ke-10 (bi‘thah) kenabian Muhammad (s.‘a.w), 3 tahun sebelum Hijrah, ataupun menurut riwayat lain dikatakan pada tahun ke-9 dan riwayat berikutnya pula mengatakan pada tahun ke-7. Oleh yang demikian, ia berlaku setidaktidaknya 10 tahun sebelum Abu Hurairah datang ke Hijaz.

Bagaimana mungkin Abu Hurairah menceritakannya daripada Nabi (s.‘a.w) tentang perihal bapa saudara Nabi (s.‘a.w) dan menyebutkan percakapan kedua-duanya seolah-olah dia melihat mereka berdua dengan matanya sendiri, dan mendengar mereka bercakap dengan telinganya sendiri? Terbukti hadith ini telah dipalsukan oleh musuh-musuh kepada keturunan Abu Talib dengan tujuan untuk menghina dan merendahrendahkan kepentingannya dengan membuat dakwaan terhadapnya bahawa beliau tidak pernah menerima Islam dan mati pula sebagai

seorang kafir.

Para ulama dan sarjana di sepanjang zaman telah membuktikan tanpa sebarang keraguan bahawa Abu Talib merupakan seorang Islam yang sebenar-benarnya seperti yang diterangkan berdasarkan keterangan, kata-kata, syair dan perlakuannya yang tidaklah perlu dikemukakan di sini, kerana topik perbahasan di sini adalah mengenai Abu Hurairah dan bukannya Abu Talib. Sudah terbukti bahawa Abu Hurairah tidak meriwayatkan hadith yang sedang dibahaskan di sini kecuali dengan cara memalsukannya.

36. Peringatan pertama pada Hari al-Dar (Yaum al-Dar)

Al-Bukhari92 dan Muslim menceritakan daripada Abu Hurairah yang mengatakan: " Ketika ayat: " dan berikanlah peringatan kepada kaum kerabatmu yang terdekat…" diwahyukan, Nabi (s.'a.w) bangkit dan bersabda: Wahai kaum Quraisy, aku tidak boleh menyelamatkanmu daripada Allah, wahai anakanak 'Abd al-Manaf aku tidak dapat menyelamatkanmu daripada Allah, wahai Safiyah, aku tidak dapat menyelamatkanmu daripada Allah, wahai Fatimah ('a.s), ambillah apa sahaja daripadaku yang kamu sukai, aku tidak dapat menyelamatkanmu daripada Allah."

Kritikan

Ayat ini diwahyukan pada peringkat awal kenabian Muhammad (s.'a.w) sebelum dakwah secara terbuka di kota Makkah pada ketika Abu Hurairah masih lagi berada di Yaman kerana dia hanya datang ke kota Hijaz dan menganuti Islam selepas 20 tahun ia diwahyukan. Tidak timbul persoalan Abu Hurairah menceritakan sesuatu tentang ayat ini ataupun tentang cara diwahyukannya. Abu Hurairah telah merosakkan hadith ini dan mengubah-ubahkan penyusunannya. Hadith ini adalah salah sebuah hadith yang diakui sahih tetapi riwayatnya menyebutkan bahawa pada hari wahyu tersebut diturunkan, Nabi (s.'a.w) mengumpulkan kaum kerabat baginda (s.'a.w) yang terdekat termasuklah bapa saudaranya, Abu Talib, Hamzah, 'Abbas dan juga Abu Lahab yang dilaknat.

Nabi (s.'a.w) menyeru semuanya kepada jalan Allah dan di antara lain, baginda berkata: Dengan sebab itu, kini siapakah di antara kalian yang bersedia memikul tanggungjawab dalam urusanku dan menjadi saudara, wasi, wali dan pengganti serta khalifahku (selepasku)? Justeru itu, 'Ali ('a.s) yang paling muda di antara mereka mengatakan: Aku, wahai Rasulullah (s.'a.w), aku sanggup memikul tanggungjawabmu. Lalu Nabi (s.'a.w) memegang dan mengangkat tangan 'Ali ('a.s) sambil mengumumkan: Sesungguhnya inilah saudara, wasi, wali, imam dan khalifah (selepasku) di kalanganmu, maka hendaklah kamu mendengar dan mentaatinya.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB IX

37. Orang berkulit hitam (Habsyi) bermain-main dalam masjid berdekatan Nabi (s.‘a.w)

Al-Bukhari mengambil riwayat daripada Abu Hurairah yang berkata: “ Di kalangan kami terdapat orang Habsyi (mereka) bermain-main di dalam masjid berdekatan Nabi (s.‘a.w) lalu datang ‘Umar dengan mengambil batu dan melontarkannya kepada mereka. Nabi lalu menegahkan sambil berkata wahai ‘Umar.” Menurut pendapatku, sesungguhnya Rasulullah sangat menjauhi permainan dan terlepas daripada perbuatan sia-sia (al-‘abath). Baginda sangat mengetahui perkara-perkara yang dilarang Allah dan Rasul-Nya daripada menyediakan ruang untuk orang-orang yang jahil bersuka ria (al-lahw) dalam masjid di hadapannya sendiri. Masanya dipenuhi perkara-perkara ukhrawiyah dan duniawi yang lebih berharga, dan tidak ada ruang untuk berseronok.

Allah memelihara baginda daripada perbuatan menyibukkan masjid yang mulia dengan perkara-perkara yang sia-sia, keseronokan atau perbuatan yang melalaikan (lagha).93

38. Pembatalan sebelum tiba masa mengamalkannya

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah yang berkata: “ Rasulullah mengutuskan kami dalam suatu perutusan. Baginda berkata: Sekiranya kamu menemui si fulan dan si fulan hendaklah kamu membakar kedua-duanya. (Katanya) Kemudian Rasulullah berkata kepada kami ketika kami hendak keluar:

Sesungguhnya aku memerintahkan kamu semua supaya membakar si fulan dan si fulan. Sesungguhnya api tidak dapat menimpakan azab melainkan Allah ta‘ala, lalu sekiranya kamu berjumpa dengan mereka berdua, (kamu) bunuhlah mereka.”

Kritikan

Ini adalah hadith palsu kerana ia mengandungi pembatalan sebelum tiba waktu melakukannya. Ia sama sekali mustahil berlaku kepada Allah ta‘ala dan kepada Rasul-Nya (s.‘a.w) sebagaimana diakui dalam hal ini, bahawa Rasulullah berkata: Bakarlah fulan dan fulan. Dia berkata demikian daripada Allah yang menyatakan: “ tidaklah sesuatu yang diucapkannya itu melainkan ia wahyu yang diwahyukan.” Bagaimana mungkin terbatal kata-kata tersebut sebelum tiba masa untuk mengamalkannya. Bukankah pembatalan dan peristiwa itu sendiri memberikan implikasi kejahilan? Allah Yang Maha Agung terlepas daripada kata-kata manusia yang zalim.

39. Melakukan perbuatan dalam jangka masa yang tidak memadai.

Al-Bukhari mengambil riwayat daripada Abu Hurairah secara marfu‘ yang mengatakan: “ Dipermudahkan al-Qur’an kepada Dawud ketika dia meminta pelana diletakkan di atas kudanya sedangkan dia sempat membaca al-Qur’an sebelum pelana itu sempat diletakkan.”

Kritikan

Pada pendapatku: Kenyataan ini mustahil berlaku dilihat dari dua sudut:

Pertama: Al-Qur’an diwahyukan kepada Khatam al-Nabiyyin wa al-Mursalin Muhammad (s.‘a.w) dan tidak mungkin sebelumnya. Bagaimanakah Nabi Dawud (‘a.s) boleh membacanya. Mereka berpendapat bahawa maksud al-Qur’an di sini merujuk kepada kitab al-Zabur dan al-Tawrat. Ia dinamakan al-Qur’an kerana berlakunya mu‘jizat dengan kedua-duanya seperti berlaku hal yang sama kepada al-Qur’an yang diturunkan kepada Muhammad (s.‘a.w).

Pada pendapatku: Dalam jawapan itu ada pandangan lain kerana mereka membawa kata-kata Abu Hurairah dalam hal ini bukannya seperti yang dikehendaki. Wa Allahu a‘lam. Kedua: Masa meletakkan pelana di atas belakang binatang itu tidak memungkinkan berkesempatan membaca al-Qur’an, sama ada yang dimaksudkan itu diturunkan kepada Rasulullah (s.‘a.w) ataupun yang dimaksudkan itu al-Zabur atau al-Tawrat. Apa yang pasti dari segi logik akal adalah bahawa perbuatan itu tidak dapat diterima berlaku pada waktu yang terlalu singkat. Inilah kesalahan yang tidak dapat diragukan sama sekali.

Justeru, tidak seperti penjelasan al-‘Allamah al-Qastalani dalam perkara ini dalam kitabnya, Irsyad al-Sari katanya: Hadith ini membuktikan bahawa Allah memendekkan masa kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan hamba-Nya seperti mana ia menggulung tempat bagi mereka (katanya). Al-Nawawi berkata sebahagian mereka membaca empat (4) khatamat pada sebelah malam dan 4 khatamat pada sebelah siang.

Kamu dapat melihat Abu al-Tahir di Quds al-Syarif pada tahun 867. Aku mendengar daripadanya kerana ketika itu dia membaca kedua-duanya lebih daripada 10 khatamat bahkan Syaikh al-Islam al-Burhan bin Abi Syarif berkata kepadaku: Dia membaca 15 khatamat siang dan malam (katanya): Inilah persoalan yang tidak ada ruang untuk mengetahuinya kecuali dengan anugerah Allah dan lafaz tersebut berakhir.

40. Manusia bertukar bentuk menjadi tikus

Al-Bukhari94 dan Muslim95 telah mengambil riwayat daripada Abu Hurairah yang mengatakan:

“ Sekumpulan manusia tertentu dari kalangan Bani Israil didapati hilang dan tidak

diketahui apa yang mereka telah lakukan. Aku tidak melihat mereka kecuali beberapa ekor tikus. Sekiranya susu unta diletakkan di hadapan mereka, mereka tidak akan meminumnya, tetapi sekiranya susu kambing ditempatkan di hadapan mereka, mereka akan meminumnya."

Kritikan

Ini contoh kebodohan yang paling jelas yang sudah sewajarnya dibuang jauh-jauh daripada Islam secepat dan sebanyak mungkin. Tidaklah perlu dipertikaikan lagi bahawa mempercayai peristiwa itu bertentangan sama sekali dengan akal dan ternyata ia memperbodohbodohkan umat Islam.

41. Apabila sesebuah hadith ditolak di hadapannya, dia mengatakan bahawa dia mendengarnya daripada Fadl bin 'Abbas, bukannya daripada Nabi (s.'a.w)

Muslim96 telah mengambil riwayat menerusi 'Abd al-Malik bin Abu Bakr bin 'Abd al-Rahman bahawa Abu Bakr menceritakan: Aku terdengar Abu Hurairah menceritakan bahawa sesiapa yang berada dalam keadaan berhadath besar (seperti junub) tidak harus berpuasa.

Aku menyampaikannya kepada 'Abd al-Rahman bin Hars. Dia tidak bersetuju dan tidak dapat menerimanya lalu 'Abd al-Rahman dan aku bersama-sama menemui 'A'isyah dan Umm Salamah. 'Abd al-Rahman menanyakan perkara itu kepada kedua-duanya, lalu mereka mengatakan bahawa ketika Rasulullah (s.'a.w) berada dalam keadaan berhadath besar (seperti junub) menjelang subuh, disebabkan perkara lain daripada tidur, biasanya baginda berpuasa. Kemudian, kami menemui Marwan yang merupakan gabenor Mu'awiyah di Madinah.

'Abd al-Rahman menyebutkan perkara itu kepadanya. Marwan berkata: Kenapa kamu tidak pergi kepada Abu Hurairah dan merujuk kepadanya tentang apa yang diceritakan. Llau kami pun pergi berjumpa Abu Hurairah. 'Abd al-Rahman menceritakan perkara itu kepadanya lalu dia berkata: Adakah kedua-dua wanita itu memberitahumu seperti itu.

Katanya: Ya. Abu Hurairah berkata: Mereka lebih mengetahui. Kemudian Abu Hurairah berdalih dengan mengatakan riwayat itu diambilnya daripada Fadl bin 'Abbas yang mengatakan: Aku mendengarnya daripada Fadl bin 'Abbas dan bukannya daripada Rasulullah (s.'a.w).

Sudah diketahui umum bahawa Fadl bin 'Abbas wafat semasa zaman pemerintahan Abu Bakr sedangkan perkara ini berkaitan dengan zaman Mu'awiyah. Bagaimana mungkin Abu Hurairah boleh mengatakan: " Aku dengarinya daripada Fadl bin 'Abbas dan bukannya daripada Nabi?" Sekiranya Fadl bin 'Abbas masih hidup, tentulah Abu Hurairah tidak dapat mengaitkan perkara itu dengannya sama sekali.

Wajar ditambah di sini bahawa Nabi (s.‘a.w) terlalu mulia, agung dan sempurna berbanding dengan tuduhan dan tohmahan yang dilempari orang ramai terhadapnya. Mustahil Nabi (s.‘a.w) berada dalam keadaan berhadath besar (seperti junub) menjelang subuh, khususnya semasa hari-hari berpuasa, apatah lagi berjanabah waktu malam tidak berlaku kepada Nabi kerana itu adalah perbuatan syaitan yang tidak mampu menghasut manusia-manusia suci tersebut.

42. Dua buah hadith bercanggah antara satu sama lain

Al-Bukhari97 mengambil riwayat daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Tidak ada permusuhan, tidak ada penyakit berjangkit, tidak ada …” Seorang Arab berkata: Ya Rasulullah (s.‘a.w), apa pula sekiranya seekor unta di padang pasir apabila seekor unta yang berpenyakit bercampur dengannya dan menjadikannya berpenyakit. Rasulullah (s.‘a.w) mengatakan: Siapakah yang memulakan penyakit itu?” Sebaik sahaja selesai (hadith ini) dan tanpa sebarang campurtangan, al-Bukhari menyampaikan cerita daripada Abu Salma bahawa dia mendengar Abu Hurairah berkata selepas meriwayatkan cerita itu bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: Orang sakit tidak harus bertemu dengan orang yang sihat.” Mendengarkan perkara itu, Abu Salma berkata: Wahai Abu Hurairah, bukankah kamu yang menceritakan bahawa tiada penyakit yang berjangkit (merebakkan penyakit daripada sesuatu kepada yang lain). Abu Hurairah menarik balik riwayat terdahulu dan tidak dapat berkata selanjutnya.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB X

43. Dua orang bayi yang baru lahir bercakap tentang perkara yang tidak diketahui

Al-Bukhari98 dan Muslim99 telah menceritakan daripada Abu Hurairah tentang sebuah hadith yang diriwayatkannya: “ Di kalangan Bani Isra’il, ada seorang bernama Juraih. Suatu ketika dia sedang bersalat ketika ibunya datang dan memanggilnya. Dia berkata: Patutkah aku menyahutinya atau meneruskan salatku? Ibunya kemudian berkata: Ya Tuhan, jangan biarkan dia mati sehinggalah dia melihat wajah perempuan pelacur.” Pada masa itu, Juraih berada di rumah ibadatnya. Seorang wanita menyerahkan dirinya kepadanya tetapi dia tidak memberikan perhatian kepadanya, lalu wanita itu pergi kepada seorang pengembala dan tidur dengannya.

Kemudian wanita itu melahirkan seorang anak dan menyatakan bahawa anak itu adalah anak Juraih. Orang ramai datang kepadanya dan meruntuhkan rumah ibadatnya sambil memalukan dan mencelanya. Justeru, dia lalu mengambil wudu’ dan bersalat, lalu anak itu datang kepadanya. Dia bertanyakannya: Wahai anak, siapakah ayahmu? Anak itu menjawab: Seorang pengembala. Kemudian orang

ramai berkata: Marilah kita bina rumah ibadat untuknya daripada emas. Dia berkata: Jangan, tetapi memadailah dengan Lumpur.” Abu Hurairah meneruskan lagi: Ada seorang wanita yang menyusukan anaknya yang berasal dari kalangan Bani Isra’il. Kebetulan lalu seorang lelaki berdekatan dengannya sambil menunggang dan mempunyai salib. Wanita itu berkata: Ya Tuhan, jadikanlah anakku sepertinya. Anak tersebut lalu meninggalkan tetek ibunya dan pergi kepada penunggang itu dan berkata: Ya Tuhanku, janganlah jadikan aku sepertinya. Lalu dia kembali menyusu dengan ibunya.

Abu Hurairah berkata seolah-olah dia sendiri melihat Nabi (s.‘a.w) menghisap jarinya lalu menyambung kembali: Kemudian ibu anak itu melintasi para hamba pembantu sambil berkata: Ya Tuhanku, jangan jadikan anakku seperti ini. Anak itu melepaskan tetek ibunya dan berkata: Kenapa demikian? Dia membalas: Penunggang itu salah seorang penzalim, sementara orang ramai menyalahkan hamba pembantu itu yang dikatakan terlibat mencuti dan berzina tetapi sebenar tidak.

Kritikan

Juraih atau dua orang anak itu bukanlah terdiri daripada nabi. Lantaran itu, sesuatu kejadian luarbiasa tidak boleh berlaku kepada mereka kerana kejadian luarbiasa (mu‘jizat) yang menyalahi kebiasaan hanya boleh berlaku sebagai bukti atau tanda-tanda kenabian. Sementara itu, percakapan dua orang anak tentang perkara yang tidak diketahui itu adalah menyalahi kebiasaan seperti yang disebutkan al- Qur’an:

“ Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah), (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”100

44. Abu Hurairah ditugaskan menguruskan zakat atau fitrah sebagai amanah sementara syaitan datang mencurinya selama 3 malam

Al-Bukhari101 menerusi para perawi berakhir dengan Abu Hurairah bahawa dia berkata: “ Nabi (s.‘a.w) menyerahkan amanah kepadaku zakat bulan Ramadan. Seseorang telah datang dan mengambil barang makanan. Aku dapat menangkapnya dan berkata: Demi Allah, aku akan membawamu kepada Nabi (s.‘a.w).” Dia berkata: Aku seorang yang memerlukannya dan oleh kerana aku mempunyai tanggungan, keperluanku semakin bertambah.” Lalu, aku melepaskannya pergi.

Pagi esoknya, Nabi (s.‘a.w) menanyakanku: Abu Hurairah, apakah yang engkau lakukan terhadap orang yang ditangkap semalam? Aku berkata: Wahai Nabi

(s.‘a.w), dia merayu kerana keperluan yang mendesak, dan kerana mempunyai tanggungan, lalu aku kasihan kepadanya dan membiarkannya pergi.” Nabi (s.‘a.w) berkata: Dia berdusta kepadamu, dan dia pasti datang lagi.” Justeru aku memberikan perhatian kepadanya. Dia datang dan mulai mengambil barang makanan.

Aku menangkapnya dan berkata: Demi Allah, aku pasti akan membawamu kepada Nabi (s.‘a.w).” Katanya: Aku amat memerlukannya dan kerana aku mempunyai tanggungan, keperluanku amat mendesak. Lalu aku melepaskannya pergi. Keesokan paginya, Nabi (s.‘a.w) bertanya kepadaku: Wahai Abu Hurairah, apakah lelaki yang engkau tangkap semalam lakukan? Aku menjawab: Wahai Nabi (s.‘a.w), dia mengeluh kerana keperluannya dan kerana mempunyai tanggungan, lalu aku kasihan kepadanya dan membiarkannya pergi. Nabi (s.‘a.w) berkata: Dia berbohong kepadamu dan dia pasti akan datang kembali.

Lalu aku memperhatikannya, pada kali ketiga. Dia datang dan mengambil barangan makanan. Aku menangkapnya dan berkata: Aku pasti akan membawamu kepada Nabi (s.‘a.w). Dia mengadu: Engkau biarkanlah aku. Aku akan ajarkanmu apa yang Allah mungkin berikan kebaikan kepadamu. Apabila kamu hendak tidur, kamu hendaklah membaca ayat Kursi. Selama mana kamu berada di katil, Allah akan melindungimu dan syaitan tidak akan mendekatimu sehingga pagi menjelang. Dengan itu, aku melepaskannya pergi. Apabila hari mulai pagi, Nabi (s.‘a.w) berkata kepadaku: Apakah tawananmu semalam lakukan? Aku pun menceritakan semua cerita itu kepadanya. Kemudian baginda berkata: Mahukah kamu tahu siapakah yang bercakap denganmu selama 3 malam itu? Aku berkata: Tidak. Nabi (s.‘a.w) berkata: Ia adalah syaitan.”

Kritikan

Ini adalah hadith palsu yang tiada seorang pun akan memberikan perhatian kepadanya kecuali orang-orang yang bodoh. Di sini Abu Hurairah telah mereka cerita yang melibatkan pembohongan terhadap Nabi (s.‘a.w) kerana dengan menunjukkan kasihan belas terhadap pencuri itu, Abu Hurairah telah menerima kata-katanya dan sebaliknya menunjukkan sikap tidak mempercayai Nabi (s.‘a.w) yang telah memperingkatkannya sebanyak 3 kali bahawa orang itu adalah pendusta.

Kedua: cerita itu benar-benar menunjukkan bahawa Abu Hurairah telah bersumpah dengan nama Allah bahawa dia pasti akan membawa pencuri itu ke hadapan Nabi (s.‘a.w) tetapi dia tidak memenuhi janjinya, sebaliknya mengingkarinya bukan sekali malahan tiga kali. Adakah Abu Hurairah menganggap mengingkari janji itu dibenarkan?

Terdapat kelemahan ketiga dalam periwayatan ini. Abu Hurairah telah diberikan

amanah untuk menjaga zakat Ramadan, bukannya dengan membenarkan ia dicuri. Bagaimana pula dia membiarkan pencuri itu mengambilnya? Sudah pasti, seseorang yang diserahkan amanah untuk menjaga harta itu tidak mempunyai hak untuk membenarkan sesiapa sahaja mengambilnya, bukan sekali malahan dua dan tiga kali. Kita hanya mampu berserah kepada Allah daripada mempercayai cerita rekaan ini.

45. Penerimaan Islam oleh Ibu Abu Hurairah dengan doa Nabi (s.'a.w) dan juga doa Nabi (s.'a.w) agar kedua-duanya dicintai orang-orang mu'min dan orang-orang mu'min pula dicintai kedua-duanya

Muslim102 telah menyampaikan cerita menerusi sumbernya yang diakui berakhir dengan Abu Hurairah bahawa dia menceritakan: " Aku biasanya mendakwah ibuku kepada Islam pada ketika dia masih seorang kafir. Pada suatu hari ketika aku mengajaknya kepadanya (Islam), dia menyebutkan kejahatan dan keburukan Nabi (s.'a.w) kepadaku. Lalu aku datang kepada Nabi (s.'a.w) sambil menangis dan mengatakan kepadanya: Wahai Rasulullah (s.'a.w), ibuku telah menyebutkan keburukanmu. Tolonglah doakan kepada Allah agar memberikannya petunjuk." Nabi (s.'a.w) lalu berdoa: Ya Allah! Berikanlah petunjuk kepada ibu Abu Hurairah. Justeru, aku merasa sangat gembira.

Ketika aku sampai ke muka pintu aku dapatinya terbuka. Apabila ibuku mendengar bunyi langkahku dia menjemputku masuk ke rumah sementara itu, aku terdengar bunyi titisan air. Dia sedang mandi, dan memakai pakaiannya dan dengan segera memakai hijabnya. Lalu dia membuka pintu dan berkata kepadaku: Wahai Abu Hurairah, aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan juga aku bersaksi bahawa Muhammad (s.'a.w) ialah Rasulullah dan Nabi-Nya. Aku pun kembali kepada Rasulullah (s.'a.w), sambil menangis kesukaan lalu berkata kepadanya: Wahai Rasulullah (s.'a.w)! Inilah berita yang menggembirakan.

Allah telah memperkenankan doamu dan telah memberikan petunjuk kepada ibuku." Justeru itu, Nabi (s. 'a.w) memuji-muji Allah dan mengatakan: Ini berita baik. Aku kemudian berkata kepadanya: Wahai Nabi (s.'a.w), tolonglah mohon doa kepada Allah agar Dia menjadikanku dan ibuku dikasihi orang-orang mu'min dan menjadikan mereka dicintai oleh kami." Nabi (s.'a.w) kemudian berdoa: Ya Allah, jadikanlah hamba-Mu ini dan ibunya dikasihi hamba-hamba-Mu yang beriman dan jadikanlah orangorang mu'min dikasihi oelh mereka." Dengan demikian, tiada orang mu'min yang mendengar dan melihatku, tidak mencintaiku.

Kritikan

Hadith ini terdedah kepada beberapa tentangan:

Pertama: Hadith ini tidak diriwayatkan terus daripada Nabi (s.'a.w) menerusi

mana-mana perawi lain kecuali Abu Hurairah, yang menjadi satu-satunya perawi hadith ini. Ini menjadi tanda kelemahannya.

Kedua: Dikatakan bahawa ibu Abu Hurairah masih kafir dan enggan menerima Islam. Dia cenderung kepada Islam hanya apabila Nabi (s.'a.w) berdoa untuknya. Persoalan yang timbul adalah apakah motif atau tujuannya berhijrah dari Yaman yang merupakan tempat lahir dan kesukaannya ke kota Madinah yang menjadi pusat Islam, kediaman Nabi (s.'a.w) dan tempat yang menjadi pusat sokongannya. Bukankah dia dan tidak ragu-ragu lagi dia masih berada di Yaman berterusan menyembah berhala bersama-sama dengan orang lain di tempat itu umumnya? Apakah jawapan kepada persoalan ini dapat dikemukakan oleh para peminat Abu Hurairah berikan? Pastinya tidak ada, kerana mereka tidak dapat menafikan fakta-fakta sejarah. Lebih-lebih lagi, tiada dalam mana-mana kitab sejarah hadith menyebutkan ibu Abu Hurairah kecuali sekali ketika Khalifah 'Umar, melucutkan jawatan Abu Hurairah dari Bahrain, telah berkata kepadanya: " Ibumu Umaimah tidak memberikanmu sebarang kerja kecuali memberi makan kaldai." Rujukan dalam bentuk tunggal menyebutkan namanya sekali sahaja dan tidak ada lagi yang lain.

Ketiga: Diketahui umum bahawa Abu Hurairah merupakan salah seorang ahli Suffah yang papa kedana mencari sisa-sisa makanan di jalanan untuk menyelamatkan nyawanya. Dia sendiri menceritakan bahawa dia biasanya berada di ruang antara mimbar Nabi (s.'a.w) dan kediaman 'A'isyah. Orang ramai melintasinya sambil meletakkan kaki mereka ke atasnya dengan menganggapkannya orang gila. Ia sebenarnya bukanlah kerana gila tetapi kerana kelaparan yang menyebabkannya demikian. Abu Hurairah tetap berada di Suffah – suatu tempat di masjid Nabi (s.'a.w) di Madinah. Bagaimana mungkin dia memiliki sebuah rumah miliknya sendiri di Madinah seperti yang disebutkan dalam hadith ini?

Keempat: Sekiranya semua yang Abu Hurairah ceritakan dalam hadith ini benar, ia boleh dianggap suatu tanda kenabian dan lambang Islam bahawa Allah dengan segera memperkenankan doa Nabi-Nya (s.'a.w) dengan menyiapkan petunjuk kepada ibu Abu Hurairah sedangkan wanita ini yang masih berada dalam keadaan kufur dan sesat berubah kepada mu'minah yang beriman, bertaqwa dan lengkap dipenuhi peranan dan ajaran syariah Islam. Diketahui umum juga bahawa para sahabat sama ada banyak atau sedikit telah meriwayatkan semua tanda besar dan lambing-lambang Islam dan kenabian. Apakah pula yang dapat menghalang mereka daripada menceritakan peristiwa ini, sekiranya ia benar. Hakikatnya bagaimanapun menunjukkan tiada seorang pun menceritakannya melainkan Abu Hurairah seperti seolaholah tiada seorang pun pernah mendengar atau melihat ibunya kecuali dirinya.

Kelima: Sekiranya kenyataan Abu Hurairah benar bahawa Allah menjadikannya

dan ibunya dicintai semua orang mu’min dan menjadikan orang-orang mu’min dicintai mereka berdua, lalu mengapakah ahli kaum kerabat Nabi (s.‘a.w) iaitu Ahl al-Baitnya yang merupakan ketua sekalian mu’min dan 12 orang Imam suci dari kalangan mereka memandang rendah kedudukannya, menolak hadithhadith yang disampaikan olehnya dan tidak memberikan perhatian atau penekanan langsung dengan dia sendiri adalah sebuah parti, sehinggakan Amir al-Mu’minin ‘Ali (‘a.s) berkata: “ Sesungguhnya orang yang mengadakan pendustaan paling banyak (atau katanya manusia yang paling banyak berbohong) terhadap Rasulullah (s.‘a.w) ialah Abu Hurairah al-Dusi.”

Selanjutnya, sekiranya Abu Hurairah dicintai orang-orang mu’min dan dia mencintai orang-orang mu’min, kenapa Khalifah ‘Umar memanggilnya pada ketika melucutkannya dari Bahrain: Wahai musuh Allah dan musuh al-Qur’an, kamu telah menyalahgunakan harta Allah..” Bagaimana musuh Allah dan musuh al-Qur’an menjadi orang yang dikasihi atau pencinta semua orang mu’min, dan semasa zaman Nabi (s.‘a.w). ‘Umar telah memukulnya di bahagian dadanya dan dia jatuh tidak sedarkan diri, manakala selepas Nabi (s.‘a.w), dia memukulnya dengan tali sebat sehingga berdarah di bahagian belakang badannya dan mengambil balik 1000 dirham yang telah disalahgunakan daripada harta umat Islam (iaitu harta awam) dan menyimpannya kembali dalam perbendaharaan.

Kemudian, kali ketiga dia memukulnya dengan berkata: Wahai Abu Hurairah, kamu telah menghubungkan terlalu banyak hadith kepada Nabi (s.‘a.w) dan aku akan memerangimu kerana kamu berdusta terhadap Rasulullah (s.‘a.w).” Pernah pada satu masa, dia berkata kepadanya: Lebih baik kamu tinggalkan menceritakan hadith-hadith atau jika tidak, aku akan membuangmu ke bumi Dus (ard Dus) atau ke tanah monyet (bi-ard al-qirdah).103

Terdapat pertelingkahan yang hampir sama antaranya dengan yang lain seperti ‘Abdullah bin al-‘Abbas, ‘A’isyah dan seumpamanya yang tidak selaras dengan konsepsi cinta antaranya dengan yang lain.

Memang, sepanjang beberapa tahun yang akhir cinta wujud di antaranya dengan ahli-ahli keluarga ‘Amru bin al-‘As, keluarga Abu Mu‘it dan keluarga Abu Sufyan. Mereka tertarik untuk menyayanginya kerana hadith-hadithnya yang banyak menyokong kekuasaan palsu mereka manakala dia pula tertarik menyayangi mereka kerana keistimewaan yang mereka tunjukkan kepadanya di mana mereka mengeluarkannya daripada keadaan tidak dikenali kepada kedudukan yang masyhur dan terkenal. Contohnya, Marwan bin Hakam menjadikannya sebagai timbalannya di Madinah ketika dia tiada di sana. Seterusnya, Marwan inilah yang mengahwinkan Abu Hurairah dengan Busra binti Ghazwan.

Namun bagi keluarga Abu al-‘As dan Abu Sufyan, Abu Hurairah tidak dapat memberikan perhatian kepadanya. Ketika Abu Hurairah menghidapi penyakit yang

membawa maut, Marwan merawatnya dengan penuh penghormatan dan perhatian terhadapnya. Ketika dia cuba untuk mendapatkan maklumat tentang keadaan kesihatannya, dia akan mendoakan penyakitnya pulih. Dia juga mengunjunginya pada hari-hari terakhirnya. Ketika dia meninggalkannya dan berlalu, seorang lelaki mengikutinya dan memberitahunya bahawa Abu Hurairah telah mati.

Ketika jenazahnya diusung, Marwan berada di hadapan yang lain sementara anak-anak 'Uthman sedang mengusung keranda sehingga mereka sampai ke al-Baqi'. Di sana al-Walid bin Utbah bin Abi Sufyan memimpin salat jenazah. Kemudian dia mengutuskan berita kematiannya kepada sepupunya, Mu'awiyah yang mengarahkan agar penggantinya hendaklah dikurniakan 10 000 dirham dan agar mereka dilayani dengan penuh kebaikan. Contoh-contoh ini menunjukkan perhatian istimewa mereka kepadanya. Adakah mereka semua orangorang mu'min yang menurut Abu Hurairah, dijadikan untuk mencintainya dan dia pula mencintai mereka? Apalah malangnya!

46. Hamba Abu Hurairah semasa penghijrahannya

Al-Bukhari104 telah menyampaikan riwayat menerusi sumbersumbernya sampai kepada Abu Hurairah bahawa dia menceritakan:

" Apabila aku menuju kepada Nabi (s.'a.w), aku merasakan dalam perjalanan itu: " Malam yang panjang dan menjemukan, walaupun aku terselamat daripada tempat kekufuran." Katanya lagi: Semasa dalam perjalanan, seorang hambaku lari.. Kemudian aku sampai kepada Nabi (s.'a.w) dan memberikan salam kepadanya.

Ketika aku bersama-sama baginda, hamba itu muncul. Nabi (s.'a.w.) berkata kepadaku: Wahai Abu Hurairah, inikah hambamu? Aku berkata: Dia kini bebas demi Allah, lalu aku membebaskannya.

Sudah pasti Abu Hurairah membingungkan pemahaman orang ramai ketika dia cuba mengatakan bahawa dia dibesarkan sebagai anak yatim, berpindah sebagai seorang peminta sedekah, bekerja dengan lelaki dan wanita tersebut untuk mendapatkan makanan untuk mengalas perutnya, biasa mengendalikan tunggangan mereka ketika mereka menunggang dan menurunkan mereka ketika mereka hendak turun, dan kemudian pada masa yang sama dia mendakwa memiliki hamba yang dibebaskannya atas nama Allah.

Kelihatan kedudukannya adalah bahawa dia menceritakan hadith ini sepanjang hari-hari terakhir dalam hidupnya ketika dia memperolehi layanan istimewa Marwan dan keluarga Abu Sufyan, hingga menyebabkannya terlupa keadaannya sendiri semasa hari-hari perpindahannya atau sebelum ataupun selepas itu ketika dia tidak mempunyai apa-apa, memberikan khidmat kepada orang ramai untuk

mengisi perutnya dan bukan pula seorang yang dikenali ramai.

47. Cerita dongeng bermatlamat untuk memperlihatkan kebaikan bersaqadah

Muslim105 telah menyampaikan cerita daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan daripada Nabi (s.‘a.w): “ Ada seorang lelaki di sebuah tanah yang tandus. Dia terdengar suara di awan mengatakan: Aku akan menyirami taman si-polan dan si-polan.” Kemudian awan itu berlalu dan menurunkan air ke atas taman itu sementara orang itu berdiri di sana menyirami air dengan penyodoknya. Dia berkata kepadanya: Wahai hamba Allah, siapakah namamu? Dia memberitahu nama sipolan dan si-polan. Ia adalah nama yang sama seperti yang didengarinya dalam awan. Kemudian ditanya:

Kenapakah kamu bertanya namaku.” Katanya: “ Ini kerana aku terdengar suatu suara di awan yang menyebutkan pemilik air itu. Aku diberitahu: “ Aku akan mengairi taman si-polan dan si-polan, dengan menyebut namamu. Lalu, apakah yang kamu hendaklah lakukan mengenainya? Jawabnya: Oleh kerana kamu telah memberitahuku semua ini, aku akan perhatikan apa hasilnya dan kemudian mensadaqahkan 1/3 daripadanya.”

Kritikan

Ini adalah sesuatu kejadian yang mustahil berlaku kerana ia berlawanan dengan tabiat semulajadi, tetapi Abu Hurairah telah mengemukakan khayalannya dengan matlamat untuk menjelaskan kebaikan bersadaqah dan telah mengaitkannya kepada Nabi (s.‘a.w) mengikut kehendaknya tatkala menceritakan cerita-cerita khayalannya. Kita hanya dapat menyebutkan La hawla wa la quwwata illa bi-Llahi’l ‘aliyyi’l-‘azim.

48. Sebuah lagi cerita khayalan tentang kebaikan memenuhi sumpah

Al-Bukhari106 telah menceritakan bahawa Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi (s.‘a.w) bahawa:

“ Seorang lelaki daripada Bani Isra’il meminta seorang yang lain daripada Bani Isra’il supaya meminjamkannya 1000 dinar. Dia memintanya membawakan saksi yang akan mempersaksikannya. Dijawab: Cukuplah Allah menjadi saksi. Kemudian katanya: Dalam hal ini, kamu bawalah seorang penjamin.” Dia berkata: “ Cukuplah Allah sebagai penjamin.” Katanya:

“ Kamu benar,” lalu dia meminjamkannya untuk suatu jangkamasa tertentu. Orang itu menuju ke laut lepas dan menjalankan urusniaganya. Kemudian dia mencari alat pengangkut untuk membawanya sampai kepada orang itu pada masa yang dijanjikan, tetapi dia menjumpai alat pengangkut itu. Lalu dia mengambil kayu panjang dengan membuat suatu lubang di dalamnya,

meletakkan 1000 dinar ke dalamnya bersama-sama sekeping nota untuk sahabatnya dan selepas menutupnya, dia membawanya ke laut.

Lantas, dia melaungkan: " Ya Allah, pastinya Engkau mengetahui bahawa aku meminta si-polan dan si-polan meminjamkanku 1000 dinar. Dia memintaku mendapatkan penjamin dan aku berkata: Memadailah Allah sebagai penjamin lalu dia bersetuju. Kemudian dia memintaku mendatangkan saksi dan aku berkata: Memadailah Allah sebagai saksi dan dia juga bersetuju. Kemudian, aku cuba dapatkan alat pembawa untuk mengembalikan wangnya tetapi aku tidak mendapatinya, lalu aku sekarang ini menyerahkannya kepadamu."

Lantaran itu, dia membuangkannya ke dalam laut sehingga ia tidak lagi kelihatan, dan dia pula kembali. Sekarang, orang yang meminjamkan wang itu kepada lelaki tersebut sedang mencari alat pengangkut yang telah lama hilang. Ketika dia terjumpa alat pengangkut itu, yang mengandungi wangnya, dia membawanya pulang kepada kaum keluarganya, malangnya apabila dia memotongnya dia menjumpai duit dan sekeping nota.

Kritikan

Suatu yang pasti adalah ia terlalu jauh daripada kebenaran sama sekali untuk dipercayai. Membuang beribu dinar ke laut tidak dapat diterima dalam Islam dan tidak dapat diterima akal, dan tidak juga dapat melepaskan peminjam itu daripada tanggungan untuk membayar balik hutang sekiranya duit tidak sampai kepada pemberi pinjaman.

Logik akal menunjukkan ia adalah perbuatan bodoh atau gila dan menganggapkannya tidak patut berlaku sama sekali. Walaupu sekiranya ia diandaikan insiden itu sebenarnya berlaku di kalangan Bani Isra'il atau sesiapa jua, Nabi (s.'a.w) tentulah tidak akan menceritakannya tanpa sebarang peringatan agar tidak melakukan, kerana sekiranya baginda menceritakannya tanpa sebarang peringatan – seperti versi riwayat itu menyatakan – umatnya pasti terperangkap dalam kesalahan, dan perbuatan mengabaikannya bagi Nabi (s.'a.w) merupakan sesuatu yang tidak mungkin berlaku sama sekali.

Tambahan pula, Abu Hurairah merekacipta cerita khayalan dengan tujuan supaya memenuhi janji dan mengaitkannya kepada Nabi (s.'a.w) menjelaskan perihal dirinya sendiri.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB XI

49. Dongeng ketiga tentang akibat baik mensyukuri nikmat dan akibat buruk menafikannya

Al-Bukhari107 menceritakan bahawa Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi (s.‘a.w) bahawa: “ Terdapat tiga (3) orang daripada Bani Israil, seorang penghidap kusta, seorang berkepala botak dan seorang buta, yang Allah bertujuan untuk menguji. Lalu Dia mengutuskan malaikat kepada mereka. Dia datang kepada si penghidap kusta dan berkata: “ Apakah perkara yang paling kamu ingini?” Katanya: Orang menganggapku kotor. Oleh itu, aku ingin mempunyai warna dan kulit yang cantik. Lalu malaikat menggosoknya dan berlalu pergi. Dia dikurniakan warna dan kulit yang cantik. Kemudian dia berkata: Apakah sesuatu yang amat menghendaki? Jawabnya: “Unta.” Lalu dia memberikannya seekor unta yang jinak, sambil berkata: “Moga Allah merahmatimu dengannya.”

Kemudian dia (malaikat) pergi kepada orang yang berkepala botak dan berkata: “ Apakah yang sangat inginkan? Katanya: “ Rambut yang cantik kerana orang ramai memandangku jijik. Dia pun menggosoknya dengan memberikannya rambut yang cantik. Kemudian katanya: Apakah pula sesuatu yang kamu ingin miliki? Katanya: “

Seekor lembu.” Lalu dia mengurniakannya seorang lembu yang bunting dan berkata: “ Moga Allah memberkatimu dengannya.” Kemudian dia (malaikat) pergi kepada si buta dan berkata: “ Apakah yang kamu sangat inginkan? Dia berkata: “ Aku harap Allah mengembalikan penglihatanku.” Lalu dia menyapunya dan Allah mengembalikan penglihatan kepadanya. Kemudian dia berkata: “

Apakah sesuatu yang ingin kamu miliki?” Katanya: “ Kambing.” Lalu, dia memberikannya seekor kambing yang hampir melahirkan anak. Justeru kedua-dua binatang itu membiak manakala yang ini juga turut demikian. Seorang mempunyai sekawan unta, yang lain pula lembu manakala yang ketiga kambing. Kemudian malaikat datang kepada si penghidap kusta dalam keadaan asalnya dan berkata kepadanya: Aku seorang yang amat memerlukan sesuatu. Sumber pendapatanku semakin merosot sepanjang perjalananku dan hari ini tiada sesiapa yang dapat aku hampiri kecuali Allah dan kamu. Aku memohon kepadamu atas nama Allah yang menganugerahimu warna kulit yang cantik dan bersih dan unta-unta yang kamu miliki agar dapat membantuku dalam perjalananku. Dia membalas: Ada banyak permintaan. Katanya: Aku kenal kamu. Bukankah kamu seorang penghidap kusta? Orang ramai memandangmu kotor jijik dan mengenepikanmu. Kemudian Allah memberikanmu semua ini. Katanya: Aku warisinya daripada orang tuaku. Katanya: Sekiranya kamu berdusta, Allah akan jadikanmu seperti keadaanmu sebelumnya.”

Kemudian dia mendekati si kepala botak dalam keadaan asalnya dan berkata kepadanya sebagaimana yang dikatakan kepada orang yang pertama dan dia memberikan jawapan yang hampir sama lalu akhirnya dia mengungkapkan kata-kata: Sekiranya kamu berdusta, Allah akan menjadikanmu seperti keadaanmu sebelumnya.”

Lalu dia menghampiri si buta dalam keadaan asalnya dan berkata: Aku seorang peminta sedekah dan musafir. Sumberku sudah semakin merosot sepanjang perjalanan dan tiada orang yang dapat aku dekati kecuali Allah dan kamu. Aku mohon kepadamu dengan nama Allah, yang mengembalikan penglihatanmu, seekor kambing yang dengannya aku dapat akhiri perjalanan ini. Katanya: Aku buta tetapi Allah mengembalikan penglihatanku. Aku tidak punya apa-apa. Dia menjadikanku kaya. Lalu kamu ambillah apa sahaja yang kamu kehendaki. Demi Allah, aku tidak akan menahanmu dengan sesuatu yang aku ambil atas nama Allah. Dia kemudian berkata: Ambillah apa sahaja yang kamu ada, kerana aku datang untuk menguji kamu semua. Allah gembira dengan kamu dan murka dengan kedua-dua sahabatmu."

Kritikan

Jelaslah ini merupakan cerita khayalan yang direka oleh Abu Hurairah daripada sekian banyak cerita yang pada masa ini ditulis dan dipopularkan, dan ia bertujuan untuk menggambarkan akibat bersyukur atas kurniaan Allah dan juga akibat mengkufuri nikmat-Nya.

50. Cerita khayalan keempat menunjukkan akibat penganiayaan yang buruk

Al-Bukhari108 dan Muslim109 telah menceritakan bahawa Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi (s.'a.w) bahawa: " Seorang wanita terpaksa masuk neraka kerana seekor kucing yang diikatkannya dan tidak diberi makan dan tidak dibenarkan pula makan serangga-serangga di bumi."

Kritikan

Hadith ini dinafikan 'A'isyah, kerana apabila dia dapat tahu mengenainya, dia pun berkata: " Seorang mu'min lebih bernilai di hadapan Allah berbanding perkara tersebut hingga Dia boleh menghukumnya kerana seekor kucing. Oleh itu, sekiranya kamu meriwayatkan daripada Nabi (s.'a.w) kamu harus memberikan perhatian apa yang kamu ceritakan."

Jelaslah ini juga merupakan cerita khayalan yang menerusinya dia cuba menunjukkan akibat buruk melakukan penganiayaan dan layanan yang tidak baik.

51. Cerita khayalan kelima menunjukkan kebaikan berbuat baik

Al-Bukhari110 menceritakan bahawa Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi (s.'a.w) bahawa: " Allah mengampuni perempuan pelacur yang melintasi seekor anjing yang berdiri di tepi sebuah lubang (berair) dalam keadaan dahaga yang amat sangat. Lalu dia menanggalkan kasutnya, mengikatkannya dengan kain penutup muka dan menimba air dengannya dan memberi anjing itu minum. Oleh kerana itu, Allah mengampuninya sebagai balasan."

52. Cerita khayalan dengan tujuan yang sama seperti yang terdahulu

Al-Bukhari111 menceritakan daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan daripada Nabi (s.‘a.w) bahawa: “ Seorang lelaki sedang berjalan di jalanan apabila dia merasa terlalu dahaga. Dia melintasi sebuah telaga, turun ke dalamnya, minum dan keluar daripadanya. Kemudian dia terlihat seekor anjing tercungap-cungap dan menjilat tanah kerana dahaga. Lalu dia turun ke dalam telaga dan mengisi kasutnya dengan air dan membawanya ke atas dengan mulut. Kemudian dia memberi minum anjing itu. Allah menghargai perbuatannya dan mengampuni dosadosanya.”

Kritikan

Cerita ini dan cerita sebelumnya, kedua-duanya adalah cerita dongeng dan khayalan belaka yang dihasilkan oleh Abu Hurairah untuk menunjukkan akibat baik dengan melakukan perbuatan yang baik dan sifat mengasihani dan menggalakkan amalan berbuat baik dan berakhlak mulia.

53. Kekufuran melampaui batas yang Allah ampuni

Muslim112 menceritakan daripada Mu‘ammar yang mengatakan bahawa al-Zuhri berkata kepadanya: “ Izinkan aku menceritakan dua buah hadith yang pelik kepadamu? Hamid bin ‘Abd al-Rahman menceritakan daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa Nabi (s.‘a.w) berkata: Seorang lelaki melakukan perbuatan yang keterlaluan terhadap dirinya. Apabila maut mendatanginya dia meninggalkan wasiat kepada anakanaknya:

“ Apabila aku mati, bakarlah aku, kemudian hancurkankan debu-debuku, dan lepaskannya ke udara di lautan lepas, kerana demi Allah, sekiranya Tuhanku dapat mengambilku Dia akan memberikan hukuman yang Dia tidak pernah berikan kepada sesiapa.” Mereka pun melakukannya berdasarkan wasiat itu. Kemudian Allah memerintahkan bumi: “ Keluarkan, apa yang kamu ada,” dan di situ dia berdiri. Allah kemudian berkata kepadanya: “ Apa yang membuatkanmu melakukan apa yang telah kamu lakukan itu?” Dia menjawab: “ Kemurkaanmu, Ya Tuhan.” Lalu Allah mengampuninya.” Al-Zuhri juga turut mengatakan bahawa Hamid bin ‘Abd al- Rahman menceritakan daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) berkata:

“ Seorang wanita masuk neraka kerana seekor kucing yang diikatkannya dengan tidak diberikan makanan dan tidak pula dibenarkan mencari makanannya sendiri daripada serangga di bumi.”

Kritikan

Mengenai wanita dengan kucing itu, sekiranya dia seorang mu’minah, justeru

seperti kata ‘A’isyah ketika mendengar cerita ini, dia lebih bernilai di hadapan Allah untuk dihukum dengan api neraka kerana seekor kucing. Sekiranya dia seorang kafir, dia akan dihukum kerana itu.

Mengenai lelaki yang melakukan perbuatan keterlaluan, menurut riwayat hadith ini, tidak melayakkan diberikan pengampunan kerana dia bukan sahaja tetap dalam keadaan kufur sepanjang hidupnya bahkan pada masa matinya juga tetap bersikap ingkar dan berputus asa terhadap rahmat Allah dan cuba meletakkan dirinya yang berdasarkan fikirannya, kekuasaan Allah tidak akan dapat mencapainya, walaupun kekuasaan Allah meliputi segala sesuatu . Oleh sebab itulah, dia membuat wasiat yang amat buruk yang membayangkan sifat putus asa daripada rahmat Allah dan penafian kekuasaan Allah. Sudah pasti, orang kafir sepertinya tidak patut dan tidak layak sama sekali mendapat pengampunan menurut persepakatan pendapat.

Bahkan sekiranya diandaikan bahawa wasiat orang yang berdosa itu menjadi penyebab kepada pengampunan, adalah tidak mungkin bahawa Nabi (s.‘a.w) akan menceritakannya tanpa memberikan peringatan berbentuk larangan melakukan perbuatan seperti itu, kerana sekiranya dia meriwayatkannya tanpa arahan seperti itu, sebagaimana yang Abu Hurairah tunjukkan baginda lakukan, orang mu’min akan tersesat, dan ini dengan jelas menunjukkan bahawa mustahil ia dikatakan perbuatan Nabi (s.‘a.w).

54. Orang berdosa bertaubat kepada Allah kemudian kembali melakukan dosa berulang kali lalu Allah mengatakan kepadanya: “Buatlah apa yang kamu suka, kerana Aku telah mengampunimu.”

Menurut Muslim, Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi (s.‘a.w) bahawa: “ Seorang telah melakukan dosa, lalu mengatakan: Ya Allah, ampunilah dosaku. Allah berkata: Hamba-Ku melakukan dosa lalu kemudian menyedari bahawa dia mempunyai Tuhan Yang Maha Mengampuni dosanya dan menghitung dosanya. Kemudian orang itu kembali (pada asalnya) dan melakukan dosa sekali lagi. Lalu dia berkata:

Ya Tuhanku, ampunilah dosaku. Allah berkata: Hamba- Ku melakukan dosa dan memperhitungkannya. Kemudian dia sekali lagi kembali (kepada asalnya) dan membuat dosa lagi sambil berkata: Ya Tuhanku, ampunilah dosaku.

Allah berkata: Hamba-Ku melakukan dosa dan dia menyedari bahawa dia mempunyai Tuhan Yang Maha Mengampuni dosa dan memperhitungkan dosanya. Lakukanlah apa sahaja yang kamu kehendaki kerana Aku telah mengampunimu.”

Kritikan

Hadith ini seperti yang terdahulu dari segi logik, tujuan dan stailnya, merupakan

salah satu yang dikemukakan oleh Abu Hurairah daripada cerita-cerita khayalannya, seperti cerita-cerita yang pernah disampaikan wanita tua, tukang-tukang cerita di mana dia bertujuan untuk menunjukkan kebesaran sifat Maha Pengampun Allah, sedangkan hakikatnya adalah bahawa pengampunan Allah dan rahmat-Nya amat luas sehingga memerlukan mana-mana bentuk cerita dongeng untuk mengesahkan kepercayaan kepadanya. Pada hakikatnya, ia telah diperkukuhkan dengan akal dan juga menerusi ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang telah diakui umum bukan sahaja di kalangan umat Islam tetapi juga semua agama yang lain.

Jelaslah, Allah tidak sama sekali menghendaki manusia melakukan apa yang dilarang. Bagaimana mungkin seseorang boleh melakukan dosa, kemudian memohon keampunan, seklai lagi melakukan dosa dan kemudian memohon keampunan atas perlakuan dosanya dan mengulanginya semula sehingga akhirnya Allah membenarkannya melakukan dosa kerana Dia (Allah) telah mengampuninya. Apakah pula perbuatannya sehingga membolehkan seseorang diandaikan layak untuk mendapat keizinan untuk melakukan dosa sedangkan telah diketahui bahawa bahkan para nabi, rasul dan wali tidak diberikan kelonggaran seperti itu.

Banyak sekali cerita-cerita khayalan para penzalim yang disampaikan oleh Abu Hurairah untuk mengurangkan kadar perbuatan jenayah mereka sebagai contoh, dia mengatakan: " Aku dengar Nabi (s.'a.w) mengatakan: Malaikat maut mendekati seorang yang hampir mati tetapi tidak menemui sebarang kebaikan pada dirinya. Dia membuka hatinya, tetapi di situ juga dia tidak temui sebarang kebaikan. Lalu dia membuka tulang rahangnya dan mendapati tepi lidah menyentuh bahagian atas rahangnya mengucapkan La ilaha illa Allah. Lalu Allah mengampuninya."113

Di antara riwayat-riwayat yang mengandungi cacian dan fitnah manusia ini dapatlah dikemukakan seperti berikut: Salat telah disiapkan dan saf-saf disediakan. Apabila Nabi (s.'a.w) berdiri di atas kain sajdahnya, dia teringat bahawa dia dalam keadaan junub (yang memerlukan mandi wajib). Kita hanya dapat melepaskan diri daripada tuduhan-tuduhan seperti itu terhadap Nabi (s.'a.w) kerana telah diketahui umum bahawa dia (Nabi) sentiasa memelihara diri dalam keadaan bersih dan suci pada setiap masa, iaitu dengan berwudu' dan pada hakikatnya para nabi terlepas sama sekali daripada kekotoran seperti itu. Dalam suasana yang sama adalah riwayatnya yang menafikan kemuliaan Nabi (s.'a.w) ke atas Musa atau hadithnya bahawa sesiapa sahaja mengatakan bahawa Nabi (s.'a.w) lebih utama dan mulia daripada Yunus bin Matta adalah pendusta, sedangkan seluruh umat Islam bersepakat bahawa Nabi (s.'a.w) merupakan manusia paling utama dan mulia daripada sekalian nabi, sebagaimana diperkukuhkan dengan hujah-hujah yang jelas, sahih dan benar.

Demikian juga tentang riwayatnya menyebutkan bahawa tiada perbuatan seseorang yang menyebabkannya masuk neraka. Orang ramai berkata: “ Kamu juga tidak termasuk, wahai Nabi. Katanya: Aku juga (tidak termasuk).114

Inilah batasan menentang ayat-ayat al-Qur’an sebagai contohnya: “ Inilah ganjaran pahala bagimu atas perbuatan yang kamu lakukan.” Manakala hadith ini: Tiada nabi diutuskan melainkan dia biasanya memberikan binatang makan rumput.”115

Kenyataan itu sudah melampaui batas dengan menjatuhkan kedudukan para nabi. Hadith ini pula menyebutkan: Nabi Ibrahim dikhitankan selepas melangkaui usia 80 tahun.116

Hadith ini pula menyebutkan: (Nabi) ‘Isa melihat seseorang mencuri lalu berkata kepadanya, Adakah kamu mencuri? Katanya: Tidak, demi Dia, tiada tuhan melainkan Dia. Justeru dia mengakui dan mengesahkannya dan menafikan apa yang dilihatnya itu.117

Hadith ini pula: Apabila Allah menciptakan Adam, Dia menggosok belakangnya dan dari situ keluarlah setiap ruh yang akan diciptakan sehingga ke hari Qiyamah seperti debu, kemudian Dia menjadikan kilauan cahaya di antara kedua mata setiap orang kemudian Dia meletakkannya di hadapan Adam. Adam bertanya: Siapakah mereka, Ya Tuhanku.” Allah menjawab: Keturunanmu. Di antara mereka, Adam perhatikan seorang yang mempunyai kilauan cahaya antara dua matanya yang menghairankannya, lalu dia berkata: Siapakah dia? Allah berkata: Inilah anakmu, Dawud. Adam berkata: Berapakah usia yang Kamu anugerahkan kepadanya? Allah berkata: 60 tahun.

Katanya: Ya Tuhanku, tambahilah 40 tahun daripada usiaku kepadanya, menjadikan usianya 100 tahun. Allah berkata: Apabila ia dicatat dan dicapkan, ia tidak dapat diubah lagi. Kini, apabila usia Adam sudah sampai, malaikat maut datang kepadanya untuk mematikannya, Adam berkata: “ Bukankah 40 tahun daripada usiaku masih ada.” Malaikat maut berkata kepadanya: “Bukankah kamu telah memberikannya kepada anakmu, Dawud?” Lantas, Adam menyangkalnya dan begitulah juga keturunannya.118

Demikianlah hadithnya yang hampir sama dengan dia menunjukkan keadaan luarbiasa, di antara contoh-contohnya di sini sebelum menutup perbincangan ini sebagai tambahan kepada apa yang telah pun diperlihatkan dalam halamanhalaman yang lebih awal:

Pertama, hadithnya menunjukkan bahawa berdasarkan percanggahannya sendiri, dia bersama-sama dengan Ala’ bin al- Hadrami apabila dia diutus dalam suatu ekspedisi ketenteraan seramai 4000 orang menuju ke arah Bahrain. Lalu mereka

berjalan sehingga sampai ke sebuah teluk yang tidak pernah dilalui mahupun direntasi. Kemudian Ala' memegang tali kekang kudanya dan melintasi permukaan air sementara tenteranya mengikutinya. Abu Hurairah menambah: " Demi Allah, tiada kaki, kasut mahupun kuku yang basah."

Kritikan

Sekiranya hadith ini benar, setiap orang dalam kumpulan tentera yang mengandungi 4000 orang sahabat akan menceritakannya sebagai suatu hadith yang tampak begitu jelas dengan para perawi (sanad) yang bersambung-sambung. Tetapi pada hakikatnya ia tidak mempunyai kekuatan sanad kecuali kepada Abu Hurairah sahaja. Apalah malangnya! Kedua, hadith tentang Mizwad (bekas bekalan). Abu Hurairah berkata: Aku menghadapi tiga nasib malang yang tiada taranya dalam Islam. Kematian Nabi (s.'a.w), akulah sahabatnya yang rendah diri, pembunuhan 'Uthman dan kemudian kehilangan mizwad. Orang ramai bertanya kepadanya apa yang dimaksudkan mizwad. Katanya: " Kami berada bersama-sama Nabi (s.'a.w) dalam suatu perjalanan apabila baginda bertanyakanku: Adakah kamu mempunyai sesuatu?" Aku berkata: " Buah tamar dalam bekas bekalanku." Dia berkata: "

Keluarkanlah." Aku keluarkan tamar itu dan menyerahkannya kepadanya. Dia menyentuhnya dan berdoa dengannya sambil berkata: " Bilang sampai sepuluh." Aku bilang sampai sepuluh dan mereka makan sehingga mereka kekenyangan. Selepas itu, perkara yang sama berlaku sehingga seluruh tentera dapat makan dan buah tamar itu tetap bersama denganku dalam bekas bekalanku. Kemudian dia berkata: " Wahai Abu Hurairah, bila sahaja kamu ingin makan sesuatu daripadanya, letakkanlah ia dalam tanganmu dan janganlah ragu-ragu." Lalu, aku makan daripadanya sepanjang hayat Nabi (s.'a.w), sepanjang hayat Abu Bakr, sepanjang hayat 'Umar, dan sepanjang hayat 'Uthman, namun sebaik sahaja 'Uthman terbunuh aku telah kehilangan apa yang ada di tanganku dan juga bekas bekalanku. Patutkah aku memberitahumu berapa banyak aku makan daripadanya? Aku makan daripadanya sebanyak 200 muatan (unta)!"

Kritikan

Tidak ragu-ragu lagi bahawa Nabi (s.'a.w) biasanya memberi makan sejumlah besar tetamu daripada bekalan yang sedikit dalam beberapa kejadian, dan ia dianggap sebagai suatu mu'jizat dan bukti perutusannya. Namun begitu, hadith ini secara khusus merupakan ciptaan Abu Hurairah sebagai suatu cara untuk memberikan sumbangan untuk kepentingan Bani Umaiyyah dengan mengada-adakan kegemparan tentang pembunuhan 'Uthman dengan cara memperlihatkan pakaiannya yang bersalut darah dan jari jemari tangan isterinya yang terpotong, dan dengan cara itu, menyebabkan orang ramai menangisi dan meratapi kematiannya.

Abu Hurairah kelihatan memiliki sebuah bekas yang jauh lebih besar daripada mizwad (bekas bekalan)nya, yang dengannya dia dapat mengeluarkan hadith dalam apa jua corak, teks atau bentuk yang dia sukai, bila sahaja dia kehendaki dan dalam keadaan bagaimana dia citrakan kerana kerapkali apabila dia meriwayatkan sesuatu dia ditanya: " Adakah kamu mendengarnya sendiri daripada Nabi (s.'a.w)?" dan dia akan menjawab: " Tidak, tetapi ia adalah daripada bekas Abu Hurairah." Sudah jelas ketakjuban Abu Hurairah adalah terlalu banyak untuk dapat dimuatkan dalam satu jilid.

55. Abu Hurairah mengaitkan cerita atau riwayatnya sendiri kepada Nabi (s.'a.w)

Adalah menjadi kebiasaan bagi Abu Hurairah mengaitkan (hadith) secara langsung kepada Nabi (s.'a.w), walaupun hadith-hadith itu diterimanya daripada orang perantara. Dengan kata-kata lain, dia tidak membuat sebarang perbezaan di antara apa yang dia dengari sendiri daripada Nabi (s.'a.w) secara langsung dan apa yang dia perolehi menerusi orang lain. Contoh, riwayatnya bahawa Nabi (s.'a.w) berkata kepada bapa saudaranya, Abu Talib: " Ucapkanlah La ilaha illa Allah, aku akan menjadi saksi untukmu pada Hari Qiyamah…." dan sebagainya. Sudah diketahui umum bahawa Abu Talib wafat 20 tahun sebelum Abu Hurairah datang ke kota Hijaz dari tanah tumpah darahnya, Yaman dan kerana itu, tidak timbul persoalan dia mendengarnya secara langsung daripada Nabi (s.'a.w) yang menyebutkan demikian tetapi Abu Hurairah meriwayatkannya tanpa menyebutkan nama orang tengah atau perantara seolah–olah dia melihat dengan matanya sendiri bahawa Nabi (s.'a.w) berbicara dengan bapa saudaranya, Abu Talib dan benar-benar mendengar kata-katanya.

Sekali lagi, Abu Hurairah menceritakan bahawa ketika ayat " wa andhir 'asyirata-ka'l-aqrabin," diwahyukan, Nabi (s.'a.w) berdiri di antara bapa-bapa saudaranya sambil berkata: "Wahai kaum Quraisy, aku tidak dapat menyelamatkanmu daripada Allah…." Di sini sekali lagi, semua ulama bersepakat bahawa ayat ini diwahyukan semasa zaman-zaman awal kenabian baginda (s.'a.w) bahkan sebelum ia diketahui umum sementara pada masa itu, Abu Hurairah masih lagi berada di Yaman sebagai seorang bukan Islam kerana dia hanya datang ke kota Hijaz kira-kira 20 tahun selepas penurunan wahyu tersebut. Bagaimana mungkin dia boleh mendakwa: Nabi (s.'a.w) berdiri sambil berkata," seolah-olah dia hadir dalam peristiwa itu dan melihat semua yang berlaku dalam kejadian itu dengan matanya sendiri dan mendengar semua perkataan itu dengan telinganya ketika ia ditutur atau diucapkan di tempat itu.

Demikianlah juga, katanya: Nabi (s.'a.w) selalu berdoa dalam qunutnya: " Ya Allah, ampunilah Salma bin Hisyam; Ya Allah ampunilah Walid bin Walid; Ya Allah ampunilah 'Ayyasy bin Abi Rabi'ah; Ya Allah ampunilah orang-orang mu'min yang lemah (yang orang-oang kafir dapat tawan kembali daripada berhijrah….)" Tokoh ulama semasa yang terulung pada zaman ini, Muhammad Amin al-Misri telah juga

merujuk kepada sikap dan tabiat Abu Hurairah apabila dia menyebutkan: Adalah jelas bahawa Abu Hurairah tidak hanya membataskan dirinya kepada apa yang dia sendiri dengar daripada Nabi (s.‘a.w) bahkan dia juga menceritakan daripada Nabi (s.‘a.w) apa yang dia terima menerusi orang lain.

Hakikatnya, Abu Hurairah sendiri mengakui kenyataan ini. Contoh, ketika dia menceritakan hadith yang dikatakan daripada Nabi (s.‘a.w) bahawa seseorang yang berada dalam keadaan berjanabah (berhadath besar) pada waktu subuh tidak harus berpuasa, dan ‘A’isyah serta Umm Salmah menafikannya, dia mengembalikan hadith itu sebaliknya kepada Fadl bin ‘Abbas dengan mengatakan bahawa dia tidak mendengarnya daripada Nabi (s.‘a.w), tetapi daripada Fadl bin ‘Abbas.

Apakah hadith ini palsu atau sahih, kenyataannya adalah bahawa Abu Hurairah di sini dengan sendirinya mengakui bahawa dia memperolehinya daripada Fadl dan bukannya secara langsung daripada Nabi (s.‘a.w).

Mungkin dapat dihujahkan untuk menyokong Abu Hurairah bahawa ia tidak memberikan kesan kepada kesahihan hadith itu sekiranya ia diterima walaupun tidak langsung daripada Nabi (s.‘a.w) , tetapi menerusi seorang perawi selama mana diterangkan bersumber daripada Nabi (s.‘a.w) pada akhirnya. Ini bukanlah alasan yang kukuh kerana kaedah ilmu hadith menghubungkan kepada kesahihan, kejujuran dan kesepaduan semua perawi yang mungkin terlibat dalam periwayatan hadith daripada Nabi (s.‘a.w) hingga ke peringkat terakhir sewaktu ia dicatatkan. Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu kewajiban bagi setiap orang (perawi) yang tidak menerima hadith itu secara langsung daripada Nabi (s.‘a.w) menyatakan nama perawi yang menerimanya secara langsung daripada Nabi (s.‘a.w) dan juga namanama semua orang yang menjadi perawi hingga kepada perawi yang terakhir. Ini merupakan suatu kewajiban bertujuan untuk menguji kesahihan hadith itu menerusi penglibatan hanya para perawi yang benar dan boleh dipercayai, dan hal ini tidak mungkin berlaku sekiranya nama walaupun salah seorang daripada perantara (orang tengah) tidak diketahui. Kesimpulan perbincangan ini menunjukkan bahawa oleh kerana Abu Hurairah selalu membuangkan nama-nama perawi yang menjadi perantaraan dalam kebanyakan hadith yang diriwayatkannya menyebabkan ia boleh dipersoalkan kecuali hadith-hadith itu diakui oleh orang lain menerusi para perawi yang tidak terputus, yang kesahihannya dapat diperiksa dan diuji. Oleh kerana itu, hadith-hadith yang diriwayatkan Abu Hurairah sendirian gagal diterima sebagai hadith yang sahih dan boleh dipercayai.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB XII

56. Abu Hurairah mendakwa dia hadir sedangkan dia sebenarnya tidak hadir

Riwayat-riwayat Abu Hurairah turut diragukan kerana dalam beberapa keadaan, dia mendakwa hadir di tempat itu sedangkan sebenarnya dia tidak hadir dan tidak mungkin dapat hadir kerana alasan-alasan yang dapat ditolak lagi.

Contoh, katanya: Aku memanggil Ruqaiyyah, anak perempuan Nabi (s.‘a.w), isteri ‘Uthman ketika dia sedang memegang sikat di tangannya. Katanya: “ Nabi (s.‘a.w) baru sahaja pergi daripadaku, selepas aku menyikat rambutnya. Dia berkata kepadaku: “ Bagaimana kamu mendapati Abu ‘Abdullah (iaitu ‘Uthman).” Aku berkata: “Baik.” Dia pun berkata: “ Layanilah dia dengan penuh hormat kerana di kalangan sahabatku, dia mempunyai akhlak yang hampir sama denganku.” Al-Hakim telah menceritakan hadith ini dalam al-Mustadrak119 dengan menyebutkan bahawa sumber hadith tersebut adalah sahih tetapi teksnya (matan) tidak dapat dipercayai kerana Ruqaiyyah telah wafat 3 tahun selepas Hijrah pada masa kemenangan al-Badr sedangkan Abu Hurairah memeluk Islam selepas kemenangan Khaybar pada tahun 7 Hijrah. Kenyataan yang sama dicatatkan oleh al-Dhahabi dalam Talkhis al-Mustadrak mengenai hadith ini.

Berhubung dengan sifat terlupa Nabi (s.‘a.w), Abu Hurairah menceritakan: Kami bersalat zuhr atau ‘Asr bersama-sama dengan Rasulullah (s.‘a.w) apabila baginda mengakhirinya dengan hanya dua raka‘at. Justeru itu, Dhu al-Yadain berkata kepada baginda: “ Adakah kamu mengqasarkan (memendekkan) salat atau kamu terlupa.” Namun demikian, Dhu al-Yadain telah pun mati syahid dalam peperangan al- Badr lama dahulu sebelum Abu Hurairah menganuti Islam seperti yang telah diperlihatkan sebelumnya.

Banyak kali juga, Abu Hurairah mengucapkan kata-kata ini untuk meraikan kejayaan: “Kami telah menakluki Khaybar, ketika dia tidak memperolehi emas atau perak sebagai harta rampas perang tetapi hanya bebiri dan kambing, lembu, unta dan sedikit harta seperti …….” Walaupun telah disepakati bahawa dia memang tidak pernah hadir pada masa penaklukan Khaybar. Oleh kerana itulah, para pensyarah keduadua kitab Sahih al-Bukhari dan Muslim turut sama meragui kesahihan ayat tersebut: “ kami menakluki Khaybar,” dan hanya benar-benar dapat mengambilnya sebagai merujuk kepada umat Islam secara umum.

Biasanya, dia juga mengatakan: “ Kami mengambil bahagian dalam Perang Khaybar bersama-sama dengan Nabi (s.‘a.w)…”120 Sebentar tadi telah pun disebutkan bahawa Abu Hurairah tidak pernah hadir dalam Perang Khaybar kerana dia menganuti Islam selepas kemenangan di Khaybar.

Dia juga turut berkata: “ Aku melihat 70 orang ahli Suffah, tiada seorang pun mempunyai sehelai kain menutupi badan mereka.” Kini, fakta menunjukkan bahawa 70 orang ahli Suffah telah mati syahid dalam Perang Bi’r al-Ma‘unah yang

meletus pada bulan Safar tahun 4 selepas Hijrah lama sebelum Abu Hurairah menerima Islam atau datang dari tanah tumpah darahnya, Yaman. Bagaimanakah dia boleh mengatakan bahawa dia melihat mereka?

Sememangnya cukup jelas bahawa Abu Hurairah biasanya menceritakan daripada Nabi (s.‘a.w) apa yang dia sendiri tidak benarbenar mendengar daripada baginda (s.‘a.w) dan dia turut menunjukkan dirinya hadir sedangkan dia memang tidak pernah hadir. Cukup menghairankan bahawa para pengarang Sahih telah memenuhkan kitab mereka dengan cerita-ceritanya tanpa mengambilkira atau mempertimbangkan aspek-aspek tabiatnya yang amat penting ini dalam menyampaikan riwayat hadith tersebut, dan tidak pula menguji hadithhadith itu menurut ukuran yang diterimapakai bagi mengesan pemalsuan dan rekacipta sementara orang ramai pula pada umumnya hanya mengikut pengarang-pengarang kitab Sahih dan melakukan perkara yang sama berkaitan dengan hadith-hadith tersebut tanpa menguji kesahihan dan kebenarannya.

57. Penolakan hadith-hadith Abu Hurairah oleh tokoh-tokoh terawal

Pada masa Abu Hurairah masih hidup itu sendiri, ramai orang menolak dan membenci cerita atau riwayatnya kerana dia menceritakannya dalam jumlah yang sangat besar dan telah menerimapakai gaya atau stail rekaannya sendiri yang agak aneh, yang menimbulkan keraguan dalam pemikiran orang ramai dan mereka enggan menerima hadith tersebut, dari kedua-dua aspek, kualiti dan bilangan (kuantiti).

Abu Hurairah sendiri berkata dalam nada sesal dan tidak berdaya: “ Orang ramai mengatakan bahawa Abu Hurairah menceritakan hadith yang terlalu banyak, namun Allah akan ditemui jua. Mereka juga mengatakan bahawa Muhajirin dan Ansar tidak meriwayatkan hadith sedemikian banyak.” Di sini dia dengan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua aspek, bilangan dan kualiti riwayatnya tidak disukai orang ramai. Dia juga turut memberikan amaran kepada mereka dengan Allah dan Hari Pengadilan ketika mereka semua akan menemui-Nya. Dalam kata-katanya yang lain, dia dengan terang mengatakan: “ Namun mengenai dua baris ayat dalam al-Qur’an, aku tentu tidak meriwayatkan sesuatu kepadamu sama sekali, iaitu:

“ Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam al-Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknat.”121

Ia telah diriwayatkan oleh kedua-dua tokoh, al-Bukhari dan Muslim.masing-masing dalam kitab Sahih mereka. Hujah yang sama telah diterangkan lebih lanjut oleh Abu Zarrin yang mengatakan: Abu Hurairah datang kepada kami, sambil

memukulmukul dahinya dengan tangannya seraya berkata: “ Lihatlah di sini, adakah kamu, orang ramai bermaksud mengatakan bahawa aku berdusta dengan nama Rasulullah (s.‘a.w) bertujuan memberikan petunjuk kepadamu sedangkan aku sendiri tidak mendapat petunjuk.”

Ketika Abu Hurairah datang ke ‘Iraq bersama-sama Mu‘awiyah dan melihat sebilangan besar orang yang datang menyambutnya, dia pun berlutut di Masjid Kufah, kemudian batuk beberapa kali agar orang ramai memberikan perhatian kepadanya dan apabila semua orang berkumpul di sekelilingnya, dia mengungkapkan kepada mereka: “ Wahai penduduk ‘Iraq, adakah kamu aku berdusta terhadap Allah dan Rasul-Nya (s.‘a.w) dan menjadikan diriku layak dihumbankan ke neraka…” dan kemudian dia terus melemparkan segala bentuk tuduhan dan kesalahan ke atas ‘Ali (‘a.s) hanya semata-mata untuk menyenangkan tuannya dan juga musuh-musuh ‘Ali (‘a.s) dengan katakata yang penuh dengan pendustaan dan rekaan.122

Ibn Qutaibah telah mencatatkan dalam kitabnya, Ta’wil Mukhtalaf al-Hadith123 bahawa Nizam mengatakan bahawa ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali (‘a.s) dan ‘A’isyah seringkali mendustakan Abu Hurairah. Bahkan ketika cuba mendebatkan Nizam dan mempertahankan Abu Hurairah, Ibn Qutaibah mengakui seperti berikut: Berhubung dengan keterangan Nizam bahawa ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali (‘a.s) dan ‘A’isyah seringkali mengenepikan Abu Hurairah, hakikatnya adalah bahawa Abu Hurairah berada dalam kumpulan bersama-sama Nabi (s.‘a.w) untuk hanya 3 tahun sahaja dan orang ramai telah meriwayatkan begitu banyak cerita daripadanya. Oleh yang demikian, apabila dia menceritakan lebih banyak daripada apa yang diceritakan berbanding dengan para sahabat yang lain termasuklah sahabat-sahabat besar atau sahabat-sahabat yang terkemuka dalam Islam, mereka menyalahkannya dan mendustakannya dengan mengatakan “ bagaimana kamu mendengar semuanya itu secara bersendirian, dan siapakah lagi yang mendengarnya bersama-samamu?” ‘A’isyah merupakan tokoh yang paling keras mendustakannya kerana hayatnya yang lebih panjang seperti hayatnya juga.

‘Umar juga turut bersikap keras terhadap sesiapa sahaja yang banyak meriwayat tanpa mendapat pengukuhan dan pengesahan terhadap riwayat itu…” Dengan cara ini jugalah, dia (Ibn Qutaibah) mengakui keterangan Nizam itu. Hanya kebenaran jualah yang pasti menyingkapkan kebenaran pada akhirnya. Para sahabat besar dan bahkan orang-orang selepas mereka tetap mendustakan Abu Hurairah sepanjang hayat mereka dan tidak teragak-agak melakukannya, tetapi kebanyakan manusia muslim yang datang selepas mereka mulai mengelakkan diri daripada mendustakannya kerana mereka berpegang kepada kepercayaan tentang “ semua sahabat adalah adil,” pada umumnya dan enggan melakukan penyelidikan atau pengkajian terhadap akhlak mereka sebagai suatu prinsip asas. Dengan cara ini, mereka meletakkan pelbagai bentuk halangan atau rintangan kepada akal dan pemikiran mereka, membutakan mata dan menutupi telinga

mereka sama seperti yang digambarkan dalam ayat al-Qur’an:

“ Mereka tuli, bisu dan buta, maka tidaklah mereka akan kembali (ke jalan yang benar).”124

Walau bagaimanapun, para Imam di kalangan Ahl al-Bait (‘a.s) iaitu kaum kerabat Rasulullah (s.‘a.w) menilai semua sahabat berdasarkan penilaian sahabat terhadap diri mereka sendiri. Oleh itu, berhubung dengan Abu Hurairah, pendapat mereka adalah sama seperti ‘Ali (‘a.s), ‘Umar, ‘Uthman dan ‘A’isyah sebutkan di atas, dan semua pengikut mereka iaitu golongan Syi‘ah sama ada yang awal atau yang akhir sentiasa mengikuti mereka dalam perkara ini mulai pada zaman Amir al-Mu’minin ‘Ali (‘a.s) hingga ke hari ini.

Berhubung dengan pendapat tokoh-tokoh lain, pandangan beberapa orang tokoh terkemuka dicatatkan seperti di bawah: Imam Abu Ja‘far Askafi mengatakan: Abu Hurairah dianggap sebagai seorang gila oleh para ketua kami dan tidak boleh diterima sebagai perawi. Beliau juga mengatakan: Khalifah ‘Umar memukulnya dengan tali cemeti sambil berkata “ kamu menyampaikan riwayat yang keterlaluan banyaknya daripada Nabi (s.‘a.w) dan aku pasti akan memerangimu kerana kamu melakukan penddustaan terhadap Nabi (s.‘a.w).”

Sufyan al-Thauri menceritakan daripada Mansur, daripada Ibrahim al-Taimi yang mengatakan: Orang ramai tidak mengakui hadithhadith Abu Hurairah kecuali yang berkaitan dengan syurga dan neraka. Abu Usamah menceritakan daripada A‘masy yang mengatakan: Ibrahim merupakan seorang yang boleh dipercayai dalam hadith.

Justeru apabila aku mendengar hadith, aku pergi kepadanya dan menyebutkan di hadapannya. Pada suatu hari aku membawa beberapa buah hadith kepadanya yang diceritakan daripada Abu Salih, seterusnya daripada Abu Hurairah. Katanya: Maafkan aku dalam persoalan Abu Hurairah kerana orang ramai biasanya menolak kebanyakan hadith daripadanya.

Telah diceritakan daripada ‘Ali (‘a.s) bahawa beliau berkata: Pembohong besar di kalangan manusia atau katanya, di kalangan manusia yang hidup terhadap Nabi (s.‘a.w) ialah Abu Hurairah al-Dusi.

Abu Yusuf menanyakan Abu Hanifah bahawa dalam sesuatu persoalan yang kita bertembung dengan sebuah hadith dikatakan daripada Nabi (s.‘a.w) tetapi berbeza sama sekali dengan pendapat kita, apakah yang harus kita lakukan terhadapnya. Katanya: “ Sekiranya ia disampaikan menerusi sanad (perawi) yang benar, kita hendaklah mengamalkannya dan mengenepikan pendapat kita.” Kemudian aku berkata: “ Apakah pula katamu mengenai Abu Bakr dan ‘Umar.” Dia berkata: “ Dalam urusan mengenai mereka, aku menegahmu daripada

memberikan pendapat.” Aku berkata lagi: “ ‘Ali (‘a.s) dan ‘Uthman pula.”

Dia berkata: “ Kedua-duanya sama sahaja.” Apabila dia melihat bahawa aku menamakan para sahabat seorang demi seorang, lalu dia berkata: “ Semua sahabat adalah adil melainkan beberapa orang sahaja,” dengan mengecualikan Abu Hurairah dan Anas bin Malik.

Ringkasnya, sudah jelas bahawa Abu Hanifah dan para sahabat lain biasanya menolak hadith-hadith Abu Hurairah apabila ia bercanggah dengan pendapat mereka. Sebagai contoh: Abu Hurairah dan semua sahabat bersepakat bahawa salat akan terbatal disebabkan perbuatan bercakap sama ada terlupa, jahil atau kerana sesuatu yang seolah-olah menunjukkan orang yang melakukannya itu sudah selesai.

Madhhab Fiqh Hanafi adalah jelas dalam persoalan itu dan pendapat yang sama dipegang oleh Sufyan al-Thauri. Ini bermakna bahawa mereka tidak memberikan perhatian dan penekanan langsung kepada hadith Abu Hurairah di mana dia menceritakan bahaw: Nabi (s.‘a.w) pada suatu ketika terlupa dan mengakhiri salat empat raka‘at dalam dua raka‘at, kemudian baginda bangkit daripada tempat salatnya and pergi ke biliknya. Kemudian baginda datang kembali ketika itu ditanyakan kepadanya: “ Adakah kamu mengqasarkan (memendekkan) salat atau terlupa.” Baginda membalas: Aku tidak mengqasarkan dan bukan terlupa.” Kemudian mereka berkata: “ Tetapi kamu melakukan dua raka‘at sahaja bersama-sama kami.” Selesai soal-jawab di antara baginda dengan mereka, baginda percaya apa yang mereka katakan.

Justeru dengan bersandarkan dua raka‘at terdahulu itu, baginda menyempurnakan salat kemudian bersujud sahwi (sujud kerana terlupa). Atas dasar inilah, Imam Malik, Imam al-Syafi‘i dan Imam Ahmad berpendapat bahawa bercakap kerana terlupa semasa bersalat, atau keyakinan orang yang menunaikan salat bahawa dia tidak terikat lagi dengannya tidak menyebabkannya terbatal. Bagimanapun, sebaliknya Abu Hanifah tidak menerima dan mengakui hadith Abu Hurairah kerana dia berpendapat salat terbatal dalam keadaan seperti itu.

Sebelum menamatkan perbincangan, kami kemukakan di bawah ini beberapa contoh yang menunjukkan kedudukan Abu Hurairah pada pandangan beberapa orang sahabat:

(1) Menurut Musaddad dalam Musnadnya, dan Ibn Hajar dalam Isabahnya, Abu Hurairah dikatakan berkata: Apabila ‘Umar mendapat tahu tentang hadith-hadithku, dia mengutus kepadaku dan berkata: Adakah kamu bersama-sama kami pada hari kami berada dalam rumah si-polan dan si-polan?” Aku berkata: “ Ya.” Dia berkata: “ Nabi (s.‘a.w) berkata pada hari itu, barang siapa berdusta terhadapku dengan sengaja, maka sedialah tempatnya di neraka.” Ini merupakan

petunjuk paling jelas bahawa Abu Hurairah bukanlah di kalangan orang-orang yang meriwayatkan hadith semasa ‘Umar bahkan bukan pula termasuk orang-orang yang ‘Umar lihat atau dengar meriwayatkan hadith. Namun begitu, apabila dia mendapat tahu beberapa buah hadith Abu Hurairah menerusi orang-orang lain dan keanehannya memeranjatkannya, dia menghantar peringatan kepadanya untuk memberikan amaran terhadap perkara tersebut dengan pembalasan neraka.

(2) Menurut Ibn ‘Asakir dalam kitabnya, Kanz al-‘Ummal125 ‘Umar pada suatu kali memperingatkan Abu Hurairah dengan katanya: “ Hentikanlah menyampaikan riwayat daripada Nabi (s.‘a.w) atau sekiranya tidak, aku akan campakkanmu ke bumi Dus atau bumi monyet.”

(3) Menurut Imam Abu Ja‘far Askafi, seperti yang telah disebutkan terdahulu, pada suatu kali ‘Umar begitu marah terhadap Abu Hurairah kerana meriwayatkan hadith keterlaluan banyaknya daripada Nabi (s.‘a.w) lalu memukulnya dengan tali cemetinya sambil memperingatkannya dengan kata-katanya: Kamu sudah keterlaluan, dan kerana itu aku terpaksa menentangmu disebabkan pendustaanmu terhadap Nabi (s.‘a.w).

(4) ‘Umar melucutkannya dari Bahrain selepas memukulnya sehingga bahagian belakangnya berdarah dan dia mengambil balik 10 000 dirham harta Bait al-Mal daripadanya dan memberikan peringatan kepadanya dengan kata-kata yang kesat seperti yang diperlihatkan dalam keterangan Abu Hurairah semasa pemerintahan dua orang khalifah.

(5) Menurut Muslim dalam Sahihnya,126 ‘Umar memukul Abu Hurairah pada masa hayat Nabi (s.‘a.w) begitu teruk sehingga jatuh terduduk.

(6) Abu Ja‘far Askafi telah menceritakan bahawa ketika ‘Ali (‘a.s) terdengar mengenai Abu Hurairah meriwayatkan hadith, beliau berkata: “ Dia manusia paling banyak berdusta,” atau katanya: “ pendusta paling besar terhadap Rasulullah (s.‘a.w) di kalangan manusia yang hidup ialah Abu Hurairah.”

(7) Abu Hurairah selalu mengatakan: “ Sahabatku menceritakan kepadaku,” atau “ aku melihat sahabatku,” atau “ sahabatku Nabi (s.‘a.w) telah berkata kepadaku.” Apabila ia disampaikan kepada ‘Ali (‘a.s), beliau berkata: “ Bilakah masanya Rasulullah (s.‘a.w) menjadi sahabatmu, wahai Abu Hurairah?”

(8) Menurut al-Hakim dalam kitabnya, al-Mustadrak127 ketika hadithhadith Abu Hurairah sampai kepada pengetahuan ‘A’isyah, dia mengutuskan seseorang kepadanya dan berkata: “ Apalah hadith-hadith ini yang sampai kepada kami bahawa kamu menceritakan sesuatu daripada Nabi (s.‘a.w). Adakah kamu mendengar lain daripada apa yang kami dengar, adakah kamu melihat lain

daripada apa yang kami lihat?" katanya, " Wahai Umm al-Mu'minin, cermin dan logammu menjauhkanmu daripada Nabi (s.'a.w)."

(9) Abu Hurairah menceritakan bahawa anjing, wanita dan kaldai membatalkan salat lalu 'A'isyah menolaknya dengan berkata: " Aku melihat Nabi (s.'a.w) menunaikan salat di tengah-tengah katil sedang aku pula berada di atas katil menjadi hadangan antara baginda dengan Qiblah."

(10) Abu Hurairah menceritakan sebuah hadith yang menentang berjalan di atas sebelah kaki sahaja. Ketika 'A'isyah mendapat tahu mengenainya, dia berjalan di atas sebelah kaki dan berkata " Aku pasti akan menentang Abu Hurairah dalam persoalan ini."

(11) Abu Hurairah menceritakan bahawa sesiapa berada dalam keadaan berjunub menjelang subuh (dalam keadaan berhadath besar) tidak harus berpuasa. Dia telah ditolak dalam hal ini oleh 'A'isyah dan Umm Salmah seperti yang telah dinyatakan sebelumnya. Hadith ini dan dua hadith yang terdahulu boleh diperolehi di dalam Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith oleh Ibn Qutaibah.128

(12) Dua orang menemui 'A'isyah dan berkata mengenai Abu Hurairah yang telah meriwayatkan daripada Nabi (s.'a.w) bahawa ada tanda ramalan pada wanita dan binatang, yang menjadikan 'A'isyah hilang sabar dan berkata: " Demi Allah yang mewahyukan al-Qur'an kepada Abu al-Qasim (s.'a.w), barang siapa meriwayatkannya daripada Rasulullah (s.'a.w) bercakap dusta."

(13) Pada suatu kali, Abu Hurairah duduk di sebelah tempat 'A'isyah dan menceritakan hadith-hadith daripada Nabi (s.'a.w) ketika 'A'isyah sedang membaca tasbih. Selepas selesai, dia mengatakan: " Bukankah sesuatu yang menghairankan Abu Hurairah menceritakan hadith-hadith daripada Nabi (s.'a.w) dan membuatkan aku mendengarnya ketika aku pula sedang sibuk membaca Tasbih sementara dia akan pergi dari situ sebelum aku selesai. Sekiranya aku dapat menangkapnya, aku akan menafikannya." Hadith ini dan hadith yang terdahulu kelihatan dalam kitab Ibn Qutaibah, Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith.129

(14) Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi (s.'a.w) bersabda: " Apabila seseorang daripada kamu terjaga daripada tidur, dia hendaklah membasuh kedua-dua tangannya sebelum meletakkannya ke pinggan kerana tiada seorang pun tahu ke mana kedua-dua tangan itu pergi." 'A'isyah menolak hadith ini dan enggan menerimanya sambil berkata: " Apakah yang boleh kita lakukan dengan mihras (bekas air yang berat daripada batu yang dipotong).130 Walau bagaimanapun, dapatlah diperhatikan bahawa 'A'isyah kelihatan enggan mengakui kesahihan hadith ini kerana dia tidak yakin dan percaya kepada Abu Hurairah.

(15) Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi (s.‘a.w): “ Sesiapa yang mengusung keranda hendaklah berwudu’.” Ibn ‘Abbas tidak mengakui kesahihan hadith ini sebaliknya terus menolaknya sambil berkata: “ Wudu’ tidak wajib semasa mengusung keranda kayu. Perkara ini juga telah diceritakan oleh sebilangan besar ulama yang terpercaya termasuklah juga Ahmad Amin dalam Fajr al- Islam.131

(16) Ibn ‘Umar selalu meriwayatkan bahawa Nabi (s.‘a.w) membenarkan membunuh anjing kecuali anjing yang digunakan untuk memburu, untuk mengawal kambing dan bebiri atau untuk menjaga ternakan. Disampaikan untuk perhatian Ibn ‘Umar bahawa Abu Hurairah menambah dalam hadith itu, anjing yang menjaga lading. Ibn ‘Umar tidak mengakuinya tetapi sebaliknya menolaknya dengan mengatakan: “ Abu Hurairah mempunyai sebuah ladang, lalu dia mengadakan sedikit tambahan dalam hadith Nabi (s.‘a.w) bertujuan untuk menjaga anjingnya dan juga ladangnya sebagai mengambil sikap berhati-hati. Hadith ini kelihatan dalam kitab Muslim, Sahih.132

(17) Ibn ‘Umar tidak mengesahkan hadith Abu Hurairah mengenai landak dan terus meragui kesahihannya.

(18) Ibn ‘Umar terdengar Abu Hurairah meriwayatkan hadith bahawa barang siapa menyertai upacara pengusungan jenazah, akan mendapat satu bahagian pahala lalu menyatakan: Abu Hurairah telah menyampaikan hadith yang keterlaluan banyaknya.” Dia tidak mengakui kesahihannya sehinggalah dia menghantarkannya kepada ‘A’isyah untuk mendapatkan pandangannya. ‘A’isyah turut meriwayatkannya dan barulah selepas itu, dia mengakui kesahihannya. Hadith ini telah dibuktikan benar. Muslim telah menyebutkannya dalam kitabnya, Sahih.133

(19) Amir bin Syuraih bin Hani turut melakukan perkara yang sama apabila dia terdengar Abu Hurairah menceritakan bahawa: “ Barang siapa mengingini bertemu Allah, Allah suka bertemu dengannya, dan barang siapa membenci bertemu Allah, Allah juga tidak suka bertemu dengannya. Dia tidak mengakui kesahihan Abu Hurairah sehingga dia bertanya ‘A’isyah mengenainya dan ‘A’isyah turut meriwayatkannya sambil memahamkan maksud hadith itu kepadanya. Hadith ini juga telah dibuktikan benar.134

Berhubung dengan persoalan mengenai keadilan semua sahabat, tidak ada bukti yang menyokongnya. Bahkan para sahabat sendiri tidak menyedarinya. Malahan sekiranya diandaikan hadith itu benar, kita sebaiknya mengikutinya sebagai penghormatan kepada sahabat yang kedudukan mereka tidak diketahui, dan bukannya menghormati sahabat yang ditolak oleh setiap orang termasuk ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali (‘a.s) dan ‘A’isyah atau seseorang yang patut ditentang kerana ada bukti yang jelas sementara menentang Abu Hurairah pula, kita memang

mempunyai bukti yang cukup jelas.

58. Protes Abu Hurairah terhadap orang-orang yang menyalahkannya

Abu Hurairah biasanya memprotes terhadap orang-orang yang mendustakannya atau mencari kesalahannya. Dia berkata: Orang ramai berkata bahawa Abu Hurairah terlalu banyak menyampaikan riwayat, hanya kepada Allahlah tempat kembali. Mereka juga mengatakan bahawa golongan Muhajir dan Ansar tidak meriwayatkan seperti mana dirinya. Apa yang pasti saudara-saudaraku di kalangan Muhajirin biasanya menghabiskan masa berjualbeli di pasar manakala saudarasaudaraku di kalangan Ansar pula melibatkan diri dalam hartabenda mereka.

Di pihak yang lain pula, aku tidak punya apa-apa dan senitasa bersama-sama Nabi (s.‘a.w) sekadar untuk mengisi perutku. Oleh itu, aku hadir sedangkan mereka pula tidak hadir dan aku menghafal sedangkan mereka pula terlupa, dan pada suatu hari Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Tidak ada seorang pun di antaramu harus menggulungkan kainnya sehingga aku menghabiskan ucapanku ini kemudian dia hendaklah menyimpannya dalam dadanya agar dia lupa segala katakataku itu.” Justeru aku membentangkan pakaian bercorak kerana aku tidak mempunyai pakaian lain sehinggalah Nabi (s.‘a.w) selesai mengucapkan kata-katanya, kemudian aku menyimpannya dalam dadaku. Lantaran itu, demi Dia yang mengutuskannya dengan kebenaran, aku tidak lupa segala sesuatu daripada kata-katanya sehingga ke hari ini. Demi Allah, bagaimanapun bagi dua ayat al-Qur’an aku tidak akan sekali-kali menceritakan sesuatu kepadamu, iaitu:

“ Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam al-Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknati. Kecuali mereka yang telah taubat dan mengadakan perbaikan dan menerangkan (kebenaran), maka terhadap mereka itulah Aku menerima taubatnya dan Akulah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.”135

Apa yang pasti, Abu Hurairah terpaksa memperlihatkan hadith ini untuk menentang orang-orang yang mendustakannya dalam keduadua perkara berkaitan bilangan hadith dan juga kandungan (kualiti) hadith tersebut. Namun apa yang jelas ini merupakan hadith palsu yang paling buruk dan jauh menyimpang daripada kebenaran. Tidaklah perlu ia diberikan perhatian sama sekali namun pada hakikatnya kedua-dua orang tokoh hadith besar telah memasukkannya sebagai hadith yang sahih dengan senang hati, begitu jelas sekali berdasarkan kepada pegangan mereka yang menganggap baik tentang sahabat secara keseluruhan walaupun dengan melakukan demikian, mereka jelas sekali berlawanan dengan logic dan bahkan keadilan itu sendiri. Terdapat

beberapa perkara pokok untuk menggolongkan hadith itu sebagai hadith palsu:

Pertama: Abu Hurairah mengandaikan bahawa jual dan beli di pasar menjauhkan golongan Muhajirin daripada Nabi (s.‘a.w) sementara penglibatan golongan Ansar pula dalam urusan hartabenda mereka menjadikan mereka berada dalam keadaan seperti itu juga. Namun demikian, apakah pula nilai pendapat ini di hadapan ayat al-Qur’an yang cukup jelas dan ketara ini yang menyebutkan: “ Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jualbeli daripada mengingati Allah.”136

Malang sekali kenyataan yang sengaja diada-adakan bahawa Abu Hurairah mengatakan dia biasanya tetap bersama-sama di sisi Nabi (s.‘a.w) ketika ketua dan pemimpin lain tidak hadir, dan dia mengatakan demikian tanpa sedikit pun penyesalan atau sanggahan kerana pastinya, dia melakukannya pada zaman Mu‘awiyah ketika pada masa itu, ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali (‘a.s), Talhah, Zubair, Salman, ‘Ammar, Miqdad, Abu Dhar dan lain-lain dari kalangan kelompok tersebut telah tidak ada lagi.

Sememangnya dia telah mengatakan sesuatu yang besar. Alangkah jauhnya persoalan tersebut daripada reality? Orang ramai sudah sedia mengetahui perhubungan di antara kedudukan ‘Ali (‘a.s) dengan Nabi (s.‘a.w) iaitu hubungan darahnya, keluarbiasaannya, sentiasa bersamasama dengan Nabi (s.‘a.w) dalam ketenteraan semenjak masih kanakkanak, Nabi (s.‘a.w) mendakapkannya ke dadanya, menempatkannya di tempat tidurnya agar menyentuhi tubuhnya supaya ‘Ali (‘a.s) dapat menciumi bauan kenabiannya, dan Nabi (s.‘a.w) biasanya mengunyahkan sesuatu lalu memberi ‘Ali (‘a.s) makan. Justeru, tidak ditemui sebarang bentuk pendustaan dalam kata-katanya atau kekurangan dalam perbuatannya. Allah juga telah menempatkan ‘Ali (‘a.s) dari segi akhlak dan budi pekerti yang hampir sama dengan Nabi (s.‘a.w), sementara ‘Ali (‘a.s) pula biasanya mengikuti Nabi (s.‘a.w) seperti seekor anak unta mengikuti langkah ibunya.

Nabi (s.‘a.w) pada setiap hari mengangkat kedudukannya semakin lama semakin tinggi dalam ilmu dan akhlak, dengan memerintahkannya mengikuti jejak langkahnya. Pada masa-masa tersebut, hanya terdapat dua orang sahaja iaitu ‘Ali (‘a.s) dan Umm al-Mu’minin Khadijah sentiasa berada bersamasama dengan Rasulullah (s.‘a.w).

Justeru itu, ‘Ali (‘a.s) menyaksikan cahaya wahyu dan menciumi haruman kenabian baginda. Sebagai tambahan kepada keistimewaan-keistimewaan tersebut, beliau juga merupakan pintu ilmu Rasulullah (s.‘a.w), pemberi hukum yang terbaik di kalangan manusia muslim, penyimpan rahsia Rasulullah (s.‘a.w), pewaris kekuasaan baginda, pengganti kepimpinan baginda, pengelak segala kebimbangan Nabi (s.‘a.w), pemilik pendengaran yang sentiasa sedar, pemilik

khazanah ilmu dalam kitab Allah.

Adakah mungkin orang yang mempunyai keperibadian seperti ini melupakan sebarang perbuatan atau perkataan Rasulullah (s.‘a.w.) yang dikatakan dipelihara oleh Abu Hurairah dalam ingatannya, ataupun beliau menyembunyikan segala sesuatu sedankan Abu Hurairah pula mendedahkannya. Sesungguhnya ini merupakan tuduhan yang amat berat. Lanjutan dari itu juga, di kalangan golongan Muhajirin, hanya terdapat sedikit sahaja bilangan orang yang melibatkan diri dalam jualbeli di pasar.

Sebagai contoh, mereka ialah Abu Dhar, Miqdad, ‘Ammar dan 70 orang ahli Suffah yang merupakan sahabat Abu Hurairah dan seperti yang telah disebutkannya, tidak pernah memiliki sehelai kain pun pada diri mereka sedangkan dia sendiri memiliki kedua-duanya, kain cawat dan juga selimut. Bagaimana mungkin dapat diterima akal kebanyakan mereka tidak meriwayatkan hadith-hadith sampai ke tahap seperti Abu Hurairah lakukan atau sampai ke tahap keterlaluan sama seperti yang dilakukan Abu Hurairah. Sebenarnya, jumlah keseluruhan hadith mereka jauh lebih sedikit berbanding hadithhadith yang secara khusus diriwayatkan Abu Hurairah seorang diri. Keadaan yang sama juga berlaku kepada golongan Ansar. Kebanyakan mereka bukanlah orang berada dan berharta, seperti Abu Hurairah andaikan itu.

Di kalangan mereka ada yang langsung tidak memiliki apa-apa seperti Salman al-Farisi yang dikatakan oleh Rasulullah (s.‘a.w): “ Salman ialah daripada kami, Ahl al-Bait,” dan telah dicatatkan mengenainya dalam kitab al-Isti‘ab, bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Sekiranya agama itu berada di bintang Surayya, Salman

akan dapat mencapainya.” Sementara itu sekali lagi dalam kitab al-Isti‘ab, ‘A’isyah mengatakan sesuatu mengenainya: “ Pada suatu malam Nabi (s.‘a.w) mengizinkan Salman seorang diri mendengarnya sedemikian lama hingga dibimbangi dia mungkin mengatasi yang lain.”

Selanjutnya, menurut kitab al-Isti‘ab lagi, ‘Ali (‘a.s) mengatakan sesuatu mengenai dirinya: “ Pasti, Salman seumpama Luqman al-Hakim kerana dia memiliki keilmuan masa silam dan masa depan. Dia merupakan lautan ilmu yang tidak pernah ketandusan.” Berhubung dengan dirinya juga, Ka‘b al-Ahbar mengatakan seperti yang dicatatkan dalam kitab al- Isti‘ab: “ Salman penuh dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan…..” dan orang ramai sudah sedia mengetahui bahawa Abu Ayyub al-Ansari tidak memiliki sebarang harta duniawi, kecuali sepasang selipar, untuk menjauhkannya daripada ilmu atau perbuatanperbuatan yang saleh. Kedudukan yang sama terdapat pada diri Abu Sa‘id al-Khudri, Abu Fadl al-Ansari dan tokoh-tokoh lain seumpama mereka yang kesemuanya di kenali termasuk di kalangan tokoh ilmuan dan pemimpin golongan Ansar.

Perlu juga diingat bahawa masa Nabi (s.‘a.w) bukanlah dihabiskan begitu sahaja, tetapi setiap masa baginda, sama ada siang atau malam diperuntukkan untuk perkara-perkara tertentu dengan teratur. Oleh itu, untuk tujuan menyampaikan ilmu baginda telah tetapkan masa tertentu yang tidak bertembung dengan urusan berjualbeli di pasar ataupun masa-masa melibatkan urusan hartabenda.

Dengan demikian, golongan Muhajirin dan juga Ansar tidak pernah menggagalkan diri untuk hadir pada masa itu kerana mereka benarbenar memerlukan ilmu bukan seperti yang dibayangkan oleh orangorang yang berfikiran cetek.

Kedua, sekiranya Nabi (s.‘a.w) mengatakan sesuatu kepada para sahabatnya bahawa sesiapa yang membentangkan kain mereka sehingga selesai kata-kataku dan sebagainya …. Adalah benar, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Abu Hurairah, sudah tentulah mereka akan melompat ke atasnya dengan penuh semangat, kerana penghormatan tidak boleh diperolehi semata-mata dengan melakukan perjalanan atau ilmu boleh dijamin hanya dengan menghabiskan wang.

Lebih dari itu, apakah yang ada di sana untuk menghalangi mereka daripada mencapainya atau menghentikan mereka daripada membentangkan kain mereka untuk mengejarnya? Kenapakah mereka mengelakkan diri daripada melakukan demikian kerana ia samalah seperti menjauhkan diri daripada mencari ilmu dan menyembunyikan sesuatu yang Nabi (s.‘a.w) mengajak mereka kepadanya. Sudah pasti, ia bukanlah demikian dan kita tidak dapat fikirkan demikian mengenai mereka, khususnya kerana mereka semua memang bersemangat mengikuti perintah Rasulullah (s.‘a.w) dan mengejar apa sahaja yang baginda seru kepadanya.

Ketiga, sekiranya riwayat Abu Hurairah itu memang benar, para sahabat sewajarnya bertaubat dan menyesal dengan begitu sekali kerana mencuaikan diri untuk mencapai kemuliaan yang sangat besar dan memperolehi ilmu yang begitu banyak. Kekecewaan mereka akan berpanjangan kerana kegagalan membentangkan kain mereka kepada Nabi (s.‘a.w) walaupun tiada masalah atau usaha diperlukan untuk melakukannya. Sebenarnya mereka sudah sepatutnya mempersalahkan satu sama lain dan meletakkan kesalahan kepada satu sama lain kerana memilih untuk tidak melakukannya. Pada masa yang sama, mereka sepatutnya merasa cemburu terhadap Abu Hurairah kerana kejayaannya mengatasi mereka biarpun sebenarnya dia hanya mempunyai sehelai kain sahaja sementara tiada seorang pun di kalangan mereka yang memiliki dua helai kain atau lebih. Oleh kerana kita tidak pernah bertembung dengan sesuatu seperti itu, ia menunjukkan dengan jelas bahawa seluruh cerita atau riwayat ini merupakan cerita rekaan Abu Hurairah.

Keempat, sekiranya benar apa yang diceritakan oleh Abu Hurairah, orang lain

yang Nabi (s.‘a.w) turut sampaikan kata-kata baginda dalam kejadian membentangkan kain mereka itu harus turut menyampaikan riwayat tersebut. Sebenarnya mereka patut menganggap cerita itu sebagai salah satu tanda kenabian, lambing kemuliaan Islam dan bukti yang menyokong agama itu. Cerita atau riwayat mengenainya tentulah tetap berlanjutan dan mereka pasti menjadikannya terang benderang seumpama matahari di siang hari. Oleh kerana perkara itu tidak pernah wujud, kita hanya dapat menganggapkannya sebagai rekaan Abu Hurairah.

Kelima, terdapat kepelbagaian dalam riwayat tentang kejadian ini oleh Abu Hurairah sendiri. Menurut keterangan A‘raj yang kelihatan dalam Sahih al-Bukhari,137 Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda pada suatu hari kepada para sahabat baginda: “ Tidak wajar bagi setiap seorang daripada kamu membentangkan kainnya sehingga kata-kataku ini berakhir dan kemudian membungkuskanya ke arah dadanya agar dia tidak lupa sesuatu daripada kata-kataku itu.”

Justeru, aku membentangkan kain bercorakku kerana aku tidak mempunyai kain yang lain selain darinya sehingga Nabi (s.‘a.w) mengakhiri kata-kata baginda dan aku membungkuskannya ke dadaku. Demi Dia yang mengutuskannya dengan kebenaran, sampai ke hari ini aku tidak lupa sesuatu daripada kata-kata baginda itu.

Di tempat yang lain pula seperti dicatatkan oleh al-Maqbari, dia meriwayatkannya seperti berikut: Aku berkata, wahai Rasulullah (s.‘a.w), aku mendengar sebuah hadith daripadamu dan aku terlupa mengenainya.” Kata baginda: “ Bentangkan kain selimutmu.” Kemudian dia gerakkan tangan di atasnya, lalu berkata: “ Bungkuskanlah.” Aku membungkuskannya, dan selepas dari itu aku tidak lagi terlupa. Kini, menurut bentuk riwayat yang diberitahu oleh A‘raj, perkara itu berlaku di antara Nabi (s.‘a.w) dan para sahabatnya menunjukkan bahawa Nabi (s.‘a.w) memanggil semua sahabat agar membentangkan pakaian mereka sebagai suatu pemahaman tentang sifat terlupa mereka, sedangkan dalam bentuk riwayat yang lain dicatatkan menerusi al- Maqbari, perkara itu berlaku di antara Abu Hurairah sebagai seorang darinya dan Nabi (s.‘a.w) menunjukkan bahawa Abu Hurairah mengadu kepada Nabi (s.‘a.w) tentang sifat pelupanya.

Selanjutnya, bentuk riwayat yang lain menerusi A‘raj merujuk kepada tidak melupakan ucapan kata-kata Nabi (s.‘a.w) manakala bentuk riwayat yang dicatatkan menerusi al-Maqbari merujuk kepada bebas daripada sifat pelupa secara umumnya, iaitu setiap perkara sama ada ia merupakan hadith atau sesuatu yang lain.

Masih ada satu lagi bentuk riwayat hadith ini. Muslim telah menceritakan dalam Sahihnya,138 daripada Ibn Musayyab di mana Abu Hurairah dikatakan telah

mengatakan: “ Selepas hari itu aku tidak lagi terlupa sesuatu yang Nabi (s.‘a.w) ceritakan kepadaku.” Bentuk riwayat ini menerangkan keadaan lebih bebas daripada sifat pelupa berbanding dengan bentuk riwayat menerusi A‘raj tetapi lebih kurang sedikit berbanding dengan al-Maqbari.

Kemudian terdapat bentuk riwayat Ibn Sa‘d dalam kitabnya, Tabaqat139 bersumberkan Amr bin Mardas bin ‘Abd al-Rahman al-Jundi menunjukkan bahawa Abu Hurairah berkata: Nabi (s.‘a.w) berkata kepadaku, “ bentangkanlah pakaianmu.” Lalu aku membentangkannya. Kemudian baginda menceritakan kepadaku sepanjang hari. Kemudian aku membungkuskan pakaianku ke arah dadaku and aku tidak lagi terlupa sesuatu daripada kata-kata baginda. Di sini adalah wajar diperlihatkan bahawa kata-kata “ baginda menceritakan sepanjang hari “ kelihatan hanya dalam bentuk riwayat ini dan tidak ada dalam riwayatriwayat yang lain.

Kitab al-Isabah oleh Ibn hajar mengandungi suatu lagi bentuk riwayat hadith bersama dengan yang lain dan menunjukkan bahawa Abu Hurairah pergi menemui Nabi (s.‘a.w) sewaktu baginda sakit. Lalu dia memberikan salam kepadanya ketika dia sedang berdiri dan Nabi (s.‘a.w) bersandar ke dada ‘Ali (‘a.s) manakala tangan ‘Ali (‘a.s) di dada Rasulullah (s.‘a.w) mengurut-urutkannya. Kaki Nabi (s.‘a.w) diluruskan.

Nabi (s.‘a.w) berkata: “ Datang ke mari, wahai Abu Hurairah.” Dia pergi lebih dekat. Kata baginda: “ Datanglah lebih hampir, wahai Abu Hurairah.” Dia datang lebih dekat. Baginda sekali lagi berkata: “ Dekatlah lagi wahai Abu Hurairah.” Dia pun mendekatkan diri lebih hampir sehingga jarinya mencecah jari Nabi (s.‘a.w). Kemudian baginda berkata: “ Duduklah.” Lalu dia pun duduk. Kemudian baginda berkata: “

Letakkanlah pakaianmu di sebelah berdekatan denganku.” Abu Hurairah memegang pakaiannya, membukanya dan membentangkannya dekat Nabi (s.‘a.w). Nabi (s.‘a.w) kemudian berkata kepadanya: “ Haruskah aku memberitahumu cara bertindak yang kamu tidak patut tinggalkan selama hayatmu.” Katanya: “ Silalah beritahu.” Kemudian baginda berkata: “ Kamu hendaklah mandi pada hari Jumaat dan hendaklah melakukannya pada awal pagi dan tidak melibatkan diri dalam perkaraperkara yang sia-sia., dan aku nasihatkan kepadamu berpuasa selama 3 hari setiap bulan kerana ia seolah-olah seperti berpuasa selama sepanjang tahun. Dan aku nasihatkanmu mendirikan dua raka‘at salat subuh, tidak sekali-kali meninggalkannya, walaupun kamu mendirikan salat sepanjang malam, kerana salat dua raka‘at itu mengandungi banyak keistimewaan. Nabi (s.‘a.w) mengulanginya sebanyak 3 kali, kemudian baginda berkata: “ Bungkuslah pakaianmu.” Lalu aku membungkusnya ke dadaku.

Menurut Abu Hurairah seperti dipetik oleh Ibn Hajar dalam kitabnya, al-Isabah,140

Abu Ya‘la turut menceritakan menerusi al-Walid bin Jami‘ bahawa Abu Hurairah meriwayatkan: Aku mengadu kepada Nabi (s.‘a.w) mengenai kelemahan ingatanku sewaktu baginda berkata: “ Bukalah kain selimutmu.” Kemudian dia membukanya sambil berkata: “Sekarang gulungkanlah ia ke dadamu.” Aku lalu menggulungkannya. Selepas dari itu, aku tidak pernah lupa mana-mana hadith.

Sekali lagi, menurut Ibn Hajar dalam al-Isabahnya, Abu Ya‘la seterusnya menceritakan menerusi Yunus bin ‘Ubaid daripada Hasan albasri daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Sesiapa yang mengambil daripadaku suatu ayat, dua ayat atau tiga daripadanya agar mengikat mereka dan menyebarkannya.”

Justeru, aku membentangkan kain selimutku di hadapan baginda sementara aku bercakap. Seterusnya aku menggulungkannya. Aku harap aku tidak melupakan sesuatu daripada kata-kata baginda. Imam Ahmad juga turut meriwayatkan bentuk hadith ini. Abu Nu‘aim juga dalam kitabnya, Hilyat al-Awliya’,141 diceritakan daripada ‘Abdullah bin Abi Yahya daripada Sa‘id bin Abi Hind daripada Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Wahai Abu Hurairah, tidak mahukan engkau menanyakanku perkaraperkara penting di bahuku dan berharga yang rakan-rakanmu tanyakan. Aku berkata: “ Aku mohon kepadamu supaya mengajarkan kami apa yang Allah telah memberitahumu.” Kemudian aku mengeluarkan pakaian berwarna di belakangku dan membentangkannya di antara diriku dan dirinya. Ia seperti aku masih melihat Kemudian Nabi (s.‘a.w) menceritakan kepadaku sedangkan aku mendengarnya dengan penuh perhatian. Kemudian baginda menyuruhku mengambil balik pakaian dan menggulungkannya ke arah diriku. Sebagai kesudahannya, aku tidak pernah terlupa lagi suatu patah perkataan daripada apa yang disampaikan kepadaku.

Kini, sesiapa yang mengkaji hadith ini dalam segala bentuknya sebagai diriwayatkan menerusi pelbagai rangkaian perawinya, dia akan mendapati perbezaan dalam perkataan dan juga dari segi logik dengan setiap sumber perawi dan melihat bahawa tiada perkataan mahupun logik membawanya kepada satu matlamat bahkan ia tidak juga menuju ke arah yang sama kerana setiap satu daripadanya bercanggah di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, hadith ini dengan jelas bukanlah hadith yang sahih.

Keenam, Abu Hurairah berkata: Lalu aku membentangkan pakaian bercorakku itu, kerana aku tidak ada pakaian yang lain. Ini bermaksud bahawa dia berkeadaan telanjang. Kedudukan ini sudah tentu tidak dapat diterima. Untuk menyelesaikan kedudukan ini, al- Qastalani dan Zakariyya al-Ansari dalam syarah-syarah mereka cuba mentafsirkannya dengan maksud dia membentangkan sebahagian sahaja daripada pakaian itu. Bagaimanapun, ini tidak dapat disokong oleh kata-kata Abu Hurairah sendiri.

Ketujuh, dalam kandungan hadith itu sendiri cerita yang digambarkan dalam hadith yang sedang dibincangkan menunjukkan cerita dongeng pada umumnya direka oleh seseorang yang tidak berilmu tinggi dan ia tidaklah sama sekali berbeza daripada ciptaan para penjahat. Dalam mana-mana keadaan, ia sama sekali tidak boleh diambil kira sebagai mu'jizat Rasulullah (s.'a.w).

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

BAB XIII

59. Beberapa mu'jizat Nabi (s.'a.w) yang menakjubkan

Mu'jizat Nabi (s.'a.w) yang hakiki membingungkan bukan sahaja orang yang bijaksana dengan cahaya kebenarannya dan mengalahkan para penzalim yang besar di bumi ini dengan kecemerlangan sifat tabi'inya dan penerimaan kejadian itu hingga menyebabkan mereka menundukkan kepala mereka dalam keadaan mengaku kalah dan mengakui kebesarannya.

Di sini ada beberapa contoh mu'jizat:

(1) Ketika Nabi (s.'a.w) mengutuskan 'Ali ('a.s) ke Yaman, baginda menepuk dada 'Ali ('a.s) dengan tangan baginda sambil berkata: " Ya Allah, berilah petunjuk kepada hatinya dan perkukuhkan lidahnya." 'Ali ('a.s) telah menceritakan bahawa selepas itu beliau tidak teragak-agak membuat keputusan di antara dua kumpulan.142

(2) Ketika Allah mewahyukan ayat: " agar diperhatikan oleh telinga yang mendengar,"143 Nabi (s.'a.w) mengatakan kepada 'Ali ('a.s): " Aku memohon Allah menjadikannya pada telingamu." 'Ali ('a.s) telah menceritakan bahawa selepas itu beliau tidak lagi terlupa segala sesuatu dan bagaimana dapat beliau lupa?144

(3) Pada peristiwa Khaybar, 'Ali ('a.s) memegang panji-panji, Nabi (s.'a.w) berkata: " Ya Allah, perkuatkanlah dia terhadap kepanasan mahupun kesejukan." 'Ali ('a.s) berkata: " Selepas dari itu, keadaan panas ataupun sejuk tidak lagi memberikan masalah kepadaku." Pada hakikatnya, selepas itu 'Ali ('a.s) biasanya keluar pada musim sejuk dengan dua helai pakaian, sehelai kain dan selimut manakala pada musim panas pula dengan baju panjang luar yang agak tebal, memperlihatkan kebenaran mu'jizat Nabi (s.'a.w) dan meninggalkan kesan yang berkekalan.

Keterangan ini diberikan oleh Imam Ahmad ibn Hanbal dalam kitab Musnadnya, juga oleh Ibn Abi Syaibah, Ibn Jarir dan lain-lain dan diakui benar dalam kitab Muntakhab Kanz al-'Ummal pada bahagian tepi kitab Musnad oleh Imam Ahmad ibn Hanbal.145

(4) Ketika Jabir mengadu kepada Nabi (s.‘a.w) mengenai hutang bapanya, dia pergi bersama-sama dengannya ke kawasan pembantingannya dan berpusing mengelilinginya sambil berdoa mengharapkan kemurahan di dalamnya. Kemudian dia duduk di sana dan para pemiutang juga turut datang ke sana. Baginda membayar semua hutang kepada mereka sementara bakinya masih ada untuk Jabir dalam jumlah yang sama dengan apa yang mereka kutip itu.

(5) Apabila Rasulullah (s.‘a.w) berkehendakkan kebaikan kepada seseorang, baginda akan berdoa untuknya, dan sekiranya berkehendakkan keburukan baginda akan memohon keburukan untuknya sebagaimana baginda lakukan terhadap Mu‘awiyah ketika baginda bersabda: “ Allah tidak akan memenuhkan perutnya, atau sebagaimana baginda lakukan terhadap Hakam bin Abi al-‘As. Dalam mana-mana keadaan, kita tidak dapati mana-mana perbuatan Nabi (s.‘a.w) seperti yang pernah dilaporkan oleh Abu Hurairah yang terlalu jauh daripada kebijaksanaan baginda yang begitu terserlah yang daripadanya, mata orang yang sesat turut memperolehi cahaya, dan darinya mercu ketinggian petunjuk biasanya muncul, seperti menyelesaikan kesukaran yang membingungkan dan menyimpangkan diri menerusi lorong-lorong kegelapan dan kejahilan.

60. Sekilas pandang tentang kebaikan Abu Hurairah

Kami telah meneliti semua kitab hadith yang mu‘tabar untuk mencari kemuliaan Abu Hurairah sekiranya ada diriwayatkan oleh Nabi (s.‘a.w), tetapi malangnya kami tidak menemui sesuatu kecuali Abu Hurairah sendiri sebagaimana dapat dilihat dengan jelas daripada contoh berikut.

Pengarang kitab al-Isti‘ab mengatakan sesuatu mengenainya: Abu Hurairah menganuti Islam pada tahun berlakunya Perang Khaybar, mengambil bahagian dalam perang itu bersama-sama Nabi (s.‘a.w) dan kemudian merapatkan diri selamanya dengan Rasulullah (s.‘a.w) bukannya kerana cintakan ilmu, sekadar berpuashati hanya untuk mengisi perutnya. Justeru, tangannya biasanya berada pada tangan Rasulullah (s.‘a.w) dan dia biasanya pergi bersama baginda ke mana sahaja baginda pergi. Dia merupakan orang yang paling kuat ingatan di kalangan semua sahabat Nabi (s.‘a.w). Dia hadir mendengar Nabi (s.‘a.w) kerana tiada orang lain di kalangan semua Muhajirin dan Ansar hadir, kerana golongan Muhajirin sibuk dalam mengejar perniagaan sedangkan golongan Ansar pula melibatkan diri dalam perniagaan harian. Nabi (s.‘a.w) sendiri menyaksikan bahawa dia mengingini ilmu dan hadith seperti dikatakannya kepada baginda:

“Wahai Rasulullah (s.‘a.w) Aku telah mendengar banyak hadith daripadamu dan aku bimbang mungkin aku lupa.” Nabi (s.‘a.w) berkata kepadanya: “ Bentangkanlah pakaianmu.” Aku lalu membentangkannya dan Nabi (s.‘a.w) menggerakkan tangan baginda ke atasnya dan kemudian berkata: “ Gulungkanlah ia.” Selepas itu, aku tidak lupa segala sesuatu.

Kelebihan-kelebihan ini dan yang lain-lain sepertinya merupakan kandungan (teks) hadith-hadith yang Abu Hurairah sendiri ceritakan dan kita tidak pula dapat mencari mana-mana autoriti untuknya kecuali dirinya sendiri. Perkara yang sama juga membabitkan semua aspek yang diceritakan daripadanya sebagaimana kebanyakan ulama sudah pun sedia maklum.

Marilah kita menganalisis kenyataan tersebut. Oleh kerana Abu Hurairah menganuti Islam dalam tahun berlakunya Perang Khaybar, ia dibuktikan menerusi riwayat-riwayat selain daripada dirinya sendiri, namun begitu sama ada Abu Hurairah mengambil bahagian dalam peperangan tersebut bersama-sama dengan Rasulullah (s.'a.w) , kami tidak pula temuinya diriwayatkan oleh mana-mana orang yang lain selain daripada Abu Hurairah sahaja, dan para cendikiawan dan ilmuan yang telah menjelaskan dakwaannya yang mengakui kehadirannya dalam peperangan itu dengan cara yang berbeza-beza.

Dalam persoalan dia mendekatkan diri kepada Nabi (s.'a.w) dan terus berada di situ bukannya kerana cintakan pengetahuan dan merasa puas dengan hanya mengisi perutnya dan tangannya dalam genggaman tangan Nabi (s.'a.w), oleh yang demikian dia akan pergi ke mana sahaja Nabi (s.'a.w) pergi, inilah perkara yang Abu Hurairah dakwakan tetapi pemberatan untuk membuktikan kesahihannya tergantung kepadanya. Dalam hubungan ini, dia berkata: " Aku datang ke Madinah sementara Nabi (s.'a.w) pula di Khaybar, dan pada masa itu aku berusia lebih 30 tahun. Justeru aku tinggal dengannya sehingga baginda wafat.

Biasanya aku bergilir-gilir dengannya dalam rumah isteri-isterinya. Aku bekerja sebagai orang suruhannya, aku berperang dalam peperangan bersama dengannya dan melakukan haji dengannya. Aku mengatasi semua manusia dalam ilmu mengenai hadith-hadithnya. Demi Allah, terdapat orang yang bersama dengannya lebih awal berbanding denganku, tetapi setelah mengetahui keakrabanku dengannya biasanya mereka menanyakanku tentang hadith-hadithnya.

Mereka termasuklah 'Umar, 'Uthman, 'Ali ('a.s), Talhah, Zubair …… " dan lain-lain. Sikap Abu Hurairah yang tidak sedikit pun merasa malu meriwayatkan hadith seperti itu benar-benar memeranjatkan, kerana ia jelas sekali berlawanan dengan kenyataan dan jauh sekali daripada kebenaran, tetapi bagi mereka yang benar-benar mengetahui fakta tersebut akan mengetahui bahawa dia tidak meriwayatkan hadith itu pada zaman para sahabat terdahulu, ulama dan anggota-anggota masyarakat yang penting. Hanya selepas kematian hampir semua sahabat itu dan penaklukan bumi yang lain seperti Syria, 'Iraq, Mesir, Afrika dan Iran ketika sebilangan besar sahabat berkurangan sementara bilangan orang muslim di kawasan yang dikuasai bertambah dan mereka tidak pernah mengetahui sesuatu pada zaman Nabi (s.'a.w), lalu Abu Hurairah memberanikan diri dengan mulai meriwayatkan hadith.

Cara ini sebenarnya merupakan masa ketika kebanyakan pendusta mendapati diri mereka berada bersama di alam yang baru di mana hanya beberapa orang sahaja mengetahui kedudukan pada zaman awal Islam. Mereka mendapati orang ramai di persekitaran yang baru hanya bersetuju sahaja dengan mereka dan menerima sebagai suatu ibadat apa sahaja yang mereka dengar daripada mereka. Ini adalah kerana pada pandangan kumpulan baru ini, para pendusta tersebut mewakili kumpulan terakhir dari kalangan sahabat besar Nabi (s.‘a.w) yang dikatakan pemelihara segala perbuatan dan pemegang amanah perutusan baginda (s.‘a.w) yang baik, yang kerana itu bertanggungjawab kepada penyebarannya.

Pada masa yang sama, pemerintahan Bani Umaiyyah mengabadikan segala usaha untuk menyokong mereka dan dalam keadaan inilah ia menggalakkan mereka untuk menceritakan segala bentuk hadith yang salah dan tidak dapat dibuktikan, walaupun hadith itu mungkin bercanggah dengan hukum-hakam Islam atau tidak dapat diterima akal, ataupun penuh dengan kekejian atau pendustaan, kerana ia bersesuaian dengan tujuan dan perintah dalam polisi mereka yang zalim kerana mereka menjadikan agama Allah sebagai dalih atau helah, menganggap semua makhluk Allah sebagai pengikut setia mereka manakala harta Allah sebagai hak milik mereka.

Dengan cara ini, kumpulan pendusta ini memberikan khidmat sebagai alat pemerintah jahat dan zalim ini. Di pihak mereka pula, para pemerintah tersebut menaungi dan dan membantu mereka dengan menggunakan pelbagai cara menerusi kekuasaan mereka yang zalim itu secara berleluasa. Ini kerana para pendusta tersebut terbukti menjadi anggota yang berkhidmat kepada mereka, iaitu sebagai lidah kepada tuntutan mereka dan mata kepada semua perancangan mereka yang dapat dilihat. Jelaslah bahawa orang-orang seperti inilah yang dikatakan oleh al-Qur’an sebagai:

“ Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis al- Kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu dikatakannya: “ Ini daripada Allah.”146

Demi Allah, seseorang yang memberikan perhatian secara serius akan merasa hairan tokoh-tokoh hadith yang terkemuka seperti al- Bukhari, Muslim, Ahmad ibn Hanbal dan lain-lain dalam kelompok yang sama, yang menggunakan akal fikiran untuk mengkaji tetapi kemudian tunduk akur seperti orang-orang yang bisu dan bebal berhadapan dengan apa yang Abu Hurairah dan lain-lain yang seumpama mereka inginkan. Terlalu banyak persoalan menjelma dalam benak fikiran di sini.

Contohnya, adakah mereka mempunyai keberanian untuk mengetahui bila ‘Ali (‘a.s), ‘Umar, ‘Uthman, Talhah, Zubair dan lain-lain dari kalangan tokoh-tokoh terdahulu pernah bertanya sesuatu kepadanya? Adakah persoalan yang mereka tanyakannya pada masa jaga, tidur atau dalam keadaan khayal? Apakah pula hadith yang mereka tanyakan? Siapakah lagi selain daripada Abu Hurairah telah

meriwayatkan perkara tersebut mengenai mereka? Pengarang kitab terkemuka manakah telah menyebutkan nama salah seorang daripada mereka yang meriwayatkan daripada Abu Hurairah walaupun sebuah hadith sekalipun? Bilakah pula mereka bergantung kepada riwayatnya? Kenyataannya adalah bahawa kami tidak pernah mendapatinya meriwayatkan (hadith) semasa mereka masih ada, atau dia berani menyampaikan riwayat di hadapan mereka. Di satu pihak lagi, mereka biasanya merendah-rendahkan kedudukannya dan seringkali pula mendustakannya sebagaimana yang telah dibicarakan dengan panjang lebar dalam halaman-halaman terdahulu.

Marilah kita terus menganalisis petikan daripada kitab al-Isti'ab. Berkenaan dengan kenyataannya bahawa Abu Hurairah merupakan tokoh yang paling kuat hafalan di kalangan semua sahabat Nabi (s.'a.w), ia hanya diambil daripada hadithnya yang terdahulu: " Aku merupakan orang yang paling mengetahui hadith dari sekalian orang." Berhubung mengenai keterangan, " dia hadir mendengar Nabi (s.'a.w) kerana tiada seorang pun dari kalangan golongan Muhajirin dan Ansar menghadirkan diri…" ia diambil daripada riwayat yang dia kemukakan mengenai pembentangan kainnya dan persoalan tersebut telahpun dibincangkan dengan panjang lebar untuk menunjukkan kepalsuannya.

Berkenaan dengan kenyataannya bahawa Nabi (s.'a.w) sendiri menyaksikan bahawa dia suka akan ilmu dan hadith adalah diambil daripada keterangan Abu Hurairah sendiri: Aku kata, Wahai Rasulullah (s.'a.w), siapakah orang yang bernasib baik diberikan syafa'atmu? Baginda membalas: " Ketika aku memperhatikan keinginanmu kepada hadith, aku fikir tidak ada orang lain kecuali engkau berada dalam kedudukan yang baik untuk menanyakan soalan ini." Ia telah diceritakan oleh al-Bukhari dalam kitab Sahihnya menerusi al-Maqbari daripada Abu Hurairah. Ibn Hajar turut memasukkannya ke dalam kitabnya, al-Isabah merujuk kepada Abu Hurairah. Turut sama diceritakan dalam kitab yang sama bahawa Abu Hurairah biasanya berkata: " Aku tetap berada bersama Nabi (s.'a.w) selama 3 tahun ketika tiada seorang pun kecuali aku yang amat suka akan hadith-hadith daripada baginda."

Sebagaimana yang telah diperlihatkan dalam halaman-halaman terdahulu, keistimewaan-keistimewaan yang didakwanya itu termasuklah seperti berikut:

. Bekas bekal (Mizwad) yang daripadanya seramai lebih daripada 200 orang dapat makan.

. Hambanya yang dibebaskan atas nama Allah.

. Dua buah bekas ilmunya, salah satunya dia bukakan manakala yang kedua dia tidak bukakannya.

. Doa Nabi (s.‘a.w) untuknya dan untuk ibunya.

. Dia berjalan di atas air sehingga melintasi seluruh teluk tanpa dibasahi air walaupun sebelah kaki.

Dilihat dari analisis setiap daripada keistimewaan tersebut yang dikemukakan dalam halaman-halaman sebelumnya, seseorang sudah tentu akan ketawa dan menangis pada masa yang sama. Dalam keadaan yang amat menyedihkan ini kita hanya dapat mengucapkan ayat al-Qur’an berikut:

“ Inna li-Llah wa inna ilaihi raji‘un (Daripada Allah kita datang kepada Allah pula kita kembali).”

61. Beberapa perkara baru tentang Abu Hurairah

(1) Imam Ahmad ibn Hanbal dalam Musnadnya147, sebuah riwayat Abu Hurairah menerusi Muhammad bin Ziad yang berkata: Ketika Marwan menjadi gabenor di Madinah dalam zaman kekuasaan Mu‘awiyah, biasanya dia melantik Abu Hurairah menjalankan kewajibannya. Kemudian Abu Hurairah biasanya menghentakkan kakinya dan melaungkan: “ Sila beri laluan, sila beri laluan, gabenor datang, gabenor datang.”

(2) Ibn Qutaibah al-Daynawari telah menceritakan dalam kitabnya, al- Ma‘arif148 mengenai Abu Hurairah daripada Abu Raf‘i yang berkata: Marwan menlantik Abu Hurairah melaksanakan kewajibannya sebagai gabenor di Madinah. Dia kemudian akan menunggang kaldai dengan meletakkan pelana keras dan menutup kepalanya dengan pelepah tamar. Sekiranya dia berjumpa seseorang, dia akan berkata: “ Tolong beri jalan, gabenor datang.” Kadang-kala dia melintasi kanak-kanak yang sedang bermain permainan gagak pada waktu malam. Mereka tidak dapat melihat sesuatu sehinggalah dia berada di khalayak mereka. Kemudian dia akan menghentakkan kakinya. Diceritakan juga oleh Ibn Sa‘d dalam kitab Tabaqat,149 mengenai Abu Hurairah daripada beberapa sumber.

(3) Abu Nu‘aim menceritakan dalam kitabnya, Hilyat al-Awliya’,150 mengenai Abu Hurairah dengan sumbernya sampai kepada Tha‘labah bin Abi Malik al-Qarzi yang menceritakan: Abu Hurairah muncul di pasar membawa seikat kayu yang dijunjung di atas kepalanya sedangkan pada masa itu dia sedangkan menjalankan kewajiban sebagai pengganti Marwan, lalu dia melaungkan: “berilah laluan untuk gabenor, wahai Ibn Abi Malik.” Aku berkata kepadanya: Ini dah cukup untukmu.” Dia berkata sekali lagi: “ berilah laluan kepada gabenor,” dan ikatan kayu itu berada di atas kepalanya.

(4) Abu Nu‘aim turut menceritakan dalam Hilyat al-Awliya’,151 mengenai Abu Hurairah menerusi Ahmad ibn Hanbal, daripada Abi ‘Ubaidah Haddad, daripada ‘Uthman al-Syahham daripada farqad al-Sabkhi yang menceritakan: “ Abu

Hurairah sedang melakukan Tawad sambil berkata:

“ Celakalah perutku ini, apabila aku memenuhkannya, ia menyusahkanku dan apabila aku mengosongkannya ia mencelakakanku.”

(5) Al-Zamakhsyari menceritakan dalam kitabnya, Rabi‘ al-Abrar bahawa Abu Hurairah biasanya mengatakan: “ Ya Allah, kurniakanlah gigi yang dapat mengunyah, perut yang hadam dan isi perut atau usus yang mudah kosong.”

(6) Dalam kitab yang sama, diceritakan bahawa Abu Hurairah suka akan Muzirah. Muzirah ialah sejenis makanan yang disediakan bersama susu yang menjadikannya masam. Justeru, biasanya dia makan bersamasama Mu‘awiyah, tetapi apabila sampai waktu salat, dia akan mendirikan salat yang diimamkan ‘Ali (‘a.s). Apabila ditanyakan kepadanya dikatakan: “ Muzirah Mu‘awiyah sungguh enak dan indah sedangkan salat di belakang ‘Ali (‘a.s) memberikan pahala yang lebih.”

Oleh kerana alasan inilah, dia dikenali Syaikh al-Muzirah. Cerita ini menunjukkan bahawa Abu Hurairah ada dalam Perang Siffin, tetapi dia tetap mempertahankan keputusan yang tidak memihak di antara keduadua kumpulan dengan dua wajah dan dua lidah, yang bertujuan agar dia tidak memudaratkan dirinya untuk pergi kepada parti atau kumpulan yang menang pada akhirnya.

Masih terdapat satu tempat di antara Syria dan ‘Iraq berdekatan Siffin, sebuah binaan yang dikenali sebagai tempat Abu Hurairah. Orang ramai menceritakan bahawa sepanjang beberapa hari dalam Perang Siffin, Abu Hurairah biasanya menunaikan salat bersama orang-orang ‘Ali (‘a.s), sementara makan pula bersama-sama Mu‘awiyah dan ketika peperangan bertambah hebat, dia akan pergi ke kawasan berbukit yang berhampiran. Apabila ditanya mengenainya dia berkata: ‘Ali lebih mengetahui (alim), manakala Mu‘awiyah pula lebih selamat.”

(7) Abu Nu‘aim menceritakan dalam kitabnya,152 Hilyat al-Awliya’ daripada Abu ‘Uthman al-Nahdi bahawa pada suatu ketika, Abu Hurairah dalam perjalanan ketika orang ramai berhenti dan bersedia menyiapkan makanan. Mereka mencari Abu Hurairah yang sedang sibuk menunaikan salat. Lalu dia berkata: “ Aku berpuasa.” Ketika mereka hampir selesai, dia pun datang dan mulai makan. Orang ramai melihat kepada Rasulullah (s.‘a.w) yang berkata: “ Kenapakah kamu melihatku.

Dia telah memberitahuku bahawa dia berpuasa.” Justeru Abu Hurairah berkata: “ Dia benar. Aku terdengar Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Berpuasa pada seluruh bulan Ramadan ditambahi berpuasa 3 hari dalam setiap bulan menjadikan seseorang seolah-olah berpuasa sepanjang masa,” dan aku telah berpuasa 3 hari dalam bulan itu. Lantaran itu, aku makan sebagai mengurangkan kesukaran daripada

Allah dan sedang berpuasa untuk menambahkan limpah rahmat daripada-Nya.”

(8) Al-Bukhari telah menceritakan dalam kitab Sahihnya153 daripada Muhammad bin Sirin, dan demikianlah juga Abu Nu‘aim telah menceritakan dalam kitabnya, Hilyat al-Awliya’,154 bahawa: “ Kami bersama-sama Abu Hurairah dan dia berpakaian dengan dua helai, diperbuat daripada kain daripada tumbuhan rami yang dengannya dia gunakan untuk membersihkan hidungnya. Kemudian dia berkata: “ Alangkah gembiranya Abu Hurairah sedang membersihkan hidungkan dengan kain tumbuhan rami, biarpun kamu telah menyaksikanku berdengkur di tempat antara mimbar Nabi (s.‘a.w) dan rumah ‘A’isyah sedangkan sesiapa pun boleh datang dann meletakkan kakinya ke tengkukku kerana percaya aku gila. Sebenarnya ia bukanlah kerana gila tetapi lebih kerana kelaparan.”

(9) Perkara baru mengenainya adalah dia biasanya bermain sidr sejenis permainan. Ibn al-Athir menulis tentang pengertiannya dalam kamus besarnya, al-Nihayah seperti berikut: Seseorang telah dikatakan menceritakan: “ Aku lihat Abu Hurairah bermain Sidr…” Kemudian dia menambahkan: “ Sidr ialah sejenis permainan melibatkan perjudian…”

Kamus besar, Lisan al-‘Arab turut memberikan pengertian yang sama kepada perkataan tersebut dengan tambahan bahawa terdapat sebuah hadith oleh Yahya ibn Abi Kathir mengenainya hingga dikatakan: “ Sidr merupakan permainan syaitan yang lebih ringan bermaksud bahawa ia perbuatan syaitan.”

(10) Berbicara mengenai pengertian Aqrab dalam kitab Hayat al- Hayawan, al-Damiri menyatakan bahawa ia permainan “ syatranj ” (catur) sambil menambahkan bahawa Saluki menceritakan ia sah daripada ‘Umar ibn al-Khattab, khalifah kedua, Abu Basr serta Abu Hurairah, manakala Abu Hurairah bermain permainan ini sudah lumrah diketahui dalam kitab-kitab hukum Islam. Dia juga turut mengatakan bahawa Ajiri telah menceritakan daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Sekiranya kamu melintasi orang-orang yang sedang bermain dengan permainan catur dan silap mata, jangan berikan salam kepada mereka.”

62. Kematian Abu Hurairah dan keturunannya yang masih selamat

Kematian Abu Hurairah berlaku di istana dekat Abiq. Dia kemudian dibawa ke kota Madinah di mana anak-anak ‘Uthman bin ‘Affan (Khalifah ketiga) mengusung kerandanya ke maqam al-Baqi‘ sebagai balasan terhadap penghormatannya kepada bapa mereka. Salat jenazahnya dipimpin oleh al-Walid bin ‘Utbah bin Abi Sufyan, gabenor Madinah, kerana Marwan dipecat. Al-Walid memimpin salat jenazahnya selepas mendirikan salat ‘Asr bersama-sama orang ramai. Mereka yang hadir terdiri daripada Ibn ‘Umar, Abu Sa‘id al-Khudri dan yang lain-lain seperti mereka.

Al-Walid kemudian menulis kepada bapa saudaranya, Mu‘awiyah, seorang khalifah memberitahunya tentang kematian Abu Hurairah dan dia membalas balik: “ Carilah orang-orang yang masih ada dan bayarkanlah mereka 10 000 dinar. Jagalah kaum kerabatnya dan berbuat baiklah dengan mereka, kerana dia merupakan salah seorang yang membantu ‘Uthman dan bersama-sama dengannya dalam rumahnya.

Kematiannya berlaku pada tahun 57 atau menurut sumber lain 58 manakala yang lain-lain menyebutkan 59 Hijrah pada usianya 78 tahun. Di antara kaum kerabatnya yang masih ada yang kami ketahui ialah anaknya, Muharrir bin Abu Hurairah dan anak perempuannya yang dia selalu sebutkan: “ Bapaku tidak membenarkanku memakai emas kerana takutkan api neraka.” Diketahui juga bahawa Muharrir mempunyai seorang anak bernama Naim. Dialah yang menceritakan tentang datuknya bahawa dia memiliki tali dengan 1000 biji manik dan dia tidak akan tidur kecuali dia menyebutkan mengenainya.

Diceritakan juga daripadanya bahawa seseorang bertanya kepada Nabi (s.‘a.w): “ Berilah nasihat kepadaku tentang apa yang patut aku tukarkan?” Nabi (s.‘a.w) berkata: : Kamu patut berurusan dalam urusan pakaian kerana ia menggembirakan penjual kain bahawa orang ramai patut berpakaian cantik dan mengikut stail moden.” Ibn Sa‘d telah menyebutkan Muharrir dalam kitabnya, Tabaqat dan menunjukkan susurgalur keturunannya yang berkait dengan Dus. Dia mati semasa pemerintahan ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz. Dia sangat sedikit meriwayatkan hadith.

63. Glosari

Bani Umaiyyah : Kaum kerabat dan keturunan Umaiyyah dikenali sebagai Bani Umaiyyah termasuklah rangkaian khalifah diketuai Mu‘awiyah yang berkuasa selepas kesyahidan ‘Ali (‘a.s) dan perjanjian damai dengan Imam al-Hasan (‘a.s).

Bi‘thah: Permulaan kenabian Nabi Muhammad (s.‘a.w)

Dinar: Wang emas bersamaan dengan 20 Dirham

Dirham: Wang perak

Fiqh: Nama digunakan kepada hukum-hakam Islam dalam pelbagai subjek.

Fitrah: Zakat yang wajib dikeluarkan oleh setiap muslim yang berada pada Hari Raya ‘Aid al-Fitri – 1 Syawwal

Haj atau Hajj: Menziarahi Ka‘bah (Baitullah di Makkah) dengan melakukan amalan-amalannya

Hanafi: Merujuk kepada madhhab fiqh Islam yang mengikuti tafsiran hukum Islam yang dihubungkan kepada Abu Hanifah al-Nu‘man bin Thabit, yang kini merupakan kumpulan majoriti umat Islam

Junub (daripada Janabat): Keadaan seseorang sebelum melakukan mandi wajib selepas mengadakan hubungan kelamin atau mengeluarkan mani

Kursi: (ayat Ayat al-Qur’an yang di dalamnya perkataan kursi (bermaksud kerusi) disebutkan

Qunut: Bahagian salat yang dilakukan seseorang yang bersalat untuk memohon kepada Allah mengurniakan ganjaran tertentu sebagaimana dia kehendaki

Raka‘at: Bahagian yang membahagikan setiap bahagian salat pada umumnya terdiri daripada perbuatan berdiri sementara waktu, ruku‘, dua sujud dan akhirnya duduk sementara waktu dengan setiap satu disertai bacaan-bacaan tertentu.

Syahadatain: Dari segi bahasa, dua penyaksian iaitu menyaksikan dalam bentuk tertentu bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu rasul Allah.

Tasbih: Dari segi bahasa, mengagungkan atau membesarkan Allah. Juga dipakai merujuk kepada suatu tali yang pada kebiasaannya mengandungi 100 biji manik digunakan untuk mengulang-ulangkan perkataan atau kalimah tertentu yang dibaca untuk mengagungkan atau membesarkan Allah.

Ummah atau Ummat: Kata nama digunakan kepada sekumpulan orang yang mengikut Nabi (s.‘a.w) iaitu orang-orang Islam merupakan umat Nabi Muhammad (s.‘a.w). Oleh yang demikian, ia juga turut digunakan kepada umat muslim secara keseluruhannya.

Umm al-Mu’minin (Jamak Ummahat al- Mu’minin): Dari segi bahasa, ibu kaum mu’minin. Gelaran pelengkap digunakan kepada seorang atau beberapa orang isteri Nabi Muhammad (s.‘a.w) dalam bentuk bilangan tunggal atau jamak mengikut peristiwa.

Wudu’: Membasuh tangan, muka dan lain-lain mengikut cara yang telah ditentukan pada umumnya ketika hendak menunaikan salat sebagai suatu tuntutan awal.

Zakat: Mengeluarkan cukai yang telah diwajibkan Islam ke atas harta.

Ijtihad dan Keragaman Pemahaman Agama

Catatan Kaki:

1. Ibn Hanbal, Musnad, II, h.282 (Hadith ini berlawanan dengan ayat al-Qur’an, surah al-Hujurat (49): 9: “ maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah.”)

2 Abu Nu’aim, Hilyat al-Awliya’, I, h. 381.

3 Al-Humaidi, Syarh Nahj al-Balaghah, I, h. 358.

4 Lihat: Al-Humaidi, Syarh Nahj al-Balaghah, I, h.359.

5 Al-Hakim, al-Mustadrak, III, h. 510.

6 Lihat: al-Isabah, IV, h. 240. (Sila lihat baris akhir, dicetak di bahagian tepinya, kitab al-Isti‘ab)

7 Ibn ‘Abd al-Barr, al-Isti‘ab - mengenai ‘A’isyah bersumberkan daripada Ibn Syihab bahawa Rasulullah (s.‘a.w) mengahwininya pada bulan Syawal, tahun ke-10 selepas kenabian (bi‘thah) iaitu 3 tahun sebelum Hijrah.

8 Al-Bukhari, Sahih, I, h. 24. (Kitab al- ‘ilm; Bab Hifz al-‘ilm)

9 Hadith ketiga dengan sanadnya sampai kepada Abu Hurairah. (Ibn Sa‘d, Tabaqat, IV, (bab II), h. 57.)

10 Al-Hakim, al-Mustadrak, III, h. 509; al-Dhahabi, Talkhis - dan dikatakan oleh al-Hakim sebagai hadith sahih.

11 Abu Nu‘aim, Hilyat al-Awliya’, h. 381.

12 Ibn Sa‘d, Tabaqat, II, (bab 2), h. 119.

13 Al-Bukhari, Sahih, I, h.22 (Kitab al-‘ilm). Daripada Wahb bin Munabbih daripada saudaranya Hammam daripada Abu Hurairah

14 Al-Qastalani, Irsyad al-Sari fi Syarh Sahih al-Bukhari, I, h.373.

15 Al-Bukhari, Sahih, IV, no.1, h.57 (Kitab al-Isti’zan); Muslim, Sahih, II, h.481 (Kitab al-Jannah); Ibn Hanbal, Musnad, II, h.315.

16 Al-Qastalani, Irsyad al-Sari, VII, h.90 (Kitab Bid‘i al-khalq).

17 Tarikh Baghdad, II, h.235 - mengenai Muhammad bin al- Husayn al-Matbakhi dipetik daripada kitab Perjanjian Lama (al-‘Ahd al-Qadim).

18 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.92; I, h.100.

19 Muslim, Sahih, I, h.86.

20 Ibn Hanbal, Musnad, II, h.275

21 Al-Bukhari, Sahih, III, h.127 (mengenai tafsiran surah Qaf); Muslim, Sahih, II, (Bab al-Nar) yang dimasukkan dengan orangorang zalim (al-Jabbarun) dan syurga yang dimasukkan dengan orang-orang yang lemah (al-du‘afa’) - menerusi 5 riwayat daripada Abu Hurairah; Ahmad ibn Hanbal, Musnad, II, h.314 - daripada Abu Hurairah.

22 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.68 (Kitab al-da‘wa; bab al-du‘a’ nisf allail); (Kitab al-Kusuf; bab al-du‘a’ wa’l-salat min akhir al-lail), I, h.136; Muslim, Sahih, (Bab al-targhib fi al-du‘a’ wa’l-zikr fi akhir al-lail), I, h.283; Ahmad ibn Hanbal, Musnad, II, h.258 - daripada Abu Hurairah.

23 Ibn Batutah, Kitab al-Rihlah,I, h.57 - turut menghadirinya dan melihat dengan matanya sendiri. Perkara ini diceritakannya dalam kitab pengembaraannya, ketika membicarakan para Qadi di Damsyiq.

24 Al-Bukhari, Sahih, (Kitab bid’i al-khalq, bab qaulu-hu ta‘ala: wa wahab-na li-Dawud Sulaiman ni‘ma al-‘abd inna-hu awwab), II, h.166; dan Muslim, Sahih, (Kitab al-‘Aqdiyyah, bab bayan ikhtilaf al-mujtahidin), II, h.57; Ahmad ibn Hanbal, Musnad, II, h.322 - daripada hadith Abu Hurairah.

25 Al-Qur’an, surah Sad (38):26.

26 Al-Qur’an, surah Sad (38):17-20.

27 Al-Qur’an, surah Sad (38):40.

28 Al-Qur’an, surah al-Isra’ (17):55.

29 Al-Qur’an, surah al-Ma’idah (5):47.

30 Surah Yusuf semuanya diturunkan di Makkah kecuali empat ayat yang diturunkan di Madinah.

31 Al-Qur’an, surah Yusuf (12): 7.

32 Al-Qur’an, surah Yusuf (12): 31.

33 Ibn Hanbal, Musnad, II, h.230 - daripada riwayat Muhammad ibn Ja‘far daripada Syu‘bah daripada al-‘Ala’ daripada bapanya daripada Abu Hurairah, diriwayatkan secara marfu‘.

34 Kami menyebutkannya berdasarkan lafaz hadith Muslim daripada Abu Hurairah menerusi banyak saluran. Dalam Muslim, Sahih,II, h.309 (bab Fada'il Musa, Kitab al-Fada'il); al- Bukhari, Sahih, (Kitab bid'i al-khalq; bab wafat Musa), selepas hadith al-Khaydir, lebih kurang dua halaman, lihat juga dalam II, h.163; dalam Sahih, I, h.158, (Bab man ahabba al-dafn fi al-ard al-muqaddasah; Bab al-Jana'iz).

35 Ibn Hanbal, Musnad, II, h.315.

36 Ibn Jarir al-Tabari, Tarikh al-Umam wa al-Muluk, II.

37 Lihat Al-Qur'an, surah al-Ma'idah (5): 45 – dapat dilihat dalam perenggan 23, al-Asihhah 21, daripada Kitab Tawrat Yahudi dan Nasrani yang menyebutkan: " Diri dengan diri (nyawa), mata dengan mata, gigi dengan gigi, tangan dengan tangan, kaki dengan kaki.....!"

38 Al-Bukhari, Sahih, II, h. 162; I, h. 42.

39 Muslim, Sahih, II, h. 308.

40 Al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 69).

41 Al-Bukhari, Sahih, III, h. 100.

42 Muslim, Sahih, I, h. 97.

43 Al-Bukhari, Sahih, II, h.158.

44 Muslim, Sahih, I, h.71.

45 Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 51.

46 Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 75.

47 Al-Bukhari, Sahih, I, h.42 (sebelum Kitab al-Haid); II, h.160 (sebelum hadith al-Khaydir bersama Musa).

48 Al-Bukhari, Sahih, II, h.114.

49 Muslim, Sahih, II, h.264.

50 Al-Bukhari, Sahih, I, 145 (Bab man yukabbir fi sajdatai al-sahw).

51 Muslim, Sahih, I, h.215 (Bab al-sahw fi al-salat wa al-sujud lahu). Lihat: Ibn Hanbal, Musnad, II, h.234; al-Nawawi, Syarh Sahih Muslim, XI, h.6.

52 Al-Nawawi, Syarh Sahih Muslim, IV, h.235.

53 Ibn Hanbal, Musnad, II, h.271; 284.

54 Muslim, Sahih, I, h.215-216.

55 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.71.

56 Muslim, Sahih, II, h.392.

57 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.39.

58 Al-Bukhari, Sahih, I, h.143.

59 Muslim, Sahih, I, h.204.

60 Al-Qur'an, surah Fussilat (41): 36; al-A'raf (7): 200.

61 Al-Qur'an, surah al-'Ankabut (29): 45.

62 Al-Qur'an, surah al-Nahl (16): 98.

63 Muslim, Sahih, I, h.254 (Bab Qada' al-salat al-fa'ilah)

64 Al-Qur'an, surah al-Muzammil (73): 1-4.

65 Al-Qur'an, surah (20): 2-3.

66 Al-Bukhari, Sahih, I, h.136 (Bab 'aqd al-syaitan 'ala qafiyah alra's idha lam yasil bi'l-lail); Ibn Hanbal, Musnad, II, h.153.

67 Al-Bukhari, Sahih, I, h.73 (Kitab al-Salat; Bab fadl salat al-'isya')

68 Lihat: Al-Bukhari, Sahih, II, h.179; Ibn Hanbal, Musnad, II, h.251.

69 Muslim, Sahih, I, h.254.

70 Al-Bukhari, Sahih, II, h.171, 190.

71 Muslim, Sahih, II, h.316; juga Ibn Hanbal, Musnad, II, h.246.

72 Al-Bukhari, Sahih, I, h.192; III, h.90.

73 Muslim, Sahih, I, h.517.

74 Lihat: Al-Bukhari, Sahih, III, h.9.

75 Al-Hakim, al-Mustadrak, II, h.131.

76 Ibn Hanbal, Musnad, I,h.2.

77 Lihat: Syarh Nahj al-Balaghah, I, h.369.

78 Al-Qanduzi al-Hanafi, Yanabi‘ al-Mawaddah, I, h.90-91; Ibn Hajar al-Haythami, al-Sawa‘iq al-Muhriqah, h.190-193; al-Syablanji, Nur al-Absar, h.89.

79 Lihat: Al-Hakim, al-Mustadrak, III, h.124.

80 Al-Hakim, al-Mustadrak, III, h.111.

81 Al-Bukhari, Sahih, II, h.194.

82 Al-Bukhari, Sahih, II, h.171.

83 Al-Bukhari, Sahih, II, h.125.

84 Muslim, Sahih, II, h.74.

85 Al-Qur’an, surah al-Naml (27): 16.

86 Al-Qur’an, surah Maryam (19): 5-6.

87 Al-Qur’an, surah al-Nisa’ (4): 11.

88 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 180.

89 Al-Bukhari, Sahih, II, h.124.

90 Muslim, Sahih, I, h.31.

91 Al-Qur’an, surah al-Qasas (28): 56.

92 Al-Bukhari, Sahih, II, h.86 (Kitab al-Wisayah; Bab hal yadkhulu al-nisa’).

93 Al-Qur’an, surah al-Kahfi (18): 5.

94 Al-Bukhari, Sahih, II, h.149.

95 Muslim, Sahih, II, h.536.

96 Muslim, Sahih, I, h.412.

97 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.15.

98 Al-Bukhari, Sahih, II, h.167.

99 Muslim, Sahih, II, h.377.

100 Al-Qur’an, surah al-Rum (30): 30.

101 Al-Bukhari, Sahih, II, h.29.

102 Muslim, Sahih, II, h.357.

103 Lihat: Ibn ‘Asakir, Kanz al-‘Ummal, V, h.239 (Hadith al-Sa’ib bin Yazid; no.4857).

104 Al-Bukhari, Sahih, III, h.5.

105 Muslim, Sahih, II, h.533.

106 Al-Bukhari, Sahih, II, h.26.

107 Al-Bukhari, Sahih, II, h.170.

108 Al-Bukhari, Sahih, II, h.149.

109 Muslim, Sahih, II, h .445.

110 Al-Bukhari, Sahih, II, h.35; IV, h.36.

111 Al-Bukhari, Sahih, II, h.35; IV, h.36.

112 Muslim, Sahih, II, h.444.

113 Lihat: Khatib al-Baghdadi, Tarikh Baghdad, IX, h.125.

114 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.6.

115 Al-Bukhari, Sahih, II, h.22.

116 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.65.

117 Al-Bukhari, Sahih, II, h.168 (Bab wa udhkur fi al-kitab Maryam…)

118 Lihat: Al-Hakim, al-Mustadrak, II, h.325. al-Dhahabi turut mengesahkannya dalam kitab Talkhis al-Mustadrak.

119 Lihat: Al-Hakim, al-Mustadrak, II, h.48.

120 Lihat: Al-Bukhari, Sahih, III, h.34.

121 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 159.

122 Lihat: Syarh Nahj al-Balaghah, I, h.359.

123 Lihat: Ibn Qutaibah, Ta’wil Mukhtalaf al-Hadith, h.27.

124 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 18.

125 Ibn ‘Asakir, Kanz al-‘Ummal, V, h.239. (Hadith no.4885).

126 Muslim, Sahih, I, h.34.

127 Al-Hakim, al-Mustadrak, III, h.509.

128 Ibn Qutaibah, Ta’wil Mukhtalaf al-Hadith, h.27.

129 Ibn Qutaibah, ibid, h.126.

130 Lihat: Ahmad Amin, Fajr al-Islam, h.259.

131 Ahmad Amin, ibid, h.259.

132 Lihat: Muslim, Sahih, I, h.625.

133 Muslim, Sahih, I, h.349; al-Hakim, al-Mustadrak, III, h.510.

134 Ibid.

135 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 159-160.

136 Al-Qur’an, surah al-Nur (24): 37.

137 Al-Bukhari, Sahih, II, h.34.

138 Lihat: Muslim, Sahih, II, h.358.

139 Ibn Sa‘d, Tabaqat, IV, h.56.

140 Ibn Hajar, al-Isabah, h.381 (dalam keterangan mengenai Abu Hurairah)

141 Abu Nu‘aim, Hilyat al-Awliya’, h.381 (dalam keterangan mengenai Abu Hurairah).

142 Lihat: Al-Isti‘ab dan kitab-kitab lain. Ahli-ahli hadith menceritakan hadith ini menerusi rangkaian perawi yang dipercayai.

143 Al-Qur’an, surah al-Haqqah (69): 12.

144 Lihat: Al-Zamakhsyari, al-Kasysyaf; al-Tha‘labi, Tafsir al- Tha‘labi, al-Razi dan

lain-lain.

145 Ibn Hanbal, al-Musnad, V, h.44.

146 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 79.

147 Ibn Hanbal, Musnad, II, h.43.

148 Ibn Qutaibah, al-Ma‘arif, h.94.

149 Ibn Sa‘d, Tabaqat, IV, (Bab II), h.6.

150 Abu Nu‘aim, Hilyat al-Awliya’, I, h.382.

151 Abu Nu‘aim, Hilyat al-Awliya’, I, h.382.

152 Abu Nu‘aim, Hilyat al-Awliya’, I, h.386.

153 Al-Bukhari, Sahih, IV, h.175.

154 Abu Nu‘aim, Hilyat al-Awliya’, I, h.379.